

Inisiatif Hijau Shah Alam

berbudi kepada bumi



MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM.

Laporan Tahunan 2013

mengelakkan kepupusan
flora & fauna

Kurangkan pupuk kesedaran
kesan rumah hijau kitar semula dari kecil

penggunaan mengurangkan pencemaran
solar elektrik Mengurangkan pengguna tanah
beg plastik


Kitar semula Sumber Air Bersih
Inisiatif Hijau Shah Alam

Mengekalkan Alam Sekitar berbudi kepada bumi

Udara Bersih mengurangkan mengurangkan
Mengurangkan pembakaran Sampah tapak pelupusan pemanasan global

sama Kekalkan kebersihan
kurangkan sungai

aktiviti
pembalakan



Kandungan


Laporan Korporat

02	Ringkasan Eksekutif	10	Carta Organisasi
	• Dasar	11	Zon Majlis Perwakilan Penduduk
	• Visi	12	Anugerah dan Pengiktirafan
	• Misi	14	Pengurusan Tertinggi MBSA
09	Objektif	16	Ahli Majlis Sesi 2013

Laporan Perkhidmatan

20	Jabatan Kewangan	92	Jabatan Pusat Setempat (OSC)
22	Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan	95	Jabatan Pengurusan Hasil & Pelaburan
29	Jabatan Taman & Rekreasi	98	Bahagian Audit Dalam & Pengaduan Awam
37	Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta	102	Bahagian Pengurusan Stadium
41	Jabatan Bangunan	104	Bahagian Tender Dan Kontrak
46	Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi	107	Bahagian Urusetia Mesyuarat
50	Jabatan Korporat	112	Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)
59	Jabatan Kejuruteraan	115	Pejabat Cawangan Sungai Buloh
61	Jabatan Undang-Undang	120	Pejabat Cawangan Kota Kemuning
65	Jabatan Perkhidmatan Bandar	122	Pejabat Cawangan Setia Alam
75	Jabatan Perancangan	124	Lembaran Imbangan & Penyata Pendapatan
79	Jabatan Khidmat Pengurusan		





Kecemerlangan adalah hasil daripada sikap yang ingin sentiasa melakukan yang terbaik”

Setiap tugas yang diberikan merupakan satu amanah dan perlu dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Selaku salah satu Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di Malaysia, kita mempunyai peranan yang sangat besar dalam memastikan setiap dasar, visi dan misi direalisasikan dengan jayanya.

DASAR MBSA

Khidmat Terbaik

VISI MBSA

Menjadikan Shah Alam bandaraya yang berkualiti, sejahtera, kondusif dan terunggul

MISI MBSA

Meningkatkan tadbir urus MBSA sebagai organisasi yang efisien, efektif, kompeten, dinamis dan terus cemerlang

Ringkasan Eksekutif

Kesungguhan dan komitmen tinggi membawa kepada kecemerlangan perkhidmatan. Kecemerlangan ini boleh kita jadikan sebagai pengukur bahawa selaku PBT, kita telah berjaya menunaikan amanah dan tanggungjawab secara efektif dan kompeten dalam menjayakan dasar, visi dan misi yang telah kita persetujui bersama. Berikut adalah kejayaan dan pengiktirafan yang diterima oleh MBSA sepanjang tahun 2013:

- 1) Johan Peringkat Negeri Selangor, Kategori Pengurusan pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam ke-26 Peringkat Negeri Selangor, anjuran pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor;
- 2) Anugerah Emas di Wilayah Tengah Konvensyen Persekitaran Berkualiti (5S) Peringkat Wilayah 2013, anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC);
- 3) Juara Peringkat Kebangsaan Sektor Kategori Badan Berkanun dan memperoleh Tiga Bintang pada Konvensyen Persekitaran Berkualiti (QE-5S) Peringkat Kebangsaan 2013, anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC);
- 4) Sijil Tanpa Teguran (Sijil Bersih) ke atas penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Sijil Ketua Audit Negara ini dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara bertarikh 27 Ogos 2013;
- 5) Anugerah Persijilan Total Quality Fast Track Management (TQFTM) dan seterusnya telah disenaraipendek bagi memperoleh Anugerah SIRIM 2013;
- 6) Anugerah Bandar Mampan 2012, Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2013. Penilaian tahap kemampunan dibuat berdasarkan pemarkahan di dalam Program MURNInets. Shah Alam memperoleh keputusan kemampunan 97%, iaitu yang tertinggi berbanding 151 PBT di seluruh Negara;
- 7) Johan Inovasi Peringkat Negeri Selangor, Kategori Kumpulan Kecil pada Majlis Sambutan Hari Inovasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013;
- 8) Anugerah Inovasi Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013, pada Majlis Sambutan Hari Inovasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013;
- 9) Penarafan Lima (5) Bintang Dalam Malaysia Government Portals and Websites Assesment 2013 oleh Multimedia Development Corporation (MDeC), Malaysia.
- 10) Anugerah Keseluruhan, Zon Bersih Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor 2013;
- 11) Anugerah Utama, Zon Bersih PBT Selangor 2013;
- 12) Anugerah Jawatankuasa Penduduk (JKP) Paling Aktif, Zon Bersih PBT Selangor 2013;



- 13) Johan – Kriteria Pemantauan Kebersihan Zon Bersih PBT Selangor 2013;
- 14) Johan – Kriteria Penyelenggaraan Landskap Zon Bersih PBT Selangor 2013;
- 15) Johan – Kriteria Pengurusan Program Zon Bersih PBT Selangor 2013;
- 16) Johan – Kriteria Penglibatan Komuniti Zon Bersih PBT Selangor 2013.

Berdasarkan kepada Visi dan Misi Majlis Bandaraya Shah Alam yang dinyatakan seperti di atas, objektif dan perancangan pembangunan bandar raya Shah Alam dilaksanakan melalui **6 teras** berikut:

- i) Menyediakan kehidupan yang sejahtera dan kondusif;
- ii) Semua Jabatan memainkan peranan penting dalam memastikan segala perancangan dan perkhidmatan yang diberikan kepada komuniti Shah Alam mencapai tahap terbaik;
- iii) Semua Jabatan haruslah memberi perhatian / peka terhadap semua aduan yang diterima terutamanya daripada penduduk Shah Alam;
- iv) Mengambil kira kepentingan masyarakat dan pelbagai “stakeholders” sebagai pelanggan / rakan kongsi – untuk mencapai satu persekitaran kehidupan bandar yang selesa dan mesra komuniti serta berkualiti;
- v) Menyokong aspirasi kerajaan dengan mengutamakan sistem penyampaian melalui penambahbaikan dalam sistem perkhidmatan awam ke arah yang lebih tersusun dan efisien bagi melahirkan budaya kerja berintegriti dan cemerlang;
- vi) Menjamin kebahagiaan dan ketenteraman masyarakat Shah Alam melalui aktiviti rondaan keselamatan bersama Polis Diraja Malaysia.



Pembangunan dan pembinaan kemudahan awam

Dewan Bankuet MBSA

Satu tapak dewan dan rekreasi di Seksyen 13, Shah Alam dengan keluasan kira-kira 6 ekar telah dikenalpasti untuk dibangunkan.

Pasar Awam / Gerai

Beberapa pasar awam dan gerai akan dibangunkan di sekitar Shah Alam di antaranya adalah Pasar Seksyen 25, Gerai Seksyen 15, 19 dan U10, Shah Alam.

Padang Bola

Dua tapak tanah kerajaan telah dikenalpasti di Kampung Jalan Kebun dan Kampung Bukit Cherakah dengan keluasan 3 ekar dan 4 ekar masing-masing di mana permohonan pengwartaan telah dibuat.

Mengenalpasti dan mempertingkatkan fungsi taman awam

Taman Awam

Kerja-kerja untuk menaiktaraf Taman Tasik Shah Alam dan taman-taman dalam kawasan pembangunan bagi memastikan fungsinya dapat dipertingkatkan di samping memberi kemudahan riadah kepada penduduk. Antara taman-taman awam yang terlibat adalah, Hutan Lipur Bukit SUK, Taman Rekreasi Seksyen 7 dan Jalan 7/1F, Taman Tasik Shah Alam serta Taman Rekreasi Seksyen 28.

Taman Cergas

Pembangunan semula padang-padang permainan ini melibatkan penyusunan semula kedudukan alatan-alatan di padang; penambahan alatan-alatan seperti wakaf; tempat duduk konkrit; "outdoor gym"; "integrated play structure" dan lampu dengan

kuasa solar dengan kos pembangunan tidak melebihi RM 50 ribu. Shah Alam terbahagi kepada enam Dewan Undangan Negeri (DUN). Pelaksanaan program ini adalah sebanyak 2 kali setahun bagi setiap DUN. Cadangan kos pembangunan program ini satu tahun akan datang adalah :-

- 1 Taman Sihat x 6 DUN x 2 kali setahun x RM 50 ribu = **RM 600 ribu**
- Untuk 5 Tahun = RM 600 ribu x 5 tahun = **RM3 juta**

Menaiktaraf dan mempertingkatkan sistem pengangkutan awam sedia ada

Terminal Bas Seksyen 17 & 19

Lanjutan daripada sesi lawatan pemantauan Ketua Setiausaha Kementerian Pengangkutan Malaysia pada 29 Ogos 2013 ke Stesen Komuter Shah Alam, Seksyen 19, pihak MBSA telah menerima surat daripada Kementerian berhubung permohonan kos pembinaan Hentian Akhir Bandar (Hub) Seksyen 19, Shah Alam. Pihak Kementerian telah bersetuju untuk mengeluarkan kos sebanyak **RM 4 juta** kepada MBSA selepas MBSA mengeluarkan surat pelantikan kontraktor (LOA) bagi pembangunan tersebut. Projek Hentian Akhir Bandar akan memberi kemudahan pengguna pengangkutan awam untuk mendapatkan perkhidmatan bas dan teksi serta diintegrasikan dengan stesen komuter sedia ada.

Tempat Letak Kereta Komuter Seksyen 19

Peruntukan sebanyak RM 3 juta telah diterima daripada pihak Kementerian Pengangkutan Malaysia (MOT) dan mula operasi pada pertengahan Ogos 2014.

Bas Komuniti

Pihak Majlis bercadang untuk menyediakan perkhidmatan kenderaan komuniti berupa bas untuk kegunaan orang awam khususnya golongan warga emas, orang kelainan upaya (OKU),

golongan yang berpendapatan rendah dan kurang kemampuan untuk berurusan di kawasan pentadbiran Majlis Bandaraya Shah Alam. Untuk bajet 2014, telah dimasukkan pembelian sebuah bas komuniti dengan kos pembelian RM 500 ribu sebagai tambahan kepada bas komuniti sedia ada yang disumbangkan oleh syarikat korporat pada tahun 2013. Ia adalah antara perkara di bawah Pelan Tindakan 5 tahun, Seksyen Kerajaan Tempatan, Negeri Selangor.

Meningkatkan aksesibiliti dalam pusat bandar dan tumpuan utama

Laluan Basikal (sambungan)

Majlis akan manjalankan projek sambungan kepada trek sikal sedia ada di Dataran Kemerdekaan ke Stadium Shah Alam dan Seksyen 7 dengan peruntukan sebanyak **RM 2 juta**.



Laluan Pejalan Kaki

Laluan pejalan kaki juga akan dinaiktaraf dan diperkembangkan khususnya di kawasan-kawasan lama Shah Alam untuk keselesaan penduduk dengan peruntukan sebanyak **RM 700 ribu** yang merangkumi kawasan di Seksyen 7, Taman Awam Sungai Buloh dan Taman Awam Seksyen 28.

Penyelenggaraan infrastruktur

Jalan

Jumlah keseluruhan peruntukan yang telah disediakan bagi menaiktaraf jalan-jalan di sekitar kawasan Shah Alam termasuk jalan-jalan utama / persiaran, jalan-jalan di kawasan perindustrian, di sekitar kawasan komersial, taman-taman perumahan dan kawasan kampung adalah sebanyak **RM5,910,800.00**

Selain daripada itu, MBSA juga merancang untuk membina beberapa kemudahan awam seperti jejantas di Seksyen 25 dan Seksyen 7, menyediakan tempat letak motosikal berkunci, tempat

letak kereta untuk OKU dan lain-lain kemudahan awam dengan jumlah peruntukan pembangunan sebanyak **RM2,089,200.00**. Sebagai tambahan, MBSA juga turut merancang untuk menaiktaraf jalan-jalan yang terdapat di sekitar Shah Alam dengan menggunakan peruntukan dari bayaran Improvement Service Fund (ISF) dan Geran MARRIS.

Sumber Peruntukan	Anggaran 2012 (RM)
Peruntukan Majlis (Belanja Pembangunan)	8,000,000.00
Peruntukan ISF	8,000,000.00
Peruntukan MARRIS	52,071,649.00
Jumlah	RM68,071,649.00

Longkang / Longkang Monsun

Terdapat beberapa kawasan yang memerlukan penaiktarafan longkang dan parit besar terutamanya di jalan-jalan utama

persiaran, kawasan-kawasan komersial dan kawasan-kawasan kampung. Antara kawasan-kawasan yang berkaitan adalah seperti di Seksyen 15, 25, 26, 27 dan 28. Manakala kawasan-kawasan kampung yang akan terlibat adalah seperti di Rumah Murah PKNS, Seksyen U19, di Kg. Melayu Subang, Seksyen U6, Taman Paya Jaras Permai, Seksyen U18 dan lain-lain lagi.

Peruntukan sebanyak RM2 juta telah disediakan bagi kerja-kerja menaiktaraf dan memperbaiki longkang dan parit besar tersebut. Sebagai tambahan, MBSA juga turut merancang untuk menaiktaraf dan memperbaiki longkang dan parit besar yang terdapat di sekitar Shah Alam dengan menggunakan peruntukan dari bayaran Improvement Service Fund (ISF).

Sumber Peruntukan	Anggaran 2012 (RM)
Peruntukan Majlis (Belanja Pembangunan)	2,000,000.00
Peruntukan ISF (Improvement Service Fund)	3,000,000.00
Jumlah	RM5,000,000.00

Lampu Jalan

Bagi tahun 2014, kerja-kerja menaiktaraf lampu jalan, pendawaian semula, penggantian tiang dan mengecat tiang akan giat dijalankan di beberapa jalan persiaran, pusat komersil dan industri dengan peruntukan berjumlah RM2,680,000.00.

Keutamaan juga akan diberi untuk kerja-kerja pencahayaan jalan di lorong-lorong belakang dengan jumlah peruntukan sebanyak RM320,000.00. Sebagai tambahan, MBSA juga turut merancang untuk menaiktaraf lampu jalan, pendawaian semula, penggantian tiang dan mengecat tiang dengan menggunakan peruntukan dari bayaran Improvement Service Fund (ISF).

Sumber Peruntukan	Anggaran 2012 (RM)
Peruntukan Majlis (Belanja Pembangunan)	3,000,000.00
Peruntukan ISF	3,000,000.00
Jumlah	RM6,000,000.00

Pembangunan melalui peruntukan MARRIS dan ISF

Peruntukan MARRIS

Sistem maklumat Rekod Jalanraya Malaysia atau dalam singkatan nama MARRIS ialah satu aplikasi yang digunakan untuk merekod maklumat-maklumat jalan seluruh Negara.

Butiran maklumat yang direkod merangkumi panjang, lebar dan bahu jalan. Pihak Berkuasa Tempatan khususnya MBSA terlibat dalam merekod butiran jalanraya seperti Jalanraya Bandaran (JRB); Jalanraya di dalam Kawasan Perumahan Murah (JKPM) dan Lorong Belakang (PLB).

Maklumat-maklumat tersebut telah digunakan di dalam pengiraan geran penyelenggaraan jalan untuk diberikan kepada pihak PBT oleh Kerajaan Persekutuan melalui pihak Kerajaan Negeri. Berdasarkan rekod data MARRIS yang diterima dari pihak Jabatan Kerja Raya Negeri Selangor untuk PBT sehingga 31 Mei 2013, Majlis Bandaraya Shah Alam bercadang untuk mengemukakan permohonan MARRIS berjumlah **RM52,071,649.00** bagi tahun 2014 kepada Kerajaan Negeri bagi kerja-kerja menaiktaraf dan membarumuka jalan serta kerja-kerja berkaitan yang lain.

Sumbangan "Improvement Service Fund" (ISF)

Melalui sumbangan ISF yang dikutip dari pihak pemaju mengikut kadar yang ditetapkan oleh Majlis, sejumlah **RM 14 juta** dicadangkan untuk digunakan ke atas peningkatan taraf jalan dan parit di kawasan-kawasan yang aktif dibangunkan oleh pemaju berkaitan.



MENINGKATKAN IMEJ DAN FUNGSI MBSA

Kaunter Bersepadu MBSA (MBSA Biz Centre)

Bagi mewujudkan kaunter yang lebih mesra pelanggan, Majlis bercadang untuk mengadakan kaunter-kaunter Jabatan di satu tempat iaitu di aras bawah bangunan sayap Wisma MBSA. MBSA Biz Centre juga bertindak sebagai lobi utama MBSA di mana pegawai Khidmat Pelanggan akan ditugaskan. Kerja-kerja merekabentuk akan dibuat bagi keselesaan pengunjung agar tidak perlu bergerak ke pelbagai jabatan untuk urusan. Peruntukan berjumlah RM 1 juta telah diperuntukkan bagi tujuan ini.

PEMBANGUNAN KEBUDAYAAN

Sempena Tahun Melawat Malaysia 2014, MBSA akan mengadakan kerjasama dengan Kementerian Kebudayaan dan Pelancongan untuk menyemarakkan seni budaya dan menjadikan Shah Alam sebagai hub budaya Negeri Selangor. Anggaran peruntukan diperlukan adalah RM 500 ribu, untuk pengisian acara.

PEMBANGUNAN KOMUNITI

Sukan-Sukan Teras – Sepak Takraw, Bola Sepak, Bola Tampar, Bola Tampar Pantai

Peruntukan sebanyak RM100 ribu telah disediakan bagi tujuan ini.

Sukan Riadah – Basikal

Sukan ini akan meningkatkan lagi penggunaan trek sikal yang telah dibangunkan oleh Majlis.

Sukan Rakyat – 'Tele-Match'

Bermula 1 Disember 2013, Majlis akan memperkenalkan semula acara sukan rakyat melalui Karnival Komuniti Sukan Rakyat. Ia akan mempamerkan sukan tradisional dan melibatkan semua MPP di kawasan Shah Alam. Ia akan dijadikan acara tahunan bagi mengeratkan ukhwa warga Bandar khususnya Shah Alam.

Zon Bersih

Satu daripada strategi pembangunan komuniti di Shah Alam adalah melalui program mini ZeeBee yang merupakan lanjutan daripada program zon bersih anjuran Kerajaan Negeri Selangor. Program mini ZeeBee akan dikekalkan dan dipertandingkan di kalangan MPP sebagai salah satu inisiatif pembangunan mampan di bawah LA 21 dengan peruntukan sebanyak RM 500 ribu.

Penutup

Hasrat MBSA adalah untuk memberikan perkhidmatan yang terbaik dan cemerlang untuk kesejahteraan masyarakat. Kecemerlangan ini akan terus dipertahankan malahan akan dipertingkatkan lagi untuk mengharungi tahun 2014 yang lebih mencabar. Dengan adanya jalinan kerjasama dan hubungan baik di antara Ahli-ahli Majlis yang berwibawa dan berpengalaman, diadun pula dengan kematangan dan dinamisme pegawai dan warga kerja MBSA, Insya-Allah masyarakat, khususnya warga Shah Alam akan mendapat perkhidmatan yang terbaik dan berkualiti dari MBSA.

Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd. Jaafar b. Hj. Mohd. Atan
Datuk Bandar



kiri ke kanan:

Tuan Mohtar b. Hani
Timbalan Datuk Bandar

Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd. Jaafar b. Hj. Mohd. Atan
Datuk Bandar

dan


Tuan Hj. Roslan b. Darus
Timbalan Setiausaha

Objektif

- Perkhidmatan Perbandaran yang Efisien.
- Mewujudkan Shah Alam sebagai sebuah Bandar Raya yang Bersih, Indah, Ceria dan Selamat.
- Memastikan Perancangan dan Pembangunan yang Teratur dan Terkawal Selaras dengan Pembangunan Mampan bagi Melonjakkan Pertumbuhan Ekonomi Jangka Panjang Pelabur / Peniaga Dalam dan Luar Negeri.
- Memastikan Budaya Penyelenggaraan yang Efektif dan Konsisten.
- Mewujudkan Bandar Raya Sejahtera.
- Meningkatkan Pembangunan Kemasyarakatan Seimbang dengan Pembangunan Fizikal.
- Memelihara dan Memulihara Alam Sekitar untuk Keselesaan dan Kesejahteraan Warga Shah Alam dan Generasi Masa Hadapan.
- Mewujudkan Persekitaran yang Kondusif, untuk Pertumbuhan Industri, Perdagangan dan Pelancongan.
- Menjadikan Shah Alam Pusat Pembangunan dan Kecemerlangan Ilmu Pendidikan.
- Mewujudkan Persekitaran yang Kondusif dan Selesa bagi OKU dan Warga Emas.
- Tabir Urus yang Cekap, Berintegriti dan Berhemah.
- Memastikan Warga Kerja yang Kompeten, Komited dan Berintegriti.
- Mengutamakan Pelanggan Dalam Memberi Perkhidmatan yang Cekap, Tepat, Telus dan Berkesan Secara Berterusan.
- Membudayakan Penggunaan Teknologi Maklumat dalam Semua Urusan Perkhidmatan.
- Menkuatkuasakan Peraturan dan Undang-Undang secara Berhemah dan Profesional.




Carta Organisasi



Zon Majlis Perwakilan Penduduk

Zon 1-24




- ◆ 1, 2, 3, 4, 5, 6, 14
- ◆ 9, 10, 11, 12, 13
- ◆ 7 & U12
- ◆ 8 & U11
- ◆ 15, 16
- ◆ 17 & 18
- ◆ 19, 20, 21
- ◆ 22, 23, 24
- ◆ 25
- ◆ 26, 27 & 28
- ◆ 29 & 30
- ◆ 31 & 33
- ◆ 32
- ◆ 34 & 35
- ◆ 36
- ◆ U1 & U2
- ◆ U3, U6, U7
- ◆ U4a & U5
- ◆ U8
- ◆ U9, U10 & U14
- ◆ U13
- ◆ U15 & U16
- ◆ U17, U18 & U19a
- ◆ U4b, U19b & U20

Anugerah & Pengiktirafan

1. Anugerah Ceria Bahasa 2000, kategori Pihak Berkuasa Tempatan, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka
2. Tempat Kedua pada Pertandingan Laman Web Terbaik Perkhidmatan Awam Peringkat Negeri Selangor, 2000
3. Antara lima pemenang pada Pertandingan Akhir Laman Web Terbaik Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan, 2000
4. Tuan Rumah Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Selangor 2001
5. Pengisytiharan Bandaraya Shah Alam, 10 Oktober 2000
6. Tuan Rumah Sambutan Hari Kemerdekaan Peringkat Kebangsaan ke-43, 2000
7. Pavillion Antarabangsa Terbaik dan Spesis Terbaik (Pingat Emas), Pameran Anggerik Antarabangsa Miami ke-55, 2000, Florida, USA
8. Hibrid Terbaik (Pingat Emas) dan 'Best Stand Judging' (Pingat Gangsa), Kongres Anggerik Eropah ke-12, 2000, Copenhagen, Denmark
9. Pavillion Antarabangsa Terbaik (Pingat Perak), Pameran Anggerik Kebangsaan Afrika Selatan ke-11, 2000, Pretoria, Afrika Selatan
10. Anugerah Persijilan Amalan 5S dari Perbadanan Produktiviti Negara (NPC), 2001
11. Johan kategori Perkhidmatan, Pertandingan Amalan 5S Peringkat Kebangsaan, 2001
12. Tempat Kedua Anugerah Pameran Antarabangsa, Kongres Asia Pasifik ke-7, 2001, Nagoya, Jepun
13. Anugerah Kualiti Perkhidmatan Perancangan Terbaik 2001, daripada Pertubuhan Perancang Malaysia (tiga tahun berturut-turut)
14. Anugerah Inovasi ICT Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, 2002
15. Tuan Rumah bagi Persidangan Anggerik Sedunia (WOC) ke-17 pada tahun 2002
16. Johan Perbarisan, Perbarisan Hari Kebangsaan 2002, Sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-45 Peringkat Negeri Selangor
17. Tempat Ketiga acara perbarisan, Perbarisan Minggu Wanita Peringkat Negeri Selangor 2002
18. Johan Keseluruhan (kali kedua), Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Selangor ke-2, 2003
19. Johan Perbarisan (kategori Pihak Berkuasa Tempatan), Perbarisan Hari Kebangsaan 2003, Sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-46 Peringkat Negeri Selangor
20. Johan kategori Terbuka-Sektor Perkhidmatan, Amalan 5S Antara Organisasi, 2003
21. Johan, Anugerah Kualiti Kaunter Terbaik Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor, 2003
22. Anugerah Persijilan MS-ISO 9001:2000
23. Johan Keseluruhan (kali ketiga berturut-turut), Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan Selangor ke-3, 2004
24. Menerima Sijil Bersih daripada Ketua Audit Negara bagi Laporan Kewangan MBSA tahun 2001, 2002 dan 2003
25. Anugerah Persijilan Amalan 5S, 2004
26. Johan Perbarisan (kategori Pihak Berkuasa Tempatan), Perbarisan Hari Kebangsaan 2004, Sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-47 Peringkat Negeri Selangor
27. Johan Perbarisan (kategori Pihak Berkuasa Tempatan), Perbarisan Hari Kebangsaan 2005, Sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-48 Peringkat Negeri Selangor
28. Anugerah Inisiatif Persekitaran Fizikal 2005 bagi Perancangan Inovatif dan Kualiti Kehidupan Seimbang: Kajian Kes Taman Wetland Kota Kemuning
29. Juara Kategori A (Bandaraya/Majlis Perbandaran), Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC), 2006
30. Pengiktirafan sebagai Bandaraya Selamat di Malaysia oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2006
31. Johan Perbarisan (kategori Pihak Berkuasa Tempatan), Perbarisan Hari Kebangsaan 2007, Sempena Sambutan Hari Kebangsaan ke-50 Peringkat Negeri Selangor 2007
32. Juara Kategori Pengurusan, Majlis Konvensyen Kumpulan Meningkatkan Mutu Kerja (KMK) ke-20 Peringkat Negeri Selangor, 2007
33. Johan Keseluruhan Kejohanan Sukan Kerajaan Tempatan Selangor, 2007
34. Hadiah Kecemerlangan bagi Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC), Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor, 2007
35. Anugerah Khas Bandaraya Lestari – Inisiatif Pentadbiran Alam Sekitar, 2006/2007
36. Bandaraya Mampan – Petunjuk Bandar Mampan Bandaraya Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Tahun 2007
37. Anugerah Persijilan MS-ISO 9001: 2000, 2008
38. Anugerah Persijilan Amalan 5S dari Perbadanan Produktiviti Negara (NPC), 2008
39. Anugerah Persijilan Amalan Persekitaran Berkualiti dari Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC), 2008
40. Bandaraya Mampan – Petunjuk Bandar Mampan Bandaraya Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Tahun 2009
41. Anugerah Ceria Bahasa 2009, Kategori Pihak Berkuasa Tempatan, anjuran Dewan Bahasa dan Pustaka sempena Bulan Bahasa Peringkat Kebangsaan.
42. Penarafan 4 Bintang Dalam Sistem Star Rating, Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor, 2009
43. Anugerah Pengurusan Pejabat dan Pentadbiran Cemerlang (APPC), anjuran Kerajaan Negeri Selangor, 2009
44. Naib Johan Pertandingan Kawad Formasi Piala Datuk Bandar Petaling Jaya, 2009
45. Tempat Pertama Sepanduk Terbaik Kategori Badan Berkanun/Swasta Sempena Majlis Sambutan Maulidur Rasul Peringkat Negeri Selangor Tahun 1430H/2009M
46. Johan - Majlis Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Piala Datuk Bandar, 2010
47. Johan - Majlis Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Peringkat Negeri Selangor. (Kategori Teknikal), 2010
48. Tempat Ke-2 (bagi Kategori Jabatan dan Bandar Raya) pada Perarakan 10 Tahun, Sempena Sambutan Ulang Tahun Ke-10 Bandar Raya Shah Alam, 2010
49. Johan Pertandingan Kawad Formasi Piala Datuk Bandar Petaling Jaya, 2010
50. Penganugerahan Bandar raya Mampan-Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia, Anjuran Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, 2010
51. Penarafan 5 Bintang bagi Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia, Anjuran MDEC, 2010
52. Pensijilan Semula Amalan Persekitaran Kualiti (QE-5S), 2011
53. Tempat Ke - 3 Bagi Anugerah Kempulan Inovasi & Kreativiti (KIK) pada Konvensyen KIK Peringkat Negeri Selangor 2011
54. Pensijilan Semula MS : ISO 9001:2008 (SIRIM QAS International, Tanpa NCR) 2011
55. Penarafan 5 Bintang bagi Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia, Anjuran MDEC, 2011
56. Anugerah Khas pada Pertandingan Cabaran Meningkatkan Prestasi PBT; melalui satu projek inovasi bertajuk "MEMPROSES PERMOHONAN KELULUSAN PELAN CADANGAN BANGLO BARU (INDIVIDU) DARIPADA 60 HARI KEPADA 1 HARI"; pada Majlis Mesyuarat Jawatankuasa Perundingan Pihak Berkuasa Tempatan (JPPBT) 2012
57. Melalui program Bidang Keberhasilan Utama Negara atau NKRA (National Key Result Areas), projek perhentian bas yang dihasilkan oleh MBSA telah mendapat pengiktirafan dari Kementerian Pengangkutan Malaysia dan rekabentuknya dijadikan sebagai standard design, untuk digunapakai di seluruh Malaysia

58. Anugerah Pelaksanaan Inisiatif Kejrangan Hijau Melalui Penyelidikan Kebun Kejrangan; sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2012
59. Anugerah Kajian Semula dan Pengukuhan MURNInet 2011, sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2012
60. Anugerah Emas pada Konvensyen Persekitaran Berkualiti (QE) 5S peringkat Kebangsaan, Tahun 2012
61. Johan Sektor Awam (Badan Berkanun) – Negeri, pada Konvensyen Persekitaran Berkualiti (QE) 5S peringkat Kebangsaan, Tahun 2012
62. Pengiktirafan TQM-SIRIM, berdasarkan kriteria Total Quality Fast Track Model (TQFTM) daripada SIRIM Berhad
63. Pengiktirafan Inovasi Laman Web, sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi 2012 Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor
64. Tempat Keempat Pengiktirafan Sistem STAR Rating Pihak Berkuasa Tempatan (SSR-PBT) Tahun 2011, sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi 2012 Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor
65. Tempat Pertama dan Kedua (Kategori Kumpulan Kecil), Anugerah Inovasi Sektor Awam Negeri Selangor (AISAS) Tahun 2012, sempena Majlis Sambutan Hari Inovasi 2012 Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor
- Tempat Pertama (Tong sampah serba guna) - Kumpulan Young Creative
 - Tempat Kedua (Lesen 1 jam) Kumpulan Young Creative
66. Anugerah Utama Zon Bersih PBT Selangor 2012
67. Johan – kriteria penyelenggaraan kemudahan awam Zon Bersih PBT Selangor 2012
68. Johan – kriteria penyelenggaraan landskap Zon Bersih PBT Selangor 2012
69. Johan – kriteria pemantauan kebersihan Zon Bersih PBT Selangor 2012
70. Anugerah Khas Juri Zon Bersih PBT Selangor 2012 – Amalan terbaik - Model pengurusan
71. Anugerah Khas PBT Selangor 2011 sempena Majlis Olahragawan/Olahragawati PBT Selangor.
72. Johan Peringkat Negeri Selangor, Kategori Pengurusan pada Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif (KIK) Perkhidmatan Awam ke-26 Peringkat Negeri Selangor, anjuran pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor,
73. Anugerah Emas di Wilayah Tengah Konvensyen Persekitaran Berkualiti (5S) Peringkat Wilayah 2013, anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC);
74. Juara Peringkat Kebangsaan Sektor Kategori Badan Berkanun dan memperoleh Tiga Bintang pada Konvensyen Persekitaran Berkualiti (QE-5S) Peringkat Kebangsaan 2013, anjuran Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC);
75. Sijil Tanpa Teguran (Sijil Bersih) ke atas penyata kewangan bagi tahun berakhir 31 Disember 2012. Sijil Ketua Audit Negara ini dikeluarkan oleh Jabatan Audit Negara bertarikh 27 Ogos 2013;
76. Anugerah Persijilan Total Quality Fast Track Management (TQFTM) dan seterusnya telah disenaraipendek bagi memperoleh Anugerah SIRIM 2013;
77. Persijilan Sistem Pengurusan Kualiti MS ISO 9001:2008 sehingga 20 September 2014;
78. Anugerah Bandar Mampan 2012, Sempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia 2013. Penilaian tahap kemampunan dibuat berdasarkan pemarkahan di dalam Program MURNInets. Shah Alam memperoleh keputusan kemampunan 97%, iaitu yang tertinggi berbanding 151 PBT di seluruh Negara;
79. Johan Inovasi Peringkat Negeri Selangor, Kategori Kumpulan Kecil pada Majlis Sambutan Hari Inovasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013;
80. Anugerah Inovasi Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013, pada Majlis Sambutan Hari Inovasi Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor Tahun 2013;
81. Penarafan Lima (5) Bintang Dalam *Malaysia Government Portals and Websites Assesment 2013* oleh Multimedia Development Corporation (MDeC), Malaysia;
82. Penarafan Empat (4) Bintang Dalam Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) Tahun 2013 anjuran Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan;
83. Penarafan Lima (5) Bintang Dalam Sistem Penarafan Bintang Bahasa Kebangsaan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) 2013;
84. Anugerah Keseluruhan, Zon Bersih Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor 2013;
85. Anugerah Utama, Zon Bersih PBT Selangor 2013;
86. Anugerah Jawatankuasa Penduduk (JKP) Paling Aktif, Zon Bersih PBT Selangor 2013;
87. Johan – Kriteria Pemantauan Kebersihan Zon Bersih PBT Selangor 2013;
88. Johan – Kriteria Penyelenggaraan Landskap Zon Bersih PBT Selangor 2013;
89. Johan – Kriteria Pengurusan Program Zon Bersih PBT Selangor 2013;
90. Johan – Kriteria Penglibatan Komuniti Zon Bersih PBT Selangor 2013.

Pengurusan Tertinggi MBSA



- | | | | |
|----|---|----|---|
| 01 | Y. Bhg. Dato Haji Mohd Jaafar Bin Mohd Atan
Datuk Bandar | 06 | Encik Mohd Tahir Bin Man
Pengarah Taman & Rekreasi |
| 02 | Tuan Mohtar Bin Hani
Timbalan Datuk Bandar | 07 | Puan Hajah Nor Akma Binti Haji Ahmad
Pengarah Penilaian & Pegurusan Harta |
| 03 | Tuan Haji Roslan Bin Darus
Pengarah Kewangan | 08 | Cik Hajah Rose Zairani Binti Marmuji
Pengarah Bangunan |
| 04 | Tuan Haji Jamri Bin Basni
Pengarah Khidmat Pengurusan | 09 | Puan Asmah Binti Mohd Zin
Pengarah Korporat |
| 05 | Tuan Haji Rosli Bin Bakar
Pengarah Pelesenan & Penguatkuasaan | | |



10 Puan Shamsiah Binti Osman
**Pengarah Teknologi Maklumat
& Komunikasi**

11 Tuan IR Haji Rosli
Bin Mohammad Yunus
Pengarah Kejuruteraan

12 Encik Mohd Sofian
Bin Abdul Rahman
Pengarah Undang-Undang

13 Encik Rusli Bin Dalim
Pengarah Pusat Setempat

14 Puan Nurul Sheema
Binti Abdul Rahman
Timbalan Pengarah Perancangan 1

15 Encik Khairul Nizam
Bin Zainal Abidin
**Pengarah Pengurusan Hasil
& Pelaburan**

16 Encik Radzuan Bin Mezalan
**Ketua Bahagian Audit Dalam
& Pengaduan Awam**

17 Encik Jamsari Bin Kamin
**Ketua Bahagian Pengurusan
Stadium**

18 Puan Norani Binti Amat
Ketua Bahagian Tender & Kontrak

19 Encik Said Bin Ibrahim
**Ketua Bahagian Pesuruhjaya
Bangunan**

20 Encik Md. Zawawi Bin Md. Isa
**Pengurus Pejabat Cawangan
Sg. Buloh**

21 Encik Azlan Bin Dolah
**Pengurus Pejabat Cawangan
Kota Kemuning**

Ahli Majlis Sesi 2013





1. Y. Bhg. Dato' Hj. Mohd Jaafar bin Hj. Mohd Atan
Datuk Bandar
2. En. Fakhru Azman bin Khalidin
Pengerusi MPP Zon 1
3. YDH Dato' Haji Emran bin Haji Kadir
Pengerusi MPP Zon 2
4. Puan Sarimah binti Lisut
Pengerusi MPP Zon 3
5. En. Zainal bin Said
Pengerusi MPP Zon 4
6. Puan Anizan binti Othman
Pengerusi MPP Zon 5
7. En. Halim bin Mohamed Redzuan
Pengerusi MPP Zon 6
8. En. Mohd Harris bin Abu Bakar
Pengerusi MPP Zon 7
9. En. Hisham bin Sariman
Pengerusi MPP Zon 8
10. Puan Ruthira a/p Surasan
Pengerusi MPP Zon 9
11. En. Kamarudzaman bin Sanusi
Pengerusi MPP Zon 10
12. En. Norhalim bin Sirome
Pengerusi MPP Zon 11
13. En. Tan Ah Kow @ Tan Sie Wai
Pengerusi MPP Zon 12
14. En. Papparaidu a/l Veraman
Pengerusi MPP Zon 13
15. En. Sabastine Rao a/l Pragasam
Pengerusi MPP Zon 14
16. En. Abdul Manaff bin Hj. Yusoff
Pengerusi MPP Zon 15
17. Tuan Ir. Izham bin Hashim
Pengerusi MPP Zon 16
18. En. James Ng Boon Teck
Pengerusi MPP Zon 17
19. En. Fariz bin Abdullah
Pengerusi MPP Zon 18
20. YM Tengku Ahmad bin Tengku Kasim
Pengerusi MPP Zon 19
21. En. Prakash Rao a/l Appasamy
Pengerusi MPP Zon 20
22. En. Ang Leng Kiat
Pengerusi MPP Zon 21
23. Puan Noraini binti Hussin
Pengerusi MPP Zon 22
24. Puan Mariam binti Abdul Rashid
Pengerusi MPP Zon 23
25. En. Abdul Razak bin Idris
Pengerusi MPP Zon 24



LAPORAN PERKHIDMATAN





Pada tahun ini MBSA telah menerbitkan buku sumber dan aktiviti “Adam Cares For The Earth Series” bagi siri yang kelima dengan tajuk kali ini “Adam and Mr Tee The Tree”. Pada setiap tahun buku ini diedarkan secara percuma kepada semua sekolah rendah sekitar Shah Alam. Penerbitan buku ini ingin menyampaikan mesej bahawa pentingnya memelihara kesejahteraan alam sekitar, terutamanya kepada kanak-kanak.



Jabatan Kewangan

20



Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan

22



Jabatan Taman & Rekreasi

29

JABATAN KEWANGAN

1.0 PROFIL

Jabatan Kewangan bertanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan hasil dan perbelanjaan Majlis. **Jabatan ini terdiri daripada:-**

- **Bahagian Hasil** – Unit Kutipan
– Unit Cukai Taksiran
- **Bahagian Perakaunan** – Unit Akaun
– Unit Belanjawan
- **Bahagian Perbelanjaan** – Unit Bayaran
– Unit Gaji dan Saraan
- **Unit Pentadbiran**

2.0 FUNGSI JABATAN

- Menerima kutipan bagi semua bil Majlis dan bil cukai tanah.
- Mengurus hal-hal berkaitan cukai taksiran Majlis.
- Menyediakan penyata kewangan tahunan Majlis.
- Menyediakan belanjawan tahunan Majlis.
- Menguruskan pembayaran kepada kontraktor dan pembekal.
- Menguruskan gaji dan saraan kakitangan Majlis.
- Menguruskan hal ehwal kakitangan dan Mesyuarat di Jabatan Kewangan


3.0 LAPORAN AKTIVITI

3.1 BAHAGIAN HASIL

Unit Kutipan

Sepanjang tahun 2013, pihak Jabatan telah berjaya membuka kaunter bayaran untuk menerima kutipan semua bil Majlis dan Cukai Tanah di Kaunter Utama, Kaunter di Pandu Masuk dan Kaunter OSC. Seramai 161,901 orang pelanggan telah membuat pelbagai urusan di Kaunter Utama dan dari jumlah tersebut seramai 125,637 (75.29%) orang telah menerima layanan dari petugas kaunter dalam tempoh kurang dari 5 minit, manakala seramai 36,264 (24.71%) orang telah menerima layanan lebih dari 5 minit.

Prestasi Tempoh Masa Menunggu Di Kaunter Utama



Pihak Jabatan juga telah menyediakan kaunter bergerak bagi mengutip sewa gerai dan pasar pagi di sekitar Shah Alam bagi kemudahan untuk penyewa membuat pembayaran.


Unit Cukai Taksiran

Sebanyak 201,729 pegangan harta telah dikenakan cukai taksiran pada tahun 2013. Pegangan ini merangkumi keseluruhan kawasan pentadbiran Majlis dari Seksyen 1 hingga Seksyen 24 di bahagian tengah, Seksyen 25 hingga Seksyen 36 di bahagian selatan dan Seksyen U1 hingga Seksyen U20 di bahagian utara.

Bil cukai taksiran boleh dijelaskan di kaunter bayaran MBSA. Pembayaran bil cukai taksiran MBSA juga diterima di Majlis Bandaraya, Majlis Perbandaran dan Majlis Daerah di seluruh negeri Selangor. Pembayaran juga boleh dibuat di semua Pejabat Tanah dan Daerah Negeri Selangor serta Pejabat Pos seluruh Kuala Lumpur, Selangor dan Putrajaya juga tidak ketinggalan menjadi agensi kutipan cukai taksiran. Di samping itu, pembayaran cukai taksiran juga boleh dibuat melalui TNB, Telekom Malaysia dan bank-bank perdagangan yang terpilih samada pembayaran dibuat melalui kaunter mahupun perbankan internet.

Pembayaran melalui kad kredit dan kad caj juga diterima samada melalui mail order atau arahan tetap di agensi terpilih. Selain daripada itu, pembayaran cukai taksiran juga boleh dibuat melalui perkhidmatan telefon menggunakan perkhidmatan Kawanku Phone Banking daripada Maybank, Call N Pay Services daripada MBF Cards dan perkhidmatan mymobile daripada CIMB Bank. Perkhidmatan sistem pesanan ringkas turut diperkenalkan oleh Bank Islam bagi memudahkan lagi proses pembayaran cukai taksiran. Mesin Deposit Tunai dan Cek juga turut diletakkan di ruang legar Wisma MBSA bagi memudahkan pemilik harta menjelaskan bayaran yang beroperasi 24 jam sehari.

Ringkasan Laporan Pembayaran Cukai Taksiran Pelbagai Saluran



3.2 BAHAGIAN PERAKAUNAN

Unit Akaun

Unit Akaun bertanggungjawab menyediakan Penyata Kewangan MBSA bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.

Sebelum dihantar ke Jabatan Audit Negara, Penyata Kewangan akan dibentangkan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan dan seterusnya dibawa ke dalam Mesyuarat Penuh Majlis untuk mendapatkan kelulusan. Tarikh akhir penghantaran Penyata Kewangan Majlis adalah sebelum atau pada 30 April..

Unit Belanjawan

Kutipan hasil Majlis pada tahun 2012 adalah seperti berikut:-

	Anggaran 2013 (RM)	Hasil Sebenar 2013 (RM)
Hasil Cukai	202,563,970	200,088,434
Hasil Bukan Cukai	113,770,490	78,959,402
Terimaan Bukan Hasil	5,069,510	17,580,782
Jumlah Hasil	321,403,970	296,628,618

Peratus kutipan hasil adalah sebanyak RM 92.29 %.

Perbelanjaan Majlis pula sehingga 31 Disember 2013 adalah sebanyak RM 287.42 juta iaitu terdiri daripada Belanja Mengurus sebanyak RM 235.10 juta dan Belanja Pembangunan sebanyak RM 52.32 juta.

	Anggaran 2013 (RM)	Perbelanjaan Sebenar 2013 (RM)
Belanja Mengurus		
Emolumen	46,855,240	46,396,945
Perkhidmatan Dan Bekalan	185,062,350	177,487,765
Aset	11,488,900	8,643,990
Pembarian & Kenaan Bayaran Tetap	7,350,400	1,005,209
Perbelanjaan-perbelanjaan Yang Lain	1,817,290	1,566,806
Jumlah Belanja Mengurus	252,574,180	235,100,715
Belanja Pembangunan	68,829,790	52,316,620
Jumlah Perbelanjaan	321,403,970	287,417,335

3.3 BAHAGIAN PERBELANJAAN

Unit Bayaran

Sepanjang tahun 2013, Unit Bayaran telah memproses sebanyak 15,612 baucar bayaran yang bernilai RM245.87 juta dalam tempoh 6 hari bekerja daripada tarikh penerimaan dokumen lengkap.

Laporan Prestasi Baucar Pembayaran Tahun 2012

Unit Gaji dan Saraan

Menyediakan segala pembayaran emolumen wargakerja Majlis yang terdiri daripada 816 orang kakitangan tetap, 489 orang kakitangan kontrak dan 120 orang kakitangan sambilan. Ini melibatkan pembayaran emolumen setahun sebanyak RM 56.3 juta.

Tarikh pembayaran emolumen adalah mengikut sasaran yang telah ditetapkan pada awal tahun 2013 seperti mana yang ditetapkan oleh kerajaan Persekutuan dan Negeri.

Di samping itu, Unit ini juga menyediakan pembayaran untuk elaun Ahli Majlis dan menyediakan borang penyata pendapatan tahun (EC) untuk tujuan cukai pendapatan (LHDN).

Unit Pentadbiran

Unit Pentadbiran Jabatan telah berjaya menguruskan kursus berkaitan pengurusan kewangan di mana penceramah adalah terdiri daripada Ketua Bahagian / Unit Jabatan Kewangan sepanjang tahun 2013 seperti berikut;

Kursus / Bengkel	Tarikh
Kursus Belanjawan (Panjar Wang Runcit)	18 Jun 2013
Kursus Emolumen & Kemudahan Kakitangan	14 November 2013

Peserta kursus adalah terdiri daripada kakitangan Jabatan/ Bahagian Majlis Bandaraya Shah Alam. Objektif kursus-kursus ini diadakan adalah untuk memberi pendedahan secara umum mengenai pengurusan kewangan di Majlis Bandaraya Shah Alam meliputi pengurusan belanjawan, pengurusan bayaran dan bayaran emolumen. Disamping itu, ia bertujuan untuk meningkatkan kefahaman dan keyakinan diri kepada kakitangan ke atas pengurusan kewangan serta prosedur-prosedur yang telah ditetapkan oleh MBSA.

4.0 AKTIVITI DAN PENCAPAIAN

1. Program Gotong Royong Zon Bersih Peringkat MBSA 2013, Jabatan Kewangan (Parcel 9) telah memenangi beberapa anugerah sempena Program Zon Bersih Peringkat MBSA 2013 iaitu :-

- Pertandingan Parcel Terbaik Bulan September – Johan
- Pertandingan Parcel Terbaik Keseluruhan – Naib Johan

2. Program Komuniti Anak Angkat 5S di Sek. Keb. Raja Muda, Seksyen 4, Shah Alam.

3. Penyertaan di dalam pertandingan KIK, Peringkat MBSA 2013.

4. Selain daripada itu, pihak Jabatan juga telah menerima pelawat daripada luar dan dalam. Di antaranya ialah :

- i) Kolej Kemahiran Tinggi Mara, Petaling Jaya - 15 Februari 2013
- ii) Hospital Sungai Buloh - 11 April 2013
- iii) Sek. Keb. Raja Muda Seksyen 4 - 15 April 2013
- iv) RTM, Kuala Lumpur - 16 April 2013
- v) Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) - 10 Jun 2013
- vi) Pusat Zakat Melaka - 17 Jun 2013
- vii) Kolej Komuniti Bukit Beruang, Melaka - 25 September 2013
- viii) Sirim Berhad - 22 Oktober 2013
- ix) Panel Juruaudit Sirim Berhad - 23 Oktober 2013
- x) Peserta Orientasi MBSA - 31 Oktober 2013
- xi) Kementerian Pendidikan Malaysia - 6 November 2013
- xii) Jabatan Kerajaan Tempatan (KPKT) - 20 November 2013
- xiii) Majlis Bandaraya Melaka Bersejarah - 10 Disember 2013

5.0 RUMUSAN

Secara keseluruhan pencapaian Jabatan Kewangan bagi tahun 2013 adalah sangat baik. Walaupun terdapat beberapa sasaran kerja tahunan tidak dapat dilaksanakan seperti yang dirancang tetapi tidak menjejaskan prestasi Jabatan seperti di dalam Piagam Pelanggan. Pihak Jabatan Kewangan akan cuba mempertingkatkan pencapaian di masa akan datang agar segala permasalahan yang timbul dapat diselesaikan dengan cepat dan berkesan serta memenuhi kehendak pelanggan Jabatan ini.

JABATAN PELESENAN & PENGUATKUASAAN

1.0 PROFIL

Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan diketuai oleh Pengarah Tuan Haji Rosli bin Bakar. Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan terbahagi kepada dua bahagian:

- i. Bahagian Pelesenan
- ii. Bahagian Penguatkuasaan

1.1 OBJEKTIF

- i. Menguruskan pengeluaran lesen secara efisien bagi meningkatkan hasil Majlis.
- ii. Menyediakan peluang-peluang perniagaan kepada peniaga-peniaga kecil yang berdaya maju.
- iii. Mengawal selia dan mengatur perniagaan dan industri melalui nilai-nilai bandaraya mampan.
- iv. Melahirkan golongan masyarakat yang memahami dan mematuhi undang-undang dan peraturan MBSA.
- v. Menjalin hubungan yang erat dengan lain-lain jabatan dan agensi demi mencapai matlamat Majlis.
- vi. Memastikan tindakan penguatkuasaan dilakukan secara berhemah dan efektif mengikut undang-undang dan peraturan yang digunapakai

1.2 FUNGSI JABATAN

- i. Menguruskan pengeluaran lesen dan permit.
- ii. Menguruskan penyewaan premis (kiosk, pasar dan gerai)
- iii. Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan Majlis
- iv. Mengawal dan menjaga keselamatan dan harta benda Majlis
- v. Menguruskan hal ehwal pentadbiran Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan

1.3 PIAGAM PELANGGAN

- i. Meluluskan lesen perniagaan dalam tempoh 1 jam (lesen tidak berisiko, iklan kekal, bunting dan banner)
- ii. Meluluskan lesen industri dalam masa 30 hari
- iii. Meluluskan pelbagai lesen dalam tempoh 14 hari bekerja (lesen hiburan, sementara, anjing, promosi jualan dan lain-lain)
- iv. Mengeluarkan bil sewaan sebelum atau pada 3 haribulan setiap bulan
- v. Tuntutan dan pengeluaran barang-barang sitaan boleh dibuat selepas 7 hari dari tarikh sitaan.
- vi. Tuntutan kereta yang ditunda boleh dibuat serta-merta
- vii. Kereta-kereta buruk boleh dituntut dalam tempoh 3 bulan.

2.0 LAPORAN AKTIVITI BAHAGIAN PELESENAN

2.1 LAPORAN KUTIPAN LESEN

Kutipan hasil sebenar lesen dan permit serta lain-lain hasil dari tahun 2010 hingga 2013 seperti berikut :

Lesen & Permit Perkara	Tahun			
	2010	2011	2012	2013
Industri	2,478,291.00	2,599,070.00	3,023,215.00	4,478,085.00
Perniagaan	1,952,844.00	2,226,961.00	2,674,897.00	3,035,197.00
Iklan	1,492,183.00	1,618,102.00	1,923,626.00	1,800,533.50
Penyediaan Tempat makanan	524,100.00	553,350.00	681,310.00	652,530.00
Hiburan	134,898.00	155,268.00	292,734.00	311,190.00
Pusat Asuhan Kanak-Kanak	24,900.00	23,100.00	28,200.00	32,100.00
Gerai/Pasar Majlis	480,981.00	521,877.00	598,613.00	513,016.00
Pelbagai Permit	1,010,678.00	1,463,753.00	1,808,936.70	2,262,064.00
Pelbagai Lesen	150,962.00	152,730.00	151,110.00	185,110.00
Jumlah A	8,249,837.00	9,314,211.00	11,182,641.70	13,269,825.50

Hasil-Hasil Lain Perkara	Tahun			
	2010	2011	2012	2013
Bayaran Perkhidmatan	853,197.00	1,774,258.00	671,930.16	677,911.76
Pelbagai Jualan	319,866.00	293,459.00	320,897.00	332,273.00
Denda/Caj Lewat	52,531.00	108,782.00	125,414.00	79,860.50
Jumlah B	1,225,594.00	2,176,499.00	1,118,241.16	1,090,045.26

2.2 PENYEDIAAN KADAR FI LESEN 2007

Keputusan Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Selangor ke 30/2013 telah menimbang dan meluluskan semua PBT Selangor mengguna pakai kadar fi lesen mengikut kadar di bawah Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian 2007 dan akan dikuat kuasakan mulai 1 Januari 2014. Jabatan Pelesenan dan Penguatkuasaan telah menjalankan kerja-kerja penyediaan kadar fi lesen 2007 bermula pertengahan bulan Oktober 2013.

Bagi menyelesaikan kerja-kerja berkenaan, diwujudkan satu pasukan yang terdiri dari pegawai-pegawai pelesenan dan Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi bagi mengenal pasti kadar yang patut dikenakan dan menyemak semula kadar fi lesen yang telah dipinda di dalam system SAIS. 9 orang pegawai terlibat dalam kerja-kerja ini.

Bagi meminda kadar fi lesen 2007, seramai 12 orang kakitangan sambilan diberi tugas-tugas memasukkan data-data kadar fi lesen. Kerja-kerja memasukkan data bermula pada 7 November 2013. Kerja-kerja memasukkan data lesen dilakukan di Bilik Makmal Komputer di tingkat 3, kerana di bilik tersebut telah ada kelengkapan PC sebanyak 20 unit dan pencetak.



Perbincangan bersama vendor bagi penyediaan kerja-kerja pindaan kadar fi lesen



Kerja-kerja pindaan kadar fi lesen dijalankan di makmal komputer

2.3 MENGHANTAR NOTIS PEMBAHARUAN LESEN 2014

Sebanyak 17,350 Notis Pembaharuan Lesen 2014 diposkan kepada pelesen. Di dalam notis tersebut dinyatakan Majlis telah membuat pindaan kadar lesen 2014 seperti mana dalam Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (Majlis Bandaraya Shah Alam) 2007. Bayaran perlu dijelaskan sebelum/pada 31/12/2013. Jika tidak kos pentadbiran sebanyak 10% dari kadar lesen akan dikenakan. Amaun lesen yang perlu dibayar dinyatakan di dalam notis tersebut.

2.4 MEMBUKA KAUNTER BAYARAN PEMBAHARUAN LESEN 2014 DI KOMPLEKS MEMBELI BELAH

Bagipembaharuanlesen 2014,kaunter bayaran telah dibuka di 7 Kompleks Membeli Belah. Kaunter yang dibuka memberikan perkhidmatan untuk pembaharuan lesen perniagaan, pembayaran cukai taksiran, kompaun dan lain-lain.Kutipan di Kompleks Membeli Belah dari 12-31 Disember 2013 adalah sebanyak RM146,037.40 seperti berikut:

Lesen	RM133,414.02
Cukai Taksiran	RM 2,664.38
Kompaun	RM 1,020.00
Lain-Lain	RM 8,938.20
Jumlah	RM146,036.60

2.5 BURUNG WALIT

Majlis Bandaraya Shah Alam telah mengedarkan surat pekeliling penternakan/ perusahaan burung walit mulai 11 November 2013 kepada pengusaha Burung Walit di Shah Alam. Pekleliling yang dihantar disertakan sekali dengan borang permohonan lesen penternakan/perusahaan burung walit serta senarai semak permohonan. Pengusaha burung walit diminta mendaftar dengan Majlis sebelum 31 Disember 2013. Sehingga 31 Disember 2013 sebanyak 12 (dua belas) permohonan lesen penternakan/perusahaan burung walit diterima seperti berikut:

Seksyen	Bil
25	5
U5	1
U10	1
U17	1
U20	4
JUMLAH	12

3.0 LAPORAN SEKSYEN PENJAJA

3.1 UNIT SEWAAN

Tahun 2013, unit sewaan telah menerima sebanyak 341 permohonan penyewaan meliputi permohonan gerai, pasardan kiosk.Sebanyak 157 permohonan penyewaan telah diluluskan untuk premis-premis Majlismana kalas elebihnya tidak dapat dipertimbangkan berdasarkan beberapa faktor seperti tiada ke kosongan, jenisjualan yang tidak sesuai dan borang tidak lengkap.

Padabulan Mei dan Jun tiada permohonan kerana permohonan telah ditangguhkan disebabkan semua kakitangan terlibat dengan persediaan Bazar Ramadhan 2013.

Perkara	JAN	FEB	MAC	APR	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS	Jumlah
Gerai Majlis	26	30	29	39	34	37	20	5	5	7	232
Pasar Majlis	2	1	4	5	0	9	1	0	2	1	25
Kiosk Majlis	5	34	19	4	3	11	5	1	0	2	84
	33	65	52	48	37	57	26	6	7	10	341

Sepanjang tahun 2013, unit sewaan telah mengadakan 25 operasi berkaitan dengan sitaan kerusi meja bagi yang tiada permit, sitaan bagi khemah yang tiada kelulusan dan sitaan bagi premis yang telah melanggar syarat dasar penyewaan Majlis.

Sementara itu, sebanyak 10 unit Gerai Sementara di JalanUtariid U5/10, Seksyen U5 Sg. Buloh telah dirobuhkan kerana tiada sambutan serta lokasi yang tidak strategik.

4.0 LAPORAN PERMIT BAZAR RAMADHAN MBSA 2013/1434H

Permohonan permit Bazar Ramadhan MBSA 2013/14234H telah mula dibuka oleh Jabatan Pelesenan & Penguatkuasaan mulai 13hb Mei 2013 sehingga 23hb Mei 2013 bagi tempoh 10 hari dan sebanyak 2201 lot Bazar Ramadhan yang ditawarkan oleh Majlis.

Iklan pengeluaran borang telah dimaklumkan melalui 15 kainrentang yang digantung di Wisma MBSA, Pejabat Cawangan Sungai Buloh, PejabatCawangan Kota Kemuning, Pejabat MPP terpilihdan lain-lain lokasi yang sesuai. Makluman melalui media cetak iaitu Utusan Malaysia juga telah dikeluarkan oleh Jabatan Korporat pada 11 Mei 2013.

Jabatan ini telah mula membuka kaunter jualan borang di ruang legar Lobi A, Tingkat LG, Wisma MBSA. Sehingga 23hb Mei 2013 sebanyak **5446** keping borang telah berjaya dijual dengan jumlah kutipan sebanyak **RM27,230.00** (5446 X RM5.00).



4.1 UNDIAN TAPAK

Sebanyak 19 lokasi tapak dengan 1000 lot tiada undi telah ditawarkan kepada pemohon.Pihak Jabatan telah menerima sebanyak **856 permohonan** dan kutipan hasil permit sebanyak **RM141,240.00** (856 x RM165.00) telah dikutip oleh Majlis. Sementara itu Sebanyak 9 lokasi yang mengandungi 1357 lot bagi tapak undi telah disediakan oleh Majlis. Pihak Jabatan telah menerima sebanyak **2646 permohonan** bagi lot tapak undi.

Pihak Jabatan telah mengadakan sesi cabutan undi pada 17 Jun hingga 21 Jun 2013 bagi 9 lokasi tapak Bazar Ramadhan di kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam. Sesi cabutan undi ini diadakan di Auditorium MBSA.

Proses cabutan undi ini diadakan dua sesi iaitu sesi pagi pada jam 8.30 pagi hingga 12.00 tengahari dan sesi petang pada jam 2.30 petang hingga 5.00 petang. Seramai 1703 orang pemohon telah hadirbagi tempoh lima hari sesi cabutan undi tersebut. Sebanyak 1357 lot tapak Bazar Ramadhan yang dibuka untuk cabutan undi. Semasa proses cabutan undi diadakan pihak Jabatan telah memberi keutamaan kepada golongan OKU terlebih dahulu dan diikuti dengan golongan Ibu Tunggal untuk membuat cabutan undi.



Setiap peniaga akan dipanggil mengikut nombor giliran yang diberi semasa pendaftaran untuk membuat cabutan undi. Peniaga yang berjaya mendapatkan nombor lot tapakan terus membuat bayaran permit padahari yang sama.

JABATAN PELESENAN & PENGUATKUASAAN

4.2 SENARAILOKASITAPAK BAZAR RAMADHAN 2013 YANG DIUNDIADALAHSEPERTIBERIKUT:

Gambar semasa program taklimat bazar ramadhan dan penyerahan permit penjaja bazar ramadhan 2013



Para peniaga yang hadir semasa program Taklimat Bazar Ramadhan dan Penyerahan Permit Penjaja Bazar Ramadhan 2013.



Imam Besar Masjid Sultan Salabuddin Abdul Aziz Shah iaitu Ustaz Haji Ahmad Mustafa b. Mohd Saidin menyampaikan ceramah agama yang bertajuk "Penyediaan Makanan Mengikut Perspektif Islam" pada baris pertama program Taklimat bazar Ramadhan iaitu 1 Julai 2013.

4.3 LAPORAN PROGRAM "CHEFMANSHIP ACADEMY" PADA 12HB NOVEMBER 2013 DAN 10HB DISEMBER 2013

MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM bersama UNILEVER FOOD SOLUTIONS telah menganjurkan program 'Chefmanship Academy' yang telah diadakan sebanyak dua kali iaitu pada 12hb November 2013 dan 10hb Disember 2013 yang telah diadakan di Dewan Auditorium Majlis Bandaraya Shah Alam.

Program 'Chefmanship Academy' ini diadakan bertujuan untuk memberi pendedahan dan meningkatkan kefahaman kepada semua peniaga yang menjual makanan/minuman melalui pendidikan dan nasihat terhadap beberapa aspek berikut iaitu:

- ii. Pendidikan pengurusan pengendalian makanan dan minuman.
- ii. Program kerjasama usahawan berjaya.
- iii. Keterampilan diri semasa penyediaan makanan.
- iv. Kebersihan premis makanan dan minuman.

Kesemua pengusaha/pemilik restoran Islam dan bukan Islam diwajibkan hadir ke program tersebut sebagai syarat utama kepada Pembaharuan Lesen Perniagaan Tahun 2014. Setiap penyertaan bagi program 'Chefmanship Academy' ini akan dikenakan bayaran penyertaan sebanyak RM50.00.

5.0 JUMLAH PENYERTAAN

Berikut adalah jumlah peserta yang hadir dan jumlah bayaran penyertaan yang telah dikutip iaitu:

Tarikh Program	Bilangan Peserta Yang Hadir	Jumlah Kutipan Bayaran Penyertaan
12hb November 2013	730	RM 36,500.00
10hb Disember 2013	700	RM 35,000.00
JUMLAH BESAR	1430	RM71,500.00

Kehadiran pengusaha/pemilik restoran ini diwajibkan kerana setiap peserta mesti mendapatkan sijil penyertaan untuk Pembaharuan Lesen Perniagaan Tahun 2014. Sekiranya tiada sijil tersebut pembaharuan Lesen Perniagaan Tahun 2014 akan ditangguhkan.

6.0 PROFIL

6.1 PENGENALAN

Bahagian Penguatkuasaan diketuai oleh Timbalan Pengarah Penguatkuasaan, Tuan Abdul Hakim bin Haji Mahmud dan dibantu oleh 3 orang Pegawai Penguatkuasa, 1 orang Pegawai Task Force, 6 orang Penolong Pegawai Penguatkuasa, 12 orang Pembantu Penguatkuasa Kanan, 211 orang Pembantu Penguatkuasa, 34 orang Pengawal Keselamatan dan 1 orang Pembantu Am Pejabat yang keseluruhan berjumlah 269 orang. Bahagian Penguatkuasaan bertanggungjawab menjalankan semua tugas di bawah bidang kuasanya mengikut Undang-Undang, Undang-Undang Kecil dan Peraturan-Peraturan yang dikuatkuasakan oleh Majlis. Akta dan Undang-Undang Kecil yang digunapakai seperti berikut :

- Akta Jalan Parit dan Bangunan 1974
- Akta Kerajaan Tempatan 1976
- Undang-Undang Kecil Taman (MBSA) 2005
- Undang-Undang Kecil Penjaja (MBSA) 2007
- Undang-Undang Kecil Iklan (MBSA) 2007
- Undang-Undang Kecil Pilihanraya (MBSA) 2007
- Undang-Undang Kecil Pelesenan Tred, Perniagaan dan Perindustrian (MBSA) 2007
- Undang-Undang Kecil Establisymen Makanan (MBSA) 2007
- Undang-Undang Kecil Hotel (MBSA) 2007
- Undang-Undang Kecil Pemungutan, Pembuangan dan Pelupusan Sampah Sarap (MBSA) 2007
- Undang-Undang Kecil Pengendali Makanan (MBSA) 2007
- Undang-Undang Kecil Pusat Kecantikan dan Penjagaan Kesihatan (MBSA) 2007
- Undang-Undang Kecil Pusat Siber dan Kafe Siber (MBSA) 2007
- Undang-Undang Kecil Krematorium (MBSA) 2005
- Undang-Undang Kecil Vandalisme (MBSA) 2005
- Perintah Pengangkutan Jalan (Peruntukan Tempat Letak Kereta) 2007
- Enakmen Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 2005
- Peraturan-Peraturan Hiburan dan Tempat-Tempat Hiburan (Selangor) 1996

6.2 FUNGSI DAN PERANAN

- Melaksanakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan Majlis
- Mengawal dan menjaga keselamatan dan harta benda Majlis
- Menyedia dan memberi perkhidmatan dan bantuan menyelamatkan apabila berlaku bencana alam dan banjir.

6.3 PENUBUHAN PASUKAN TINDAKAN SEGERA (PANTAS)

Talian Bebas Tol :
1-800-88-4477



Pasukan Tindakan Segera (PANTAS) merupakan pasukan yang mengendalikan kes kecemasan dan bencana yang ditubuhkan di Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor



berdasarkan keputusan mesyuarat Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke 30/2013 yang diadakan pada 09 Oktober 2013 yang telah menimbang dan meluluskan penubuhan Pasukan Tindakan Segera (PANTAS).

MBSA adalah salah satu PBT yang mempunyai Skwad PANTAS yang mempunyai 38 anggota Penguatkuasa dan diketuai oleh seorang Penolong Pegawai Penguatkuasa serta Pembantu Penguatkuasa Kanan. Terdiri daripada 4 kumpulan utama mengikut giliran bertugas 8 jam setiap shif.

Antara fungsi dan peranan PANTAS adalah seperti berikut:

1. Mengoperasikan Bilik Gerakan Kecemasan dan Bencana.
2. Bertindak sebagai pasukan bantuan awal di dalam memberi bantuan kecemasan dan bencana.
3. Membantu agensi keselamatan lain di dalam melaksanakan tindakan bantuan kecemasan dan bencana.
4. Penyelarasan bantuan kecemasan dan bencana merangkumi aspek logistik, kepakaran dan kebajikan.
5. Mengoperasikan Pusat Informasi Kecemasan dan Bencana di Pusat Kawalan Tapak Kejadian.
6. Penyelarasan pemulihan tempat kejadian.


Skop Penugasan PANTAS adalah seperti berikut:

1. BANJIR : Banjir Kilat dan Banjir
2. TANAH RUNTUH : Tanah Runtuh dan Mendapan Tanah
3. RUNTUHAN : Bangunan/Kawasan Pemajuan
4. RIBUT : Pokok Tumbang dan Bumbung Terbang
5. KEMALANGAN : Tiang/Pokok Tumbang, Kerosakan Harta Awam, Kenderaan dan Tumpahan Minyak
6. KEBAKARAN : Perumahan, Industri dan Pertanian

7.0 LAPORAN AKTIVITI

7.1 LAPORAN PENGELUARAN KOMPAUN BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

Carta Menunjukkan Jumlah Pengeluaran Kompaun Sepanjang Tahun 2013 berjumlah 54,532 keping



7.2 LAPORAN OPERASI BAHAGIAN PENGUATKUASAAN

Jenis Operasi	Jumlah Operasi
Operasi Iklan Tanpa Permit	255
Operasi Penjaja	280
Operasi / Pemeriksaan Premis Perniagaan	4
Operasi / Pemeriksaan Pusat Siber	142
Operasi Halangan (Kerusi Meja/Motosikal/Awam)	9
Operasi Billboard	4
Operasi Pusat Hiburan (Karaoke/Snooker/CD/VCD/DVD)	22
Operasi Pusat Kecantikan/Kesihatan	37
Operasi Bersepadu (Jabatan Dalaman)	17
Operasi Bersepadu (Agensi Luar)	20
Operasi Hotel Bajet	8
Operasi Meninggalkan Peralatan (Penjaja)	15
Operasi Pembangunan Tanpa Kebenaran	7
Lain-Lain Operasi (Carwash/Perobohan)	7
Jumlah Keseluruhan Operasi Tahun 2013	827

7.3 OPERASI YANG DIJALANKAN SEPANJANG TAHUN 2013

7.3.1 OPERASI IKLAN

7.3.2 OPERASI IKLAN PILIHANRAYA



Sebanyak 255 kali operasi telah dijalankan di kawasan pentadbiran Shah Alam dan telah menurunkan iklan tanpa permit sebanyak 54,687 unit.

Tindakan menurunkan iklan dan bendera parti politik sebanyak 5,303 unit yang melibatkan 3 parti politik bagi tempoh 5 bulan semasa Pilihanraya Ke-13.

JABATAN PELESENAN & PENGUATKUASAAN

7.3.3 OPERASI MENDIRIKAN BINAAN TANPA KEBENARAN



Operasi Bersepadu bersama jabatan dalam MBSA yang melibatkan 90 buah premis perniagaan, rumah kediaman dan rumah kongsi pekerja sepanjang Tabun 2013.

7.3.4 OPERASI HALANGAN KERUSI MEJA



Tindakan operasi sebanyak 70 kali terhadap pengusaba premis perniagaan termasuk tindakan sitaan.

7.3.5 OPERASI PENJAJA TANPA LESEN



280 sitaan telah dijalankan bagi membanteras kewujudan penjaja-penjaja tanpa lesen/ penjaja warga asing di kawasan pentadbiran Sbab Alam

7.3.6 OPERASI PENJAJA (MENINGGALKAN PERALATAN PERNIAGAAN)



280 sitaan telah dijalankan bagi membanteras kewujudan penjaja-penjaja tanpa lesen/ penjaja warga asing di kawasan pentadbiran Sbab Alam

7.3.7 OPERASI SITA MOTOSIKAL



Unit Trafik MBSA seringkali mengadakan operasi sita motosikal pada setiap minggu di kawasan Sbab Alam dan telah menyita 242 buah motosikal bagi tabun ini dan kesemua motosikal tersebut telah dituntut oleh pemilik dengan kadar denda minimum RM30 setiap buah motosikal.

7.3.8 OPERASI TUNDA KENDERAAN



Tindakan penundaan kenderaan lebih tertumpu di kawasan pusat bandar bagi melancarkan aliran trafik disamping mendisiplinkan pengguna jalanraya. Sejumlah 1879 kenderaan telah ditunda sepanjang tabun 2013.

7.3.9 OPERASI PUSAT SIBER DAN KAFE SIBER



Sebanyak 142 kali operasi telah dijalankan termasuk tindakan sitaan yang merupakan operasi yang dijalankan pada setiap minggu dan telah membuat pelupusan barang sitaan pada 6/12/13.

7.3.10 OPERASI PUSAT KECANTIKAN DAN PENJAGAAN KESIHATAN



Tindakan dijalankan terhadap premis yang beroperasi tanpa lesen dengan menyita peralatan/barang-barang perniagaan. Sejumlah 37 operasi telah dilaksanakan ke atas premis pusat kecantikan tidak berlesen sepanjang tabun 2013.

7.3.11 OPERASI KAFETERIA WARGA ASING



Tindakan sitaan barang-barang perniagaan terhadap premis perniagaan warga asing yang menjalankan aktiviti di tingkat atas premis perniagaan dan tidak mempunyai lesen Majlis.

7.3.12 OPERASI PUSAT HIBURAN



Tindakan penutupan premis telah dijalankan kerana gagal mematuhi arahan/syarat Majlis dan sitaan barang-barang perniagaan telah diambil mengikut UUK PTPP (MBSA) 2007 Peruntukan 3.

7.3.13 OPERASI KENDERAAN BURUK



Tindakan diambil terhadap kenderaan-kenderaan buruk yang terbiar/terbengkalai yang diletakkan ditempat-tempat awam. Sejumlah 231 buah kenderaan buruk telah ditunda dan disimpan di Depoh Seksyen 17, Sbab Alam.

7.3.14 OPERASI PUSAT CUCI KERETA



Tindakan sitaan barang-barang perniagaan telah diambil kerana premis beroperasi tanpa lesen daripada pihak Majlis.

7.4 OPERASI BERSEPADU BERSAMA AGENSI-AGENSI LUAR



Operasi Pendetang Tanpa Izin(PATI) di Tapak Pasar Malam Bersama Jabatan Imigresen Selangor



Operasi Pendetang Tanpa izin (PATI) di Rumah Kongsi Tapak Projek Pembinaan Bersama Polis Diraja Malaysia dan Jabatan Pendaftaran Negara



Misi Bantuan Kemanusiaan Mangsa Banjir di Kuantan, Pahang



Operasi Perobohan Struktur Binaan Tanpa Kebenaran Di Bawah Rintisan TNB Seksyen U8, Sbab Alam bersama PTD Petaling, TNB, PDRM, SYABAS dan Jabatan Perbutanan



Operasi Bersepadu Bersama JAIS



Operasi Bersepadu Membanteras Jenayah Trafik Bersama PDRM

7.5 CATATAN PROGRAM SEPANJANG TAHUN

Program	JAN	FEB	MAC	APR	MEI	JUN	JUL	OGO	SEP	OKT	NOV	DIS
Program Zon Bersih Lagi	12											
Ujian Kecergasan Bagi Jawatan Penolong Pegawai Keselamatan KP 27 (Kontrak)	30											
Kawalan Kehormat Sempena Perhimpunan Pagi Bersama YB Dato' Haji Mohammed Kushrin Bin Haji Munawi, YB Setiausaha Pejabat Kerajaan Negeri Selangor		4										
Ujian Kecergasan Bagi Jawatan Pegawai Penguatkuasa N41 (Kontrak)		28										
Bengkel Rebranding Bahagian Penguatkuasaan			22 23									
Mesyuarat Pegawai-Pegawai Penguatkuasa PBT Negeri Selangor					22							
Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif Piala Datuk Bandar					29 30							
Kursus Komputer MS Word						18 19						
Kursus Kertas Siasatan							4-5					
Minggu Kualiti dan Inovasi MBSA 2013						4						
Majlis Berbuka Puasa Bahagian Penguatkuasa							25					
Kawad Hari Kebangsaan								31				
Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Negeri Selangor									26 27			
Santai Penguatkuasa										4		
Liga Bolasepak Antara Jabatan dan EA Antara Jabatan											26	
Lawatan Sambil Belajar ke Majlis Perbandaran Kota Bharu, Kelantan												1
Misi Bantuan Kemanusiaan Mangsa Banjir Kuantan, Pahang												12 17 22
Pameran Sempena Karnival Komuniti Telematch Antara MPP/PEBT Zon 2013 - Booth PANTAS												22

AKTIVITI DITANGGUHKAN BAGI PERSIAPAN PILIHANRAYA KE 13

JABATAN PELESENAN & PENGUATKUASAAN

8.0 PENCAPAIAN DAN ANUGERAH



Joban
Pertandingan Kumpulan Inovatif dan Kreatif Piala Datuk Bandar
di Dewan Bankuet MBSA pada 29-30 Mei 2013



Joban
Liga Bola Sepak Antara Jabatan dan FA Antara Jabatan di Padang MBSA pada
26 November 2013



Tempat ke-4
Minggu Kualiti dan Inovasi MBSA 2013 di Dewan Bankuet pada 4 Julai 2013



Naib Joban Persembahan 5S
Minggu Kualiti dan Inovasi MBSA 2013 di Dewan Bankuet pada 4 Julai 2013



Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Peringkat Negeri Selangor Di Dewan Jubli
Perak, Bangunan Sultan Salabuddin Abdul Aziz Shah pada 26-27 September 2013

JABATAN TAMAN & REKREASI

1.0 PROFIL

Jabatan Taman & Rekreasi telah melaksanakan kerja-kerja hakiki iaitu penyelenggaraan dan penambahbaikan kualiti landskap di kawasan persiaran dan tempat tumpuan seperti taman-taman awam, padang-padang permainan, taman-taman rekreasi dan padang-padang bola untuk penyelenggaraan yang mendokong hasrat menjadikan Shah Alam selamat, mesra pengguna dan berkualiti.

1.1 LATAR BELAKANG JABATAN

Jabatan Taman dan Rekreasi dibahagikan kepada 2 bahagian utama:-

- i. Bahagian Penyelenggaraan Landskap
- ii. Bahagian Pembangunan Landskap.
- iii. Bahagian Pentadbiran

Unit-unit di bawah Bahagian Penyelenggaraan Landskap adalah:-

- i. Unit Persiaran
- ii. Unit Taman Tasik dan Taman Awam
- iii. Unit Pangkasan
- iv. Unit Tapak Semaian
- v. Unit Taman Permainan dan Padang Bola.

Unit-unit di Bahagian Pembangunan Landskap adalah:-

- i. Unit Rekabentuk dan Projek Landskap
- ii. Unit Kawalan Pembangunan Landskap

Bagi memastikan pelaksanaan kerja di tapak yang lebih kemas dan berkualiti, Jabatan telah membentuk beberapa sub-unit yang terdiri daripada pekerja rendah awam dan pemandu bagi kerja back-up dan kerja in-house.

1.2 OBJEKTIF JABATAN TAMAN DAN REKREASI

Berdasarkan kepada konsep "Bandar Dalam Taman" Jabatan Taman & Rekreasi memastikan Shah Alam yang indah dan ceria melalui :-

- Menyediakan ruang-ruang dan platform bagi mengisi makna Shah Alam Bandar Anggerik
- Perancangan kegunaan kawasan-kawasan hijau sebagai wadah tanaman pokok-pokok dan ruang rekreasi.
- Menyediakan polisi- polisi penanaman dan rekreasi yang memastikan produk landskap dan rekreasi yang berkualiti dan selamat.
- Menggalakkan penglibatan orang ramai/ penduduk dalam memperindahkan dan memelihara warisan jajarān hijau Shah Alam.
- Menyediakan modul pengurusan landskap dan rekreasi yang efisien dan memenuhi kehendak pengguna.

2.0 BAHAGIAN PENYELENGGARAAN LANDSKAP

2.1 UNIT PERSIARAN

Pihak Jabatan Taman telah menyelia 61 pemborong pembersihan untuk jalan-jalan utama dengan kos sejumlah **RM 4,595,987.28** setahun. Kos tersebut meliputi Jalan Persiaran sepanjang **100.77 KM**, 4 kawasan penyelenggaraan pokok dan 3 kawasan penyiraman pokok.

Kuantiti pemborong di kawasan penyelenggaraan jalan- jalan persiaran.

PEMBORONG	KAWASAN / SEKSYEN
39 pemborong	Jalan Persiaran di Seksyen 1 hingga 25, U8, U10, U11 dan U13
7 pemborong	Jalan Persiaran di Seksyen 26 hingga 36
2 pemborong	Jalan Persiaran di Seksyen U16 dan U20
1 pemborong	Penyelenggaraan pokok di Seksyen 1 hingga 25
1 pemborong	Penyelenggaraan pokok di Seksyen U1, U2, U3, U6, U8, U9, U10, U11, U12 dan U13
1 pemborong	Penyelenggaraan pokok di Seksyen U4, U5, U16, U17, U18, U19 dan U20
1 pemborong	Penyelenggaraan pokok di Seksyen 26 hingga 36
3 pemborong	Kerja-kerja penyiraman di Seksyen 2 hingga 14

Statistik Kos Penyelenggaraan Landskap Persiaran bagi tahun 2011 sehingga tahun 2013



Kos penyelenggaraan landskap persiaran dilihat mencatatkan peningkatan setiap tahun pada tahun 2011 sehingga tahun 2013.

2.2 UNIT TAMAN AWAM DAN TAMAN TASIK

Unit ini terbahagi kepada 2 bahagian iaitu :-

- a. Penyelenggaraan Taman Awam
- b. Penguatkuasaan Renjer Taman.

Penyelenggaraan Kawasan Taman Awam

Unit ini bertanggungjawab untuk menyelenggara dan memantau kebersihan 14 buah taman awam yang terdapat di sekitar Shah Alam. Kerja-kerja penyelenggaraan ini merangkumi kerja-kerja :-

- a) pemotongan rumput,
- b) pembersihan kawasan iaitu di keseluruhan kawasan lapang/ padang rumput, kawasan tempat letak kereta, laluan pejalan kaki, tong sampah dan pembersihan longkang kecil dan sump.
- c) penyelenggaraan kemudahan awam seperti "outdoor gym", alatan permainan kanak-kanak, wakaf, bangku taman, papantanda, jambatan dan perabot taman lain.
- d) penyelenggaraan pokok seperti pembajaan dan penggemburan pokok-pokok renek, herba, buah-buahan serta meracun anai-anai, kerengga dan semut.
- e) pembersihan rumpai air atau alga serta sampah "litter" di dalam tasik / kolam/ air pancuran/ kolam tadahan.

JABATAN TAMAN & REKREASI

Buah taman awam dibawah seliaan unit ini:-

PERKARA	SENARAI	JUMLAH / KELUASAN	KOS (RM) SETAHUN (penyelenggaraan setahun)
Jumlah taman awam yang diselenggara – 14 taman	Taman Tasik Shah Alam, Seksyen 14	127.8 ekar	527,837.76
	Hutan Lipur Bukit SUK, Seksyen 5	29 ekar	160,759.20
	Taman Awam Seksyen 10, Seksyen 10	3.52 hektar	144,000.00
	Sepanjang tepian Sungai Renggam - dari jambatan SIRIM hingga kunci air Seksyen 17	3.5 km	106,066.56
	Taman Awam Seksyen 28, Jalan 28/25	1.6 hektar	114,000.00
	Taman Wetland, Kota Kemuning	10 ekar	69,199.92
	Taman Tasik Seksyen 7/1F	1.8 hektar	74,027.52
	Taman Rekreasi Seksyen 7	18.5 ekar	
	Taman Rekreasi Seksyen 31	22 ekar	94,333.32
	Taman Wetland Fasa D20, Sek. U8, Bukit Jelutong	3.145 ekar	69,233.28
	Taman Rekreasi Utara, Sek. U8	10.36 ekar	
	Taman Rekreasi Selatan, Sek. U8	10.46 ekar	
	Taman Rekreasi Western Park, Setia Alam	22 ekar	82,329.36
	Taman Rekreasi Southern Pond, Setia Alam	22.5 ekar	112,167.00
JUMLAH KESELURUHAN KOS			1,553,953.92

Selain itu, unit ini juga bertanggungjawab untuk menjalankan kerja-kerja membaikpulih dan menaiktaraf taman-taman awam antaranya adalah :-

- Kerja-kerja pembinaan jambatan kayu di Tasik Barat (besebelahan Wet World Shah Alam), Taman Tasik Shah Alam
- Kerja-kerja menyambung dan melebarkan pejalan kaki di Taman Tasik Kota Kemuning, Seksyen 31, Shah Alam
- Membina papan tanda taman "TAMAN LEMBAH BUKIT SUK, SHAH ALAM"
- Kerja-kerja "underbrushing" di Taman Lembah Bukit SUK, Seksyen 5 Shah Alam yang melibatkan kerja-kerja :-
 - Membuang anak-anak pokok liar, semak samun, pelepah-pelepah pokok sawit dan palma, pokok tumbang dan pokok mati
 - Meratakan tanah di kawasan yang berlubang dan merbahaya
 - Mengemaskan rimbunan pokok buluh, pisang hutan, dan keladi gajah.
 - Meratakan longgokan habuk kayu (wood chip)

Penguatkuasaan Renjer Taman


Renjer Taman Shah Alam adalah Pembantu Penguatkuasa yang diserapkan ke Jabatan Taman dan Rekreasi bagi menjaga taman-taman awam di Shah Alam. Bidang tugas utama Renjer Taman ini adalah untuk menguatkuasakan Akta, Undang-undang kecil dan Peraturan Majlis.

Selain itu, Renjer Taman juga membantu membuat rondaan berjadual bagi kawalan keselamatan pengunjung taman khususnya kanak-kanak, warga emas dan orang kurang upaya daripada perbuatan vandalisma seperti kecurian dan kerosakan harta benda Majlis, kegiatan jenayah seperti kes ragut, pecah kereta, kacau ganggu yang melibatkan warga asing, orang gila dan masalah sosial seperti perbuatan kurang sopan dan gejala menghidu gam atau aktiviti penyalahgunaan dadah yang lain.

Mereka turut membantu dalam penyaluran informasi kepada pengunjung berhubung pembelajaran, promosi, aktiviti-aktiviti majlis dan isu-isu keselamatan semasa melalui pendedaran broshur-broshur dan kalendar/buletin MBSA serta pemantauan kebersihan kawasan dan tandas, pembuangan sampah haram (sampah kebun dan sisa binaan), kawalan lalulintas serta keselamatan pengunjung.

Selain daripada tugas-tugas di atas, Renjer Taman juga membuat pemantauan bagi aktiviti penebangan pokok secara haram, bencana alam seperti banjir dan pokok tumbang di dalam taman awam, membuat kawalan keselamatan bagi lawatan rasmi/tidak rasmi ke taman-taman awam oleh VVIP khususnya Datuk Bandar dan mengenakan tindakan pemberhentian bagi projek-projek pembangunan / aktiviti-aktiviti yang merosakkan kawasan taman.

Perbandingan jumlah kutipan kompaun tahun 2008-2012




2.3 UNIT PANGKASAN

Merancang, mengurus dan menyelaras kerja-kerja penyelenggaraan pokok dan aduan berkaitan pokok termasuk kerja-kerja pemangkasan, penebangan, pemotongan akar, pembersihan tumbuhan parasit, penanaman dan penyulaman pokok-pokok teduhan.


Sebanyak 15 tender bagi penyelenggaraan pokok-pokok utama telah dikeluarkan dengan kos sebanyak **RM 1,653,935.88** setahun bagi 5 zon yang dipantau oleh Jabatan Taman dan Rekreasi.

Statistik bilangan pokok dipangkas (2011 – 2013)




Bagi Tahun 2011, bilangan pokok yang diselenggara TIDAK termasuk di Pejabat Cawangan Sungai Buloh dan Kota Kemuning. Pada tahun 2013, terdapat pengurangan sebanyak 204 pokok yang dipangkas berbanding tahun 2012.

Statistik bilangan pokok ditebang (2011-2013)



Disamping itu, operasi pemangkasan mata tunas pokok dan pembersihan ranting pokok di kawasan perumahan telah dilaksanakan secara giat sempena program pemangkasan mata tunas di kawasan-kawasan perumahan Shah Alam semasa sambutan Hari Raya Aidilfitri, musim cuti persekolahan, Program Mini Zee Bee di seluruh Shah Alam, Pre-Audit Zon bersih di sekitar Taman Sri Muda, Seksyen 25 dan Gotong Royong Zon Bersih Shah Alam melibatkan perumahan Seksyen 2, 3, 4 dan 5 bermula pada bulan September hingga Oktober 2013.

Agihan Peruntukan Kerja-Kerja Unit Pangkasan Tahun 2013



Peruntukan yang digunakan bagi kerja-kerja pemangkasan mata tunas, pembersihan ranting dan dahan pokok tahun 2013 adalah berjumlah RM732,828.00 setahun. Bilangan pokok yang dipangkas mata tunas adalah sebanyak 17,488 pokok. Purata kos bagi kerja-kerja pemangkasan pembersihan dahan, ranting dan mata tunas adalah sebanyak RM42.00 sepokok.

Bagi kerja-kerja pembersihan pokok tumbang, peruntukan yang digunakan adalah sekitar **RM 539,575.00** setahun. Sebahagian besar kerja-kerja pembersihan pokok-pokok tumbang dikeluarkan berikutan kejadian pokok tumbang yang luar biasa sekitar pusat bandar Shah Alam melibatkan lebih 80 batang pokok matang di Seksyen 2, 3, 4, 6, 7, 8, 11, 14, 15, 16, 17 dan U1.



2.4 UNIT PENGURUSAN TAMAN PERMAINAN DAN PADANG BOLA

Tahun 2013, unit ini menyelia 26 pemborong yang melaksanakan kerja-kerja pemotongan rumput, penyelenggaraan pokok, pembersihan longkang, pembersihan kawasan, penyelenggaraan alatan permainan, pembuangan sampah, padang bola, padang permainan dan fasiliti dengan kos penyelenggaraan tahunan sejumlah **RM 2,614,550.84**.

Kuantiti taman permainan, padang bola dan padang

UNIT	KUANTITI
Taman permainan	445 taman
Padang bola	62 padang
Padang futsal	32 padang

Maklumat pegawai dan penyelia kawasan:-

UNIT	BIL. PEMBORONG	PEGAWAI DAN PENYELIA
Taman Permainan Dan Padang Bola	Jumlah : 26 pemborong	
	1 pemborong	i. Pen. Peg. Pertanian Kanan (Sallehuddin)
	4 pemborong	ii. Pen. Arkitek Landskap (Ashikin)
	2 pemborong	iii. Pen. Arkitek Landskap (Nazri)
	8 pemborong	iv. Pen. Jurutera (Sarifuddin)
	4 pemborong	v. Juruteknik Landskap (Siti Nazrina)
	5 pemborong	vi. Juruteknik Landskap (Alif)
2 pemborong	vii. Pelukis Pelan (Husaini)	

2.5 UNIT TAPAK SEMAIAN

Pihak Majlis Bandaraya Shah Alam mempunyai 2 buah tapak semaian yang terletak di **Seksyen 17** dan **Seksyen U15**.


Sepanjang tahun 2013, tapak semaian telah menjalankan aktiviti penanaman pokok sebanyak **47,958 pokok** disamping sejumlah **277 kerja hiasan** yang telah dilaksanakan oleh unit hiasan dibawah penyeliaan tapak semaian.

JABATAN TAMAN & REKREASI

Perancangan dan pencapaian tapak semeian bagi tahun 2013

PERANCANGAN 2013			PENCAPAIAN 2013			ULASAN
Program/Projek	Sasaran		Bil.	Sila nyatakan tarikh/bulan sebenar pelaksanaan (selesai/ sedang/ belum)	Peratus Pencapaian (%)	
	Bil.	Tempoh				
TAPAK SEMAIAN						
PENGELUARAN ANAK-ANAK POKOK DI TAPAK SEMAIAN	80,000 pk Pkk renek 50000 Pkk utama 30000	Jan-Jun	56250 pkk	Jan - Dis	70 %	Pokok Rulia - 6000 Pokok Puding - 5000 Texas ranger - 10000 Musaenda - 5000 Acalipha - 10000 Cordyline - 5000 Durantha gold - 5000 Cosrus - 5000 Maxican lilac - 1750 Bucida - 3500

Kerja-kerja hiasan sepanjang tahun 2012 dan 2013



3.0 BAHAGIAN PEMBANGUNAN LANDSKAP

Bahagian Pembangunan Landskap terbahagi kepada 2 unit seperti berikut :-

3.1 UNIT KAWALAN PEMBANGUNAN LANDSKAP

Nilai kutipan dari Unit Kawalan Pembangunan pada tahun 2013 ialah sebanyak RM 1,129,510.71 berdasarkan 139 permohonan yang diterima dan diluluskan sepanjang tahun 2013.

Senarai Penerimaan Memproses Pelan Landskap, Lawatan Tapak, Mesyuarat Jawatankuasa Dan Bayaran Tahun 2013

PERKARA	JUMLAH
Memproses Pelan Landskap	139 permohonan
Membuat Lawatan Tapak Pra-Penanaman	16 lawatan
Membuat Lawatan Tapak Penyerahan Kawasan	27 lawatan
Membuat Lawatan Tapak Sokongan CF	3 lawatan
Mesyuarat Pre-J/Kuasa Kerja Pengindahan Bandar	12 kali
Mesyuarat J/Kuasa Kerja Pengindahan Bandar	12 kali
Mesyuarat J/Kuasa Pengindahan Bandar	12 kali
Bayaran Memproses Pelan Landskap	RM 37,976.28
Bayaran Sumbangan Anggerik	RM 469,600.00
Bayaran Ketidak Patuhan Perimeter Planting	RM 561,964.43
Bayaran Caj Penanaman Pokok Oleh Pemaju	RM 59,970.00

Perancangan dan pencapaian jabatan tahun 2013

Program/Projek	PERANCANGAN 2013		PENCAPAIAN 2013			ULASAN
	Sasaran		Bil.	Sila nyatakan tarikh/ bulan sebenar pelaksanaan (selesai/ sedang/ belum)	Peratus Pencapaian (%)	
	Bil.	Tempoh				
KAWALAN PEMBANGUNAN						
Mesyuarat Pre-/Kuasa Kerja Pengindahan Bandar	12	Jan-Dis	12	Selesai	100	Telah diadakan setiap bulan.
Mesyuarat J/Kuasa Kerja Pengindahan Bandar	12	Jan-Dis	12	Selesai	100	Telah diadakan pada setiap bulan.
Mesyuarat J/Kuasa Pengindahan Bandar	12	Jan-Dis	12	Selesai	100	Telah diadakan pada setiap bulan.
Mengeluarkan Bil Bayaran Memproses Pelan Landskap	120	Jan-Dis	139	Selesai	100	Telah dikeluarkan pada setiap permohonan yang diterima.
Memproses Pelan-Pelan Landskap	120	Jan-Dis	139	Selesai	100	Telah dibawa ke mesyuarat jawatankuasa pada setiap bulan.
Mengeluarkan Bil Bayaran Sumbangan Anggerik	100	Jan-Dis	121	Selesai	100	Telah dikeluarkan pada permohonan-permohonan yang berkaitan.
Mengeluarkan Bil Bayaran Sumbangan Perimeter Planting	40	Jan-Dis	47	Selesai	100	Telah dikeluarkan pada permohonan-permohonan yang berkaitan.
Mengeluarkan Bil Bayaran Caj Penanaman Pokok	10	Jan-Dis	14	Selesai	100	Telah dikeluarkan pada permohonan-permohonan yang berkaitan.
Membuat Lawatan Pra-Penanaman Pokok Dan Pembinaan Padang Permainan.	12	Jan-Dis	16	Selesai	100	Telah dibuat untuk setiap permohonan yang diterima.
Membuat Lawatan Tapak Penyerahan Kawasan	24	Jan-Dis	27	Selesai	100	Telah dibuat untuk setiap permohonan yang diterima.
Membuat Lawatan Tapak Untuk Sokongan Sijil Kelayakan Menduduki	3	Jan-Dis	3	Selesai	100	Telah dibuat untuk setiap permohonan yang berkaitan.
Menyediakan Laporan Penanaman Pokok Oleh Pemaju	12	Jan-Dis	12	Selesai	100	Telah dibuat dan dibawa ke mesyuarat jawatankuasa pada setiap bulan.

3.2 UNIT PEMBANGUNAN DAN REKABENTUK

Unit Pembangunan dan Rekabentuk melaksanakan kerja-kerja perancangan, pengurusan dan pembangunan projek landskap melalui penyediaan perincian dan pelan induk, pembentangan grafik serta penyeliaan projek.

Jumlah pegawai di Unit Pembangunan dan Rekabentuk:

1. Ketua Unit / Arkitek Landskap (J44) - 1 orang
2. Arkitek Landskap (J41) - 1 orang
3. Penolong Arkitek Landskap - 3 orang
4. Pelukis Pelan - 1 orang

Fungsi:

1. Merekabentuk dan membangunkan pocket parks, kawasan hijau, laluan pedestrian dan trek basikal, padang-padang bola dan inisiatif penghijauan lorong belakang dikawasan shah alam.
2. Menaiktaraf landskap-landskap dinamik dikawasan persimpangan jalan utama, junction-junction, persiaran dan bulatan dikawasan pusat bandar & luar bandar shah alam.
3. Mengendalikan program-program berkaitan penghijauan dan anggerik shah alam seperti perintis hijau, Anggerik sekolah-sekolah dan Festival Anggerik Shah Alam. Penyediaan rekabentuk awal program penghijauan seperti trees for life, perimeter planting dan dusun komuniti.

Antara projek Landskap Majlis yang telah dilaksanakan adalah:

3.2.1 Inisiatif Pembangunan Trek Basikal dan Pedestrian Shah Alam

Projek pembangunan pembinaan laluan trek jogging dan pedestrian ini merupakan salah satu usaha menjayakan park connectors di seluruh kawasan pusat bandar shah alam. Ini merupakan sebahagian Projek pembangunan Pelan Induk Landskap Shah Alam yang dijangka akan siap secara keseluruhan dalam masa beberapa tahun lagi.

Pada tahun 2012 dan 2013, Projek ini bermula dari kawasan seksyen 4, seluruh kawasan pusat bandar seksyen 14, Taman Tasik Shah Alam dan beberapa kawasan hijau lain yang berhampiran.



Laluan trek basikal yang mempunyai kemudahan keselamatan untuk pengguna yang terletak ditokasi yang berhampiran dengan kawasan perumahan

3.2.2 Landskap pintu masuk seksyen di Shah Alam

- Lokasi: Di pintu-pintu masuk seksyen
- Setiap seksyen mempunyai 4 unit papantanda
- Harga kos: RM 10,000 untuk satu set
- Bahan-bahan: HDPE yang tahan selama 5 tahun
- Saiz: Mempunyai saiz sebanyak 10 kaki tinggi x 5 kaki lebar dan tebal 12mm.



Papantanda Pintu Masuk di Seksyen 5 dan 9, Shah Alam

3.2.3 Inisiatif Penghijauan Lorong Belakang Shah Alam (Shah Alam Back Alley Greening Initiative)

Merupakan satu inisiatif menghijaukan lorong-lorong belakang (backlane) kediaman-kediaman di peringkat komuniti Shah Alam yang menekankan konsep kerjasama dan gotong-royong di kalangan komuniti setempat.

Objektif program adalah untuk menjadikan lorong-lorong belakang satu tempat yang bersih, hijau, selamat, ceria dan ruang masyarakat berinteraksi.

JABATAN TAMAN & REKREASI

Rakan kongsi terdiri daripada badan-badan korporat, institusi agama (MAIS/JAIS, , surau-surau), institusi pendidikan (Jabatan Pelajaran Negeri Selangor (JPNS) / sekolah-sekolah), penduduk setempat dan juga para sukarelawan.



'Inisiatif Penghijauan Lorong Belakang Shab Alam' siap sepenuhnya di lokasi pilot project iaitu di Jalan Bidara 4/7F dan Jalan Manggis 4/7H.

3.2.4 Kerja-kerja pengemasan kawasan (Underbrushing) Taman Lembah Bukit SUK

Kerja-kerja "underbrushing" melibatkan kerja-kerja :-

- Membuang anak-anak pokok liar, semak samun, pelepah-pelepah pokok sawit dan palma, pokok tumbang dan pokok mati
- Meratakan tanah di kawasan yang berlubang dan merbahaya
- Mengemaskan rimbunan pokok buluh, pisang hutan, dan keladi gajah.
- Meratakan longgokan habuk kayu (wood chip)



'Inisiatif Penghijauan Lorong Belakang Shab Alam' siap sepenuhnya di lokasi pilot project iaitu di Jalan Bidara 4/7F dan Jalan Manggis 4/7H.

Bahagian Pentadbiran

Jabatan telah memastikan hal-hal pentadbiran dalam usaha menyokong pentadbiran MBSA untuk menyediakan pentadbiran berkualiti dengan program fail meja, polisi 2 minggu, amalan 5S dan kepatuhan piagam di peringkat jabatan.

Jabatan Taman dan Rekreasi secara keseluruhannya mempunyai **68 orang kakitangan** yang terdiri daripada 7 orang Pegawai A, 15 orang Pegawai B, 25 orang kakitangan sokongan C dan 21 orang kakitangan sokongan D.

Selain melaksanakan program kualiti, Jabatan Taman dan Rekreasi juga turut menjalankan program-program yang melibatkan warga Shah Alam, agensi-agensi kerajaan dan swasta serta badan-badan berkanun.

Antara program-program yang dilaksanakan sepanjang tahun 2013 ialah:-

4.0 SHAH ALAM TREES FOR LIFE 2013

Penanaman pokok secara besar-besaran (massive planting) ini bertujuan untuk mewujudkan jajaran hijau di Shah Alam serta menanam semangat kecintaan kepada kehijauan alam sekitar di samping membantu pihak MBSA mencapai sasaran penanaman tahunan sebanyak 50,000 pokok teduhan, pokok hutan, pokok buah-buahan dan palma.

SHAH ALAM TREES FOR LIFE 2013	JUMLAH POKOK	BILANGAN SUKARELAWAN	
IN REMEMBRANCE OF MR. MOORTHY@ SUNGAI RENGAM	24 Mac 2013 550	159	KARANGKRAF
TREK BASIKAL, SEKSYEN 4	21-Apr-13 1786	563	KPJ Tawakkal Specialist Hospital
LEBUHRAYA KEMUNING - SHAH ALAM (LKSA)	18 Mei 2013 2533	433	Prolintas / LKSA Xyratex Malaysia
STADIUM SHAH ALAM	29-Jun-13 1560	319	KPJ Tawakkal Specialist Hospital
STADIUM SHAH ALAM	07-Sep-13 635	214	UMW TOYOTA MOTOR SDN BHD
SIMPANG SRI MUDA - BUKIT KEMUNING	22-Sep-13 992	86	TELEKOM MALAYSIA BERHAD
LAMAN KEMERDEKAAN SHAH ALAM	26-Oct-13 950	234	KPJ Tawakkal Specialist Hospital
LAMAN KEMERDEKAAN SHAH ALAM	14 Dis 2013 1400	400	UMW CORPORATION SDN BHD Xyratex Malaysia
JUMLAH	10,406	2,408	



5.0 DUSUN KOMUNITI SHAH ALAM (DKSA) 2013

Dusun Komuniti Shah Alam (DKSA) telah mula dilaksanakan pada tahun 2009. Pada tahun 2013 ini, sebanyak empat buah program telah dijalankan melibatkan pihak sekolah dan komuniti.

Program/ Projek	PERANCANGAN 2013		PENCAPAIAN 2013		ULASAN
	Bil.	Tempoh	Bil.	Peratus Pencapaian (%)	
DUSUN KOMUNITI SHAH ALAM (DKSA)	5 dusun	Jan – Dis	4	Okt - Nov 75%	1. Sek. Ren. Agama, Seksyen 3 2. Sek. Keb. Raja Muda, Sekyen 4 3. Sek Men. Sultan Salahuddin Abdul Aziz Shah 4. Jalan 4/7A, Seksyen 4



Program Dusun Komuniti Shah Alam (DKSA) yang telah dilaksanakan pada tahun 2013

6.0 KOMUNITI PRIHATIN TAMAN

Aktiviti/ program yang melibatkan komuniti seperti gotong-royong ini telah dijalankan pada bulan Julai tahun 2013. Dilaksanakan bersama warga kerja STARBUCK MALAYSIA di Taman Tasik Shah Alam.



Sekitar Program Gotong-royong Komuniti Pribatin

7.0 PERINTIS HIJAU 2013

Program perintis hijau memberi pendedahan kepada kanak-kanak warga Shah Alam diperingkat sekolah rendah mengenai kepentingan alam sekitar. Secara tidak langsung dapat memupuk semangat kecintaan kepada alam semulajadi melalui aktiviti rekreasi dan aktiviti-aktiviti luar.

Tahun 2013 menyaksikan sebanyak 3 program ini dilaksanakan iaitu pada 24 April, 03 Julai dan 25 September dengan penyertaan dari sekolah rendah dan sekolah jenis kebangsaan. Setiap sekolah menghantar 4 orang wakil pelajar dan diberikan pendedahan mengenai aktiviti pertanian seperti kaedah penanaman pokok, pembiakan pokok, pengenalan mengenai orkid, fungsi tapak samaian dan sejarah Taman Tasik Shah Alam. Melalui program ini juga, setiap peserta turut diberi peluang menimba pengalaman menanam pokok



Program Perintis Hijau dilaksanakan sebanyak 3 kali setahun

8.0 PASAR BUNGA SHAH ALAM 2013

Pasar bunga Shah Alam mula dilaksanakan pada tahun 2004 dan kini bertempat di Tapak Bazarena, Stadium Melawati Seksyen 13, Shah Alam.

Pelbagai jualan terdapat di pasar bunga ini antaranya adalah jualan pokok bunga-bunga, buah-buahan, herba, spesies hutan, pokok air, pokok wangan, kaktus dan bonsai selain penjualan bahan pertanian seperti baja, racun, pasu bunga, produk pertanian termasuk sayur-sayuran, buah-buahan serta bahan aromaterapi.



Pasar Bunga Sbab Alam bertempat di Tapak Bazarena, Stadium Melawati Sbab Alam

9.0 ZON BERSIH-2013

Program Zon Bersih merupakan salah satu acara tahunan yang dianjurkan oleh pihak SUK Selangor melibatkan PBT-PBT di negeri Selangor.

Jabatan Taman dan Rekreasi merupakan salah satu Jabatan yang terlibat secara langsung di dalam program berkenaan. Pada tahun 2013 ini, pihak MBSA telah menjadi **Juara keseluruhan** dengan memenangi **6 kriteria** yang dipertandingkan di mana salah satu daripadanya adalah kriteria Penyelenggaraan Landskap.



Kawasan Zon Bersih 2013 melibatkan seksyen 2, 3, 4 dan 5, Sbab Alam.



MBSA selaku pihak yang berkuasa sentiasa komited untuk memastikan bandar raya Shah Alam sentiasa bersih, indah dan hijau. Komitmen MBSA adalah untuk menanam 80,000 pokok dalam tempoh setahun.



Jabatan Penilaian & Pengurusan Harta

37



Jabatan Bangunan

41



Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi

46

JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

1.0 PROFIL

Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta merupakan jabatan yang telah diamanah kerja-kerja penilaian keatas hartanah yang terdapat di dalam kawasan Pentadbiran. Jabatan ini merupakan penyumbang hasil utama sesebuah pentadbiran Pihak Berkuasa Tempatan, iaitu Cukai Taksiran dan sewaan.

Di samping itu, jabatan ini juga bertanggungjawab menguruskan harta-harta Majlis dalam bentuk aset tetap dan berperanan mengenal pasti hartanah yang memberi pulangan yang tinggi kepada Majlis.

Jabatan ini terdiri daripada 3 bahagian iaitu:-

- i) Bahagian Penilaian
- ii) Bahagian Pengurusan Harta
- iii) Bahagian Pentadbiran

Jabatan ini diketuai oleh seorang pengarah dan dibantu oleh 74orang kakitangan yang terdiri daripada 42orang kakitangan berjawatan tetap dan 30orang kakitangan berjawatan kontrak dan 1 orang kakitangan sambilan.

Bilangan kakitangan mengikut bahagian :-

- i. Bahagian Penilaian - 49 orang
- ii. Bahagian Pengurusan Harta – 15 orang
- iii. Bahagian Pentadbiran – 10 orang (termasuk pengarah)

1.1 FUNGSI JABATAN

- i. Penilaian – Menentukan Nilai Tahunan bagi maksud cukai taksiran, Caj Pemajuan dan Sumbangan Membantu Kadar(SMK).
- ii. Menentukan nilai modal dan kadar sewa harta Majlis.
- iii. Pengurusan hartanah milik Majlis.
- iv. Pentadbiran Am dan kewangan Jabatan.

1.2 PIAGAM PELANGGAN

- 1 Memastikan Pindaan kepada Senarai Nilai dijalankan 2 kali setahun sepertimana dikehendaki di bawah Akta Kerajaan Tempatan 1976,
- 2 Mengemaskini permohonan pertukaran alamat surat menyurat pemilik pegangan yang diterima di kaunter Jabatan dengan serta merta,
- 3 Mengeluarkan keputusan Mendengar Bantahan (kes-kes pindaan dalam tempoh 4 minggu dari tarikh Mesyuarat Mendengar Bantahan diadakan,
- 4 Mengeluarkan surat pengesahan Harta Belum Nilai dalam tempoh 1 hari dari tarikh penerima di kaunter Jabatan tertakluk kepada permohonan yang lengkap,
- 5 Memproses permohonan carian maklumat yang diterima di kaunter Jabatan dengan serta merta,
- 6 Mengemaskini pertukaran hak milik melalui borang I/J yang diterima di kaunter Jabatan dalam masa 1 hari tertakluk kepada maklumat yang lengkap,
- 7 Bertanggungjawab menyediakan laporan tunggakan sewaan bulanan setiap bulan bagi semua harta Majlis yang disewakan untuk Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan,
- 8 Memantau projek-projek penswastan dan menyediakan laporan setiap bulan.

2.0 LAPORAN AKTIVITI

2.1 BAHAGIAN PENILAIAN

Fungsi Bahagian

- i. Bertanggungjawab memastikan pegangan berkadar dinilai dan dimasukkan dalam Senarai Nilai, mengikut tempoh yang dikehendaki di bawah Akta Kerajaan 1976.
- ii. Memastikan Penilaian Semula dijalankan setiap 5 tahun (tertakluk kepada kelulusan Kerajaan Negeri)
- iii. Memastikan Pindaan kepada Senarai Nilai dijalankan 2 kali setahun (4 kali Notis Pindaan)
- iv. Mengadakan Mesyuarat Jawatankuasa Mendengar Bantahan Nilai Tahunan sebanyak 4 kali setahun.
- v. Menentukan nilai tanah bagi maksud Caj Pemajuan.
- vi. Menyediakan Senarai Nilai Sumbangan Membantu Kadar.
- vii. Memproses permohonan Elaun Kekosongan / Remisi.

Akta Yang diguna Pakai:-

a. Seksyen 137 (3) Akta 171

Penyediaan Senarai Nilai Baru (Penilaian Semula)

b. (Seksyen 144 Akta 171)

Pindaan dibuat berdasarkan perkara-perkara berikut:-

- i. Pengeluaran sijil CCC /CF bangunan-bangunan baru
- ii. Pindaan Ubahsuaian bangunan sediaada.
- iii. Pindaan Perubahan tanah kosong kepada bangunan
- iv. Pertukaran Syarat
- v. Kawasan Kampung

c. Nota* Sek 144(2) Akta 171

Notis mengenai pindaan hendaklah disampaikan kepada pemilik tidak kurang daripada 30 hari dari tarikh semakan.

d. Akta Perancang Bandar dan Desa 1976 dibawah Kaedah-kaedah Caj Pemajuan 2010)

e. Penilaian untuk Sumbangan Membantu Kadar (SMK) Mengikut fasal 156 Perlembagaan Persekutuan seperti berikut:-

- i. Bangunan Kerajaan Persekutuan
- ii. Bangunan Kerajaan Negeri
- iii. Bangunan Badan Berkanun.

e. Nota: Seksyen 1 Akta Kerajaan Tempatan 1976:-

- i. Notis yang layak dipertimbangkan untuk sesuatu penggal adalah 1 bulan sebelum berakhir penggal berkenaan.
- ii. Tuntutan bertulis hendaklah dikemukakan selepas berakhirnya penggal berkenaan

f. Pelaksanaan Kerja-Kerja Penilaian Semula:-

Berdasarkan kepada Pekeliling Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor (Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan) PBT:SPBT Bil.9 tahun 2009 bertarikh 30 September 2009 mengenai Penilaian Semula Cukai Taksiran, Kerajaan Negeri mengarahkan setiap Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Negeri Selangor dikehendaki melaksanakan Penilaian Semula yang perlu dilakukan setiap 5 tahun sekali.

JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

2.1.1 PENILAIAN CUKAI TAKSIRAN

Kadar Cukai Taksiran Majlis Bandaraya Shah Alam

UNIT	KUANTITI	KUANTITI
KEDIAMAN	4.0	3.5
KEDIAMAN BERTINGKAT	3.5	3.5
PERINDUSTRIAN	7.5	7.0
RUMAH KEDAI	7.0	6.5
PERDAGANGAN	7.0	6.5
PANGSAPURI SERVIS	5.0	5.0
PERTANIAN	2.0	1.0
TANAH PEMBANGUNAN	-	3.5

- Kadar yang digunakan sejak 2006-Penilaian Semula Kali Ke-4 mengikut KEGUNAAN
- Bagi pegangan yang dimiliki oleh OKU adalah separuh dari kadar di atas tertakluk kepada permohonan.

Jumlah Keseluruhan Pegangan Mengikut Jenis Harta Dari Tahun 1997 Hingga 2012

KATEGORI PEGANGAN	JUMLAH PEGANGAN							
	1997	1998	1999	2000	2001	2002	2003	2004
KEDIAMAN	44,461	52,780	56,534	60,053	62,111	70,981	80,531	85,011
PERDGN/ PERNIAGAAN	2,049	3,468	4,557	5,493	5,910	7,151	7,968	8,042
INDUSTRI	2,029	4,192	4,889	5,569	5,549	5,667	5,658	5,792
PERTANIAN	1,683	1,902	2,480	3,150	3,138	3,493	3,445	3,464
TNH PEMBGN	-	-	-	-	-	-	-	-
JUMLAH	50,222	62,342	68,460	74,265	76,708	87,292	97,602	102,309

KATEGORI PEGANGAN	JUMLAH PEGANGAN							
	2005	2006	2007	2008	2009	2010	2011	2012
KEDIAMAN	96,321	111,051	125,829	134,435	131,144	134,435	137,661	148,482
PERDGN/ PERNIAGAAN	7,703	9,225	10,749	13,707	12,641	13,707	15,131	19,924
INDUSTRI	5,098	5,985	6,075	6,209	6,091	6,209	6,209	7,025
PERTANIAN	1,504	15,837	20,697	20,490	20,390	20,490	20,492	19,815
TNH PEMBGN	-	-	-	355	354	355	146	185
JUMLAH	110,626	142,098	163,350	175,196	170,620	175,196	179,639	195,431

- 1997 – 2006 Peningkatan sebanyak 65%
- 2006 – 2013 Peningkatan sebanyak 30%


STATISTIK HASIL CUKAI TAKSIRAN TAHUN 2013

Jumlah Pegangan, Nilai Tahunan Dan Cukai Taksiran Senarai Nilai Tahun 2013 1.12.2013

Jenis Pegangan	Jumlah Pegangan	Jumlah Nilai Tahunan (RM)	Jumlah Cukai Taksiran (sthn)(RM)
Kediaman	159,959	1,477,242,821.00	55,880,651.97
Perdagangan	20,027	1,171,315,846.00	79,313,558.93
Perindustrian	7,698	1,097,918,385.00	81,585,578.20
Pertanian	19,256	146,915,474.00	2,438,154.00
RumahKedai	1,433	30,088,070.00	2,102,660.15
Tanah Pembangunan	501	199,858,215.00	6,995,037.53
JUMLAH	208,874	4,123,338,811.00	228,315,640.80

Sumber :Sistem SAHS JPPH

Jumlah Cukai Taksiran mengikut Kategori Tahun 2013 (1.12.2013)



2.1.2 MENDENGAR BANTAHAN NILAIAN

Mulai pada tahun 2013, Majlis telah mengeluarkan notis 4 kali setahun dan mengadakan Pendengaran Bantahan Nilai 4 kali setahun iaitu :

- Penggal 1/2013 tarikh bantahan adalah seperti berikut :-
Tarikh : 6, November 2012, 20 Disember 2012, 7 dan 8 Januari 2013
Jumlah bantahan : 291kes melibatkan 1,228 pegangan
- Penggal 2/2013 tarikh bantahan adalah seperti berikut:-
Tarikh : 8 Mac 2013 dan 8 Julai 2013
Jumlah bantahan : 235 kes melibatkan 156 pegangan
- Penggal 1/2014 tarikh bantahan adalah seperti berikut:-
Tarikh : 23 Disember 2013
Jumlah bantahan : 73 kes melibatkan 566 pegangan

Contoh kes bantahan yang diterima

Alamat Harta	20 JALAN UNGU C U9/C, SUNWAY KAYANGAN, SEKSYEN U9, 40150 SHAH ALAM
Nombor Kes	7
Nilai Tahunan	RM 88,800.00
Cukai Taksiran	RM 6,216.00
Kadar	7.0%
Jenis Harta	Kedai Pejabat 2



2.1.3 REMISI

Jabatan telah menerima sebanyak 442 notis/permohonan remisi bagi Januari hingga Disember 2013. Manakala sebanyak 214 tuntutan telah diproses dari Januari hingga Jun 2013 dengan berjumlah **RM220,717.00** yang telah dikembalikan kepada pemilik harta.

2.1.4 SUMBANGAN MEMBANTU KADAR (SMK)

Jabatan menjalankan kerja-kerja Penilaian untuk maksud Sumbangan Membantu Kadar (SMK) ke atas harta-harta milik Kerajaan, terdiri daripada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri dan Badan-Badan Berkanun. Padatahun 2013 jumlah pegangan yang telah dinilai adalah seperti berikut:-

	JUMLAH PEGANGAN
Kerajaan Persekutuan	4.0
Kerajaan Negeri	3.5
Badan Berkanun	226
Jumlah	852
Jumlah Hasil Cukai (SMK)	RM 2,374,020.00

Pada tahun 2013, Jabatan Penilaian telah berjaya melaksanakan penilaian bagi bangunan milik kerajaan iaitu seperti berikut :

- i. Mahkamah Rendah Syariah Seksyen U5
- ii. Jabatan Audit Cawangan Selangor Seksyen 14
- iii. Kementerian Pertahanan Malaysia (TUDM Seksyen U17)

Jumlah Nilai Cukai Taksiran bagi ketiga-tiga bangunan tersebut adalah **RM380,554.20**.

2.1.5 SISTEM PENILAIAN DAN REKOD PEMILIKAN DALAM SISTEM PENILAIAN

- Kemasukan data
- Mengemaskini maklumat dalam sistem

Jadual berikut adalah aktiviti-aktiviti kemasukan data pada tahun 2013.

AKTIVITI	JUMLAH PEGANGAN
Merekod penerimaan CF/CCC dan Borang F	290(6,527 pegangan)
Permohonan Pindahmilik (Borang I dan Borang J)	8,262
Permohonan Pertukaran Alamat, Ejaan Nama dan Pembetulan Hakmilik	3,327
Carian Rasmi Persendirian	4,279
Mengemaskini dan memasukkan data untuk kes-kes pindaan nilai	19,782
Penerimaan Pelan-Pelan Perancangan	347
Penerimaan Pelan-Pelan Bangunan (Pelan Cadangan dan Tambahan Pindaan)	2286
Kemaskini Makluman Keputusan (OSC)	1151

Nota:

Mulai Mac 2013, Jabatan telah mula membuat pertukaran pindahmilik dalam data Majlis dengan serta merta dikaunter Jabatan Penilaian dan Pengurusan Harta tertakluk kepada permohonan berserta dokumen sokongan yang lengkap yang diterima.

2.1.6 CAJ PEMAJUAN

Pada tahun 2013, kerja-kerja penilaian bagi caj pemaajuan yang diterima sebanyak 71 dengan **69 pemilik/pemaju** telah dinilai manakala 2 permohonan Kebenaran merancang tidak diluluskan oleh Majlis dan tiada perubahan gunatanah. Oleh itu, jumlah penilaian bagi caj pemaajuan bagi tahun 2013 adalah sebanyak **RM19,798,476.00**.

2.2 BAHAGIAN PENGURUSAN HARTA

Bahagian ini bertanggungjawab menguruskan tempahan/penyewaan dan penggunaan harta-harta milik Majlis Bandaraya Shah Alam seperti berikut:

- Harta komersial : kompleks/ kedai pejabat, rumah kedai, kilang
- Kemudahan Awam :tadika dan tapak letak kereta dan kiosk di taman
- Kemudahan kakitangan : Kuarters dan rumah rehat

Tugas utama bahagian ini melibatkan kerja-kerja mengkaji, merancang, menguruskan penggunaan dan penyewaan harta-harta Majlis di bawah pengurusan Jabatan untuk mendapatkan hasil maksima di samping menyeimbangkannya dengan tanggungjawab sosial Majlis kepada masyarakat umum.

Bagi melaksanakan tugas ini dengan lebih efektif, Bahagian ini dibahagikan kepada 3kerja utama dengan tugas dan tanggungjawab seperti berikut:-

- Pengurusan penyewaan harta
 - Tugas utama di unit ini adalah mengkaji sewa pasaran bagi harta-harta milik Majlis yang boleh disewakan dan menyediakan kertas cadangan sewaan
 - mencadangkan tawaran secara sebutharga di buat oleh Bahagian Tender untuk mendapatkan penyewa bagi harta Majlis
 - Menyediakan notis-notis peringatan/ penamatan sewa bagi penyewaan tertunggak
 - Membuat kutipan sewa di tapak/ premis sewaan
 - Menjemput penyewa bermasalah ke Mesyuarat Jawatankuasa tunggakan hasil bulanan.
 - Memantau bayaran tunggakan sewa dan menyelaraskan tindakan susulan ke atas penyewa seperti operasi sita
 - Menyemak tunggakan bulanan untuk penyediaan laporan tunggakan untuk Laporan Mesyuarat Jawatankuasa Kewangan.
 - Menyediakan laporan pencapaian kutipan tahunan, bagi tahun 2013 hasil sewaan yang diperolehi berjumlah RM8,457,497.44 juta berbanding sasaran asal bagi tahun 2013 iaitu RM7,920,205.13 juta.
 - 106.8% daripada hasil sewaan yang disasarkan bagi harta Majlis telah berjaya dikutip.

JENIS SEWAAN	ANGGARAN SEWA 2013 (RM)	PENCAPAIAN KUTIPAN SEWA 2013 (RM)	PERATUS PENCAPAIAN (RM)
SewaBulanan	7,301,794.20	7,283,292.70	99.75
SewaTahunan	500,730.93	788,664.74	157.5
Lain-Lain Sewaan			
1) Auditorium & Bankuet Sehingga Mac 2013	78,000.00	359,000.00	460.26
2) RumahRehat	39,680.00	26,540.00	66.89
Jumlah Sewa Keseluruhan	7,920,205.13	8,457,497.44	106.8

JABATAN PENILAIAN & PENGURUSAN HARTA

JENIS HARTA	BILANGAN UNIT YANG DISEWAKAN	SASARAN SEPATUTNYA DIKUTIP HINGGA DIS 2013 (RM)	PENCAPAIAN 2013 (HASIL SEWA YANG BERJAYA DIKUTIP SEHINGGA DISEMBER 2013)	BAKI TUNGGAKAN 31/12/2013 (RM)	% BAKI TUNGGAKAN BERBANDING SEWA SEBULAN (RM)
Kiosk Taman Tasik	1	8,460.00	8,445.00	15.00	0.02
Penyewaan Tapak	48	1,718,130.40	1,803,241.20	-85,110.80	(0.58)
Menara Wisma MBSA	19	2,973,568.80	2,844,220.50	129,348.30	0.47
Pej Terminal Bas/Teksi	23	74,755.00	72,120.00	2,635.00	0.44
Rumah Kedai	14	593,930.00	576,500.00	17,430.00	0.32
Kedai/Pejabat	35	1,142,180.00	1,095,956.00	46,224.00	0.43
Tadika	21	502,550.00	503,430.00	-880.00	(0.02)
Restoran	2	125,400.00	215,400.00	-90,000.00	(7.32)
Kilang/Perusahaan Ringan	8	78,495.00	79,865.00	-1,370.00	(0.14)
Penswastan Dewan	2	60,195.00	60,195.00	0.00	0.00
Kediaman Majlis	5	24,130	23,920.00	210.00	0.11
JUMLAH SEWA KESELURUHAN YG. PATUT DIKUTIP	178	7,301,794.20	7,283,292.70	18,501.50	0.03
				PENCAPAIAN JABATAN	99.75%

• Pengurusan Kuarters dan Rumah Rehat

Tugasan utama di unit ini adalah :

i. KUARTERS

- Menyediakan kuarters untuk ditawarkan oleh Bahagian Sumber Manusia kepada kakitangan Majlis yang layak
- Menguruskan pembelian perabot danengkapan yang disetujui oleh Majlis mengikut kelayakan yang diselarasakan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan
- Menguruskan aduan dan kerja-kerja pembaikan bersama Unit Penyelenggaraan Jabatan dan Jabatan Kejuruteraan
- Mengadakan lawatperiksa secara berkala ke unit-unit kuarters dan rumah rehat untuk semakan bil-bil utiliti, kebersihan dan cadangan kerja-kerja pembaikan yang diperlukan
- Menyelaraskan bayaran bil-bil cukai taksiran dan bil cukai tanah tahunan
- Menyerahkan dan menerima serahan kunci unit yang disewakan serta menyalurkan tuntutan wang cagaran

ii. RUMAH REHAT

- Menerima tempahan daripada kakitangan dan menyalurkannya, mengeluarkan surat maklumbalas tentang kelulusan /kegagalan permohonan rumah rehat. Bagi tahun 2012 sebanyak 430 permohonan daripada kakitangan telah diuruskan.
- Memastikan rumah rehat dilengkapi dengan kemudahan /peralatan asas untuk kelesaan penginapan kakitangan dan Ahli Majlis.
- Menyelaras tempahan kakitangan dengan pihak pengurusan rumah rehat di setiap lokasi

• Penyelenggaraan Kecil.

- Menjalankan pemantauan, pengurusan, lawat periksa dan laporan kerosakan harta Majlis Rumah Rehat, Bangunan Tadika, bangunan pejabat/ kilang / restoran / kiosk dan Kuarters kakitangan dan premis kediaman yang disewakan bagi memastikan premis berkeadaan baik sepanjang tempoh penggunaan.
- Kerja lawat periksa untuk semakan inventori perabot dan peralatan (Disember)
- Membantu Unit sewaan menjalankan pemeriksaan lokasi terhadap permohonan pemaju untuk serahan bangunan.
Majlis juga telah menerima serahan 2 buah tadika iaitu di
 - i) Tadika U16 (Denai Alam)
 - ii) Tadika di Anggerik Tainia 31/ (Setia Alam)
 keduanya telah mula disewakan sejak 1 Oktober 2011.
- Unit ini juga ditugaskan untuk menyelia aduan yang diterima dari sistem aduan yang disediakan, menghadiri mesyuarat aduan dan menyediakan laporan berkaitan.

• Penjualan Harta.

Disamping tugas-tugas utama seperti yang disenaraikan di atas, Bahagian Pengurusan Harta juga telah meneruskan penjualan harta-harta Majlis pada tahun 2013. Sasaran bagi penjualan kuarter dan harta Majlis adalah sebanyak RM25,468,610.00. Pada tahun 2013 hasil jualan yang adalah sebanyak RM1,225,279.20 sehingga 31 Disember 2013 jumlah hasil jualan yang diterima adalah sebanyak RM20,969,579.00.

JABATAN BANGUNAN

1.0 PROFIL

1.1 VISI JABATAN

Jabatan Bangunan PBT yang cemerlang dan profesional di Malaysia.

1.2 MISI JABATAN

Memberi perkhidmatan yang cemerlang dan berkualiti kepada semua pemaju, perunding, pemilik dan lain-lain pelanggan dengan berlandaskan kepada etika-etika profesionalisma.

1.3 OBJEKTIF JABATAN

Memastikan bangunan yang dibina mematuhi undang-undang yang ditetapkan agar keselamatan dan keselesaan kepada penduduk di dalam kawasan Majlis Bandaraya Shah Alam terjamin.

1.4 FUNGSI JABATAN

- Memproses dan meluluskan pelan-pelan bangunan baru, tambahan dan pindaan pada bangunan sedia ada, pelan pindaan kepada pelan lulus dan pelan setara rumah teres kediaman 1 tingkat dan 2 tingkat.
- Memproses dan meluluskan permohonan permit pelan setara untuk permit binaan/bangunan sementara seperti dinding sesekat (partition) dan bumbung sengkuaip (awning) bagi rumah kedai/kedai pejabat, permohonan bangunan sementara seperti kongsi, kabin, kantin, 'shed', serta permohonan permit menara telekomunikasi dan 'billboard'.
- Merekabentuk dan menyelia pembinaan projek-projek khas Majlis seperti gerai, dewan, 'food court' dan lain-lain serta pelan-pelan cadangan untuk program berkaitan Local Agenda 21 seperti Bandar Selamat.
- Menerima permohonan CCC yang merangkumi borang-borang dari G1 hingga G21 serta Borang F yang

dikemukakan oleh Perunding ke Jabatan Pusat Setempat (OSC) untuk tindakan rekod Jabatan dan pemeriksaan tapak untuk tindakan pemulangan wang cagaran.

- Melakukan pemeriksaan tapak serta mengeluarkan Sijil Kelayakan Menduduki Bangunan (CF) selepas permohonan Borang E diterima.
- Memantau dan memeriksa serta menguatkuasakan undang-undang terhadap pembinaan yang dibina tanpa kebenaran untuk tujuan-tujuan kelulusan pelan dan permit serta sokongan pengeluaran lesen atau permit.
- Bertindak ke atas aduan yang berkaitan dengan masalah bangunan dan pembinaan.

1.5 AKTA-AKTA YANG DIGUNAPAKAI DI MBSA

- Akta Jalan, Parit dan Bangunan 1974 (Akta 133)
- Undang-Undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UBBL)
- Akta Kerajaan Tempatan 1976 (Akta 171)

2.0 TUGAS UTAMA JABATAN

Jabatan Bangunan terbahagi kepada 3 Seksyen iaitu :

2.1 SEKSYEN PELAN

- Unit Pelan Pembangunan
- Unit Penguatkuasaan

2.2 SEKSYEN KAWALAN BANGUNAN


- Unit Penguatkuasaan & Kawalan Bangunan
- Unit Kualiti & Pentadbiran

2.3 SEKSYEN PROJEK KHAS

- Unit Senireka & Pengurusan Projek
- Unit Permit
- Unit Teater


3.0 LAPORAN AKTIVITI JABATAN BANGUNAN

3.1 KATEGORI PERKHIDMATAN



JABATAN BANGUNAN

3.1 KATEGORI PENGUATKUASAAN



3.2 KATEGORI PROJEK KHAS

3.2.1 PERHENTIAN BAS

Cadangan Kerja-kerja Membina Dan Menyiapkan Perhentian Bas Serta Kerja-kerja Berkaitan Di-



3.2.2 PAGAR DI SUPPORT CENTRE

Cadangan Merekabentuk Pagar Di Pejabat Cawangan Setia Alam (Support Centre) Seksyen U13 Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.



3.2.3 PERPUSTAKAAN MINI MBSA

Cadangan Merekabentuk Ruang Pejabat Cawangan MBSA Kota Kemuning Untuk Dijadikan Perpustakaan Mini Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.



3.2.4 BILIK FAIL BERPUSAT MBSA

Cadangan Merekabentuk Bilik Fail Berpusat Di Stadium Shah Alam Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam



3.2.5 PAGAR DAN PONDOK PENGAWAL PUSAT AKUATIK

Cadangan Merekabentuk Pagar Dan Pondok Pengawal Di Pusat Akuatik Darul Ehsan Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.



3.2.6 PAGAR DI PEJABAT CAWANGAN KOTA KEMUNING

Cadangan Kerja-kerja Membina Dan Menyiapkan Pagar Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Pejabat Cawangan MBSA Kota Kemuning, Seksyen 31, Shah Alam Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.



3.2.7 TEMPAT LETAK MOTOSIKAL BERKUNCI

Cadangan Kerja-kerja Membina Dan Menyiapkan Tempat Letak Motosikal Berkunci Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Kawasan Pekan Subang, Seksyen U6, Shah Alam Bagi Projek 'Blacspot ' Di Bawah Peruntukan Kerajaan Persekutuan.



3.2.8 LALUAN PEJALAN KAKI, BOLLARD DAN KERJA-KERJA MENGECAT

Cadangan Kerja-kerja Membina Dan Memasang Laluan Pejalan Kaki, Bollard Dan Kerja-kerja Mengecat Serta Kerja-kerja Berkaitan Di Kawasan Pekan Subang, Seksyen U6, Shah Alam Bagi Projek 'Blackspot ' Di Bawah Peruntukan Kerajaan Persekutuan.



3.2.9 KAUNTER JABATAN BANGUNAN MBSA

Cadangan Ubahsuai Dan Menaiktaraf Kaunter Jabatan Bangunan di Tkt 8 , Wisma MBSA untuk Majlis Bandaraya Shah Alam



3.2.10 PAGAR WISMA MBSA

Cadangan Merekabentuk Dan Membina Pagar Di Kawasan Wisma MBSA Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

**3.2.11 KAFE MBSA**

Cadangan Merekabentuk Dan Membina Kafe Di Tingkat 3, Wisma MBSA, Shah Alam Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

**3.2.12 BANGUNAN GERAI DAN KEDAI 2 TINGKAT**

Cadangan Meroboh Gerai Sedia Ada Dan Membina Semula Gerai Dan Kedai 2 Tingkat Di Jalan Utas 15/7, Seksyen 15, Shah Alam Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

**3.2.13 PENTAS DI KAWASAN REKREASI SEKSYEN 10**

Cadangan Merekabentuk Dan Membina Pentas Di Kawasan Rekreasi Seksyen 10, Shah Alam Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

**3.2.14 DEWAN BANKUET MBSA**

Cadangan Merekabentuk Dewan Banquet Di Seksyen 13 Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

**3.2.15 PAGAR DAN PONDOK PENGAWAL BANGUNAN TEATER DIRAJA SHAH ALAM**

Cadangan Kerja-kerja Membina Dan Menyiapkan Pagar Dan Pondok Pengawal Di Bangunan Teater Diraja Shah Alam, Seksyen 14 Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

**3.2.16 BANGUNAN TEATER DIRAJA SHAH ALAM**

Cadangan Menaiktaraf Dan Kerja-kerja Membaiki Bangunan Teater Di Raja Shah Alam Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.

**3.2.17 BANGUNAN MEDAN SELERA SEKSYEN U10**

Cadangan Merekabentuk, Membina Dan Menyiapkan Medan Selera Yang Mengandungi 14 Unit Gerai, Dua Unit Kedai Serbaneka Dan Satu Unit Rumah Sampah Di No. 1, Jalan Pulau Angsa U10/A, Puncak Perdana, Seksyen U10, Shah Alam, Untuk Majlis Bandaraya Shah Alam.

**3.2.18 HENTIAN AKHIR BANDAR (HAB)**

i. Cadangan Pembangunan Hentian Akhir Bandar (HAB) dan Perhentian Teksi Di Tapak Gerai Jalan 19/18A, Seksyen 19, Shah Alam.



ii. Cadangan Merekabentuk Dan Membina Hentian Akhir Bandar (HAB) dan Perhentian Teksi Di Atas Lot No. 3 & 5, Jalan Jelutung 17 / 2T, Seksyen 17, Shah Alam.

**3.2.19 BANGUNAN TEMPAT LETAK KERETA, GERAI DAN PASAR**

Cadangan Pembangunan Tempat Letak Kereta Serta Gerai Dan Pasar Enam Tingkat Di Seksyen 25, Shah Alam.

**3.2.20 PEMBANGUNAN DI PEKAN SUBANG**

Cadangan Pembangunan Bagi Tapak No.1 Jalan Besar, Pekan Subang, Seksyen U6, Shah Alam Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.



JABATAN BANGUNAN

3.2.21 BANGUNAN GERAI MAKANAN

Cadangan Membina Dan Menyiapkan Gerai Makanan Di Atas Lot No. 2, Jalan Karang 19/18A, Seksyen 19, Shah Alam Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.



3.2.22 ONE STOP SERVICE CENTRE (OSSC)

Cadangan Merekabentuk Dan Membina Pusat Setempat Perkhidmatan MBSA (One Stop Service Centre-OSSC) Di Tingkat LG (Lift B) Wisma MBSA Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.




3.2.23 DEWAN MESYUARAT MAJLIS

Cadangan Merekabentuk Serta Menaiktaraf Dewan Mesyuarat Majlis Dan Ruang-ruang Sokongan Di Tingkat 1 (Lif B) Wisma MBSA Untuk Tetuan Majlis Bandaraya Shah Alam.




4.0 KATEGORI PENTADBIRAN



5.0 KATEGORI PENTADBIRAN

Program / Aktiviti	Perancangan (RM)	Pencapaian (RM)
Bayaran Permit Bangunan & Binaan Sementara (kongs, kabin, hoarding, dan lain-lain binaan di tapak pembinaan, 'Shed', 'partisi', 'awning', 'grill', menara telekomunikasi dan 'billboard') Kod Hasil : 71810	2,800,370.00	2,516,227.30
Bayaran Yuran Permit Letak Bahan Binaan Kod Hasil : 71811	495,720.00	587,006.40
Bayaran Yuran Lulus Pelan Cadangan Baru & Banglo (Individu) Kod Hasil : 72102 / 72103	3,633,243.00	3,373,605.40

Program / Aktiviti	Perancangan (RM)	Pencapaian (RM)
Bayaran Yuran Proses Pelan Tambahan / Pindaan & Pelan Setara (Kilang, Kediaman, Kedai dan lain-lain) Kod Hasil : 72104	2,042,717.50	1,277,880.03
Penjualan Buku Pelan Setara Kod Hasil : 73102	96,400.00	131,096.00
Penjualan Salinan Sijil CF Kod Hasil : 73104	10,710.00	9,410.00
Penjualan Salinan Pelan Kod Hasil : 73105	4,000.00	6,150.00
Penjualan Risalah / Buku Garis Panduan Kod Hasil : 73106	77,950.00	8,687.00
Denda Bangunan Kod Hasil : 76802 / 76501	2,477,036.50	4,317,450.45
Kutipan Kompaun Kod Hasil : 76102	500,000.00	729,805.00
Rampasan Wang Cagaran	38,600.00	38,600.00
Jumlah Kutipan Sebenar	12,176,747.00	12,995,917.58



6.0 PENCAPAIAN JABATAN SEPANJANG TAHUN 2013

6.1 Tempat PERTAMA dalam Anugerah Inovasi Sektor Awam Selangor (AISAS) pada 17hb – 18hb Julai 2013 di Bangunan SUK dan;

Tempat KEDUA dalam Anugerah Inovasi MBSA (AIMBSA) 2013 pada 1hb Julai 2013.

Kategori : Kumpulan Kecil

Pencetus idea : Mohd. Nuhairi Mohd. Bakri , Hairuddin Saidan

Hasil Inovasi : ONE CLICK APPROVAL



- 6.2 Tempat KEEMPAT dalam Anugerah Inovasi MBSA (AIMBSA) 2013 pada 1hb Julai 2013
 Kategori : Jabatan
 Pencetus idea : Kumpulan Urban Force
 Hasil Inovasi : PELEKAT KELULUSAN PERMIT STRUKTUR PEMANCAR TELEKOMUNIKASI ATAS BANGUNAN.



Pelekat Kelulusan

7.0 INOVASI JABATAN

7.1 ONE CLICK APPROVAL

Inovasi ini menjurus kepada tempoh masa proses penyediaan surat kelulusan pelan tambahan/pindaan pelan setara rumah teres (kelulusan 1 jam) dan surat permit meletak bahan binaan. Dengan kerjasama Jabatan Teknologi Maklumat & Komunikasi, proses penyediaan surat kelulusan pelan dan permit dapat meringankan tugas kakitangan Jabatan terutamanya petugas di kaunter. Petugas kaunter dapat menyediakan bil yuran proses pelan dan permit serta surat kelulusan pelan dan surat permit pada waktu yang sama dan segera dengan menggunakan Sistem SAIIS sedia ada yang telah ditambahbaik.

- 1) Mengurangkan tempoh masa operasi penyediaan surat lulus
- 2) Mengurangkan tempoh masa operasi memproses permohonan
- 3) Mengurangkan pembaziran kertas
- 4) Surat lulus dan surat permit meletak bahan binaan disediakan dengan segera
- 5) Tiada proses kerja berulang dan bertindih
- 6) Disediakan oleh petugas kaunter permohonan
- 7) Meningkatkan produktiviti dan integriti
- 8) Mudah dan cepat disediakan
- 9) Mempunyai nilai tambah yang tinggi

Hasil Inovasi ini juga telah menepati kehendak sistem penyampaian iaitu **MUDAH, JIMAT dan CEPAT** selaras dengan dasar MBSA iaitu **'KHIDMAT TERBAIK'**. Ia juga menepati dasar kualiti pentadbiran kerajaan negeri selangor komited untuk mem**PERKASAKAN SISTEM PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN** bagi **MEMBERIKAN PERKHIDMATAN** yang **TERBAIK** selaras dengan tuntutan pelanggan. Selain daripada itu, ia berjaya memperbaiki dan menambahbaik proses kerja bagi permohonan pelan setara tambahan/pindaan rumah teres. Dan yang terakhir, ia dapat **MENINGKATKAN PRODUKTIVITI ORGANISASI, JABATAN DAN KAKITANGAN.**



7.2 PELEKAT KELULUSAN PERMIT BINAAN SEMENTARA STRUKTUR PEMANCAR TELEKOMUNIKASI ATAS BANGUNAN – KELULUSAN 1 HARI

Jabatan telah mempermudah urusan 'service provider' dan tugas pemantauan penguatkuasa di lapangan. Pelekat kelulusan ini adalah yang tahan cuaca, tahan lama serta

reflektif. Dengan itu struktur pemancar telekomunikasi atas bumbung dapat dikenalpasti sama ada mempunyai kelulusan atau tidak.

8.0 AKTIVITI JABATAN

- 8.1 Penguatkuasaan daripada Jabatan Bangunan telah berjaya melaksanakan 34 operasi roboh sepanjang tahun 2013. Binaan struktur dan tambahan pindaan yang dibina tanpa mendapat kelulusan Majlis adalah terdiri daripada 'shed', struktur gerai haram, binaan balkoni, struktur di laluan pejalan kaki, tembok, struktur di atas tanah rezab dan lain-lain lagi.



Struktur yang dibina didalam kawasan hijau (awam) telah dirobokkan oleh pemilik seperti yang diarakkan.



Lantai di siarkaki premis telah menutup longkang sedia ada.

8.2 ROAD TOUR PENJUALAN BUKU PELAN SETARA DAN PAMERAN INOVASI



Pameran Inovasi Jabatan Sempena Pembentangan Kertas Kerja Seminar Pelaksanaan Amalan Terbaik QE-5S Di Sabah

Pameran Inovasi Jabatan Sempena Pembentangan Kertas Kerja Seminar Pelaksanaan Amalan Terbaik QE-5S Di Port Dickson



Pameran Jejak Inovasi 2013 di AEON Bukit Tinggi, Klang

Pameran Jejak Inovasi 2013 di Kompleks PKNS Shah Alam



Pameran Inovasi Jabatan Sempena Anugerah Inovasi Sektor Awam Selangor (AISAS) di SUK

Pameran Inovasi One Click Approval Sempena Hari Inovasi Peringkat Negeri Selangor di SUK

Booth Jabatan Bangunan di Hari Karnival Komuniti antara Zon MPP/PEBT 2013

9.0 KESIMPULAN

Sepanjang tempoh dari bulan Januari hingga Disember 2013, Jabatan Bangunan telah berjaya mengutip hasil sebanyak **RM13,067,214.63** iaitu lebih daripada jumlah yang disasarkan untuk tahun 2013 iaitu **RM12,176,867.00**. Jabatan Bangunan telah menunjukkan komitmen yang tinggi dalam menepati hasrat Datuk Bandar supaya MBSA dapat menjana hasil sendiri dengan lebih efisien.

Jabatan Bangunan telah menambah baik perkhidmatan kepada pelanggan dengan menaik taraf kaunter Jabatan Bangunan bagi memberi khidmat terbaik serta memberi lebih keselesaan kepada pelanggan yang berurusan di Jabatan Bangunan. Jabatan Bangunan juga komited untuk menghasilkan lebih banyak inovasi sebagai usaha penambahbaikan perkhidmatan secara berterusan untuk memastikan kakitangan di Jabatan Bangunan sentiasa mempunyai sikap berdaya saing di antara satu sama lain samada di peringkat antara Jabatan mahupun di peringkat yang lebih tinggi

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)

1.0 PROFIL

Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi terbahagi kepada 3 bahagian utama dengan kekuatan kakitangan seramai 33 orang.

- Bahagian Operasi, Teknikal dan Pentadbiran AM
- Bahagian Penyelenggaraan Sistem
- Bahagian Kajian, Pembangunan Sistem dan Multimedia

1.1 VISI DAN MISI

Pembentukan visi dan misi ICT MBSA seiring dengan visi dan misi MBSA. Ia dirangka dengan mengambil kira setiap aspek ICT yang boleh menyokong pentadbiran MBSA ke arah kecemerlangan perkhidmatan Kerajaan Negeri Selangor.

• Visi Jabatan

ICT Pemacu Transformasi Perkhidmatan MBSA Yang Cemerlang

• Misi Jabatan

Memperkasakan Aplikasi Dan Infrastruktur ICT Bagi Meningkatkan Kecekapan Dan Integriti Sistem Penyampaian Kepada Pelanggan

Mempertingkatkan Pengetahuan, Keupayaan Dan Kemahiran ICT Bagi Melahirkan Warga Kerja Yang Kompeten Dan Berdaya Saing

1.2 FUNGSI

- Merancang dan menguruskan perolehan perkakasan, perisian, sistem rangkaian dan sistem aplikasi komputer Majlis.
- Merancang dan menjalankan program pengkomputeran aplikasi pentadbiran Majlis.
- Menguruskan perolehan prasarana teknologi maklumat untuk kegunaan Majlis.
- Mengendali dan menyelenggara sistem-sistem aplikasi Majlis.
- Merekabentuk sistem aplikasi untuk menyokong operasi Majlis.
- Merancang dan mengurus program latihan ICT.
- Melaksanakan khidmat rundingan dan latihan.

1.3 PIAGAM PELANGGAN

- Memberi maklumbalas aduan ICT dalam tempoh 24 jam haribekerja.
- Penyelenggara kerosakan perkakasan dan rangkaian dalam tempoh 14 hari bekerja.
- Penyelenggara sistem aplikasi secara dalaman dalam tempoh 10 hari bekerja.
- Memproses bil-bil bayaran dalam tempoh 3 hari bekerja untuk serahan kepada Jabatan Kewangan tertakluk kepada dokumentasi yang lengkap.
- Memberi maklumbalas aduan iResponz dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh aduan diterima.

2.0 LAPORAN AKTIVITI JABATAN TAHUN 2013

2.1 PENGUKUHAN SISTEM MAKLUMAT BERSEPADU SHAH ALAM (SAIIS)



Dimensi baru Sistem Aplikasi Majlis iaitu pembangunan daripada "Client Based Application" kepada "Web Based Application".

Menggunakan satu unik ID pelanggan iaitu MyID (individu) dan MyCOID (syarikat) bagi setiap urusan.

SISTEM HASIL	SISTEM BUKAN HASIL
Sistem Penilaian & Maklumat Harta	Sistem Bayaran
Sistem Cukai Taksiran	Sistem Pendaftaran Pemborong
Sistem Kutipan	Sistem Perolehan
Sistem Pelesenan Dan Maklumat Perniagaan	Sistem Belanjawan
Sistem Permit	Sistem Perakaunan
Sistem Sewaan	Sistem Cagaran
Sistem Tempahan	
Sistem Kompaun	
Sistem Bil Pelbagai	

2.2 PEMBANGUNAN BARU LAMAN WEB RASMI MBSA

Sepanjang tempoh dari tahun 2008 sehingga 31hb Disember 2013, MBSA telah menyertai projek Managed Portal Services (MPS), yang diurus dan ditanggung sepenuhnya oleh Unit Perancangan Ekonomi (EPU) bagi pembangunan Laman Web/Portal. Pembangunan semula Laman Web MBSA yang dilaksanakan pada akhir tahun 2013, dilakukan secara dalaman.

Kelebihan perisian baru bagi Laman Web MBSA adalah:

1. Perisian yang mesra pengguna.
2. Perisian yang boleh dilayari dengan pelbagai pelayar internet.
3. Penyelenggaraan perisian yang mudah dan cepat.
4. Webmaster tidak memerlukan pengetahuan dalam pengaturcaraan.
5. Mampu bertindak sebagai perisian pembangunan aplikasi intranet.
6. Mampu mewujudkan persekitaran pejabat berkonsepkan Green Office.
7. Mampu menjimatkan penggunaan kertas di pejabat.



2.3 PELANCARAN MYMOBILE MBSA

MyMobile merupakan satu inisiatif dibawah Projek eKL yang diterajui oleh MAMPU dengan kerjasama Bank Negara Malaysia, MyClear, Syarikat Telekomunikasi Maxis, Digi, Celcom dan CIMB Bank. Aplikasi MyMobile adalah perkhidmatan yang disediakan kepada pengguna untuk melakukan transaksi perbankan menggunakan telefon bimbit iaitu Pembayaran Cukai taksiran MBSA. Aplikasi ini dibangunkan dengan matlamat menuju ke arah "Mobile Government" dan "Zero Visit Counter".



Pengguna perlu mendaftar terlebih dahulu diportal bank CIMB (<http://www.cimbclicks.com.my>). Setelah pendaftaran berjaya, pengguna perlu mendail *500*888# untuk membuat transaksi menggunakan aplikasi tersebut. Caj perkhidmatan yang dikenakan adalah sebanyak RM0.20 sen bagi setiap sesi (4 minit). Saluran tambahan yang disediakan kepada pengguna ini dapat digunakan pada setiap masa serta mudah dan pantas.

2.4 PELAKSANAAN 'LIVE VIDEO STREAMING (LVS)'



Pelaksanaan 'Live Video Streaming (LVS)' ini merupakan inisiatif Kerajaan Negeri Selangor yang telah memutuskan supaya setiap PBT menyiarkan mesyuarat bulanan mereka secara langsung di laman web PBT masing-masing. Exco Kerajaan Tempatan, Kajian dan Penyelidikan, Datuk Teng Chang Khim berkata, tindakan ini adalah selaras dengan hasrat Kerajaan Negeri yang mementingkan ketelusan dan akauntabiliti dalam pentadbiran negeri.

Dilancarkan pada bulan September 2013, Mesyuarat Penuh Majlis MBSA boleh dilayari secara dalam talian melalui <https://mesyuarat.majlis.mbsa.gov.my> bagi merealisasikan hasrat kerajaan negeri untuk menjadi lebih terbuka dan telus dan ia merupakan cara terbaik untuk orang ramai faham tentang pentadbiran PBT Selangor.

2.5 PEMBANGUNAN SISTEM MAKLUMAT GEOGRAFI (GIS) MBSA

Penganjuran 'Lab Focus Group GIS'

Bengkel GIS yang telah diadakan pada 29hb Januari 2013, dihadiri oleh 60 kakitangan dari pelbagai peringkat dan jabatan. Ia bertujuan memberi pendedahan kepada kakitangan tentang teknologi GIS serta perancangan dan halatuju GIS MBSA.

Objektif bengkel ini diadakan adalah untuk:

- Memberi kefahaman konsep asas dan teknologi GIS
- Memberi pendedahan teknologi terkini berkaitan dengan GIS
- Memberi pendedahan penggunaan GIS yang bersesuaian dengan MBSA
- Mendapatkan input bagi keperluan merangka pelan jangka pendek dan jangka panjang pembangunan GIS dan geoportal MBSA.




Projek Pembangunan GIS

Pembangunan GIS MBSA pada tahun 2013 melibatkan kerja-kerja melengkapkan data spatial dan attribute tiang lampu, data penilaian, Tadika, CCTV dan data spatial pokok. Kerja-kerja dilapangan yang telah dilaksanakan adalah:

KERJA-KERJA DILAPANGAN	PENCAPAIAN
Melengkapkan data spatial dan attribute tiang lampu bagi kawasan Utara dan Selatan sepanjang 1,396.81km, Seksyen 29 sehingga Seksyen U20.	Inventori data yang telah dilaksanakan adalah- i. Tiang lampu sebanyak 34,517 unit ii. Peti Pengagihan lampu jalan sebanyak 813 unit iii. Lampu Isyarat sebanyak 196 unit iv. Lampu Perhentian Bas sebanyak 188 unit.
Melengkap dan mengemaskini data-data spatial lot dengan data penilaian (Seksyen 16 – Seksyen 25)	Kemasukan data no. akaun cukai taksiran dengan data spatial lot bagi tujuan integrasi dengan pengkalan data cukai taksiran. Melibatkan 72,123 pegangan bagi 48 seksyen.
Melengkap dan mengemaskini data-data spatial Tadika	Cerapan data di tapak serta kemasukan data bagi Tadika.
Melengkap dan mengemaskini data-data spatial CCTV MBSA	Cerapan data CCTV dilapangan sebanyak 24 unit telah selesai dilaksanakan
Melengkap dan mengemaskini data-data spatial pokok (Seksyen 1 – Seksyen 5)	Jumlah cerapan data pokok yang dilaksanakan dilapangan melibatkan 7,479 pokok iaitu :- f. Seksyen 2 sebanyak 733 pokok ii. Seksyen 3 sebanyak 733 pokok iii. Seksyen 4 sebanyak 1344 pokok iv. Seksyen 5 sebanyak 315 v. Taman Lembah Bukit SUK sebanyak 359

JABATAN TEKNOLOGI MAKLUMAT DAN KOMUNIKASI (ICT)



2.6 BENGKEL PENYEDIAAN STANDARD OPERATING PROCEDURE (SOP)

Padatahun 2013, Jabatan ICT telah menganjurkan 2 bengkel “Standard Operating Procedure (SOP)” Majlis Bandaraya Shah Alam iaitu Fasa 1 Siri 1 pada 8hb – 9hb April 2013 dan Fasa 1 Siri 2 pada 16 dan 17 Mei 2013 bertempat di Shah’s Village Hotel, Petaling Jaya. Bengkel ini telah dihadiri oleh 60 orang kakitangan bagi menambahbaik 52 SOP merangkumi 5 sistem yang sedia ada digunakan di MBSA.



Matlamat bengkel ini adalah:-

- Memantapkan lagi proses kerja sedia ada di jabatan-jabatan serta memastikan integriti data MBSA lebih terjamin.
- Mengambil kira proses kerja manual dan penggunaan sistem SAIIS. Hasil dari bengkel ini satu dokumen SOP yang lengkap bagi setiap proses kerja akan didokumenkan.



3.0 PENCAPAIAN JABATAN TAHUN 2013

3.1 PENILAIAN PORTAL DAN LAMAN WEB MALAYSIA (MALAYSIA GOVERNMENT PORTALS & WEBSITES ASSESEMENT)

Laman Web Majlis Bandaraya Shah Alam, www.mbsa.gov.my telah berjaya mengekalkan penarafan 5 Bintang bagi Penilaian Portal dan Laman Web Kerajaan Malaysia Anjuran MDEC 2013 dengan markah pencapaian keseluruhan 87%.



3.2 ANUGERAH INOVASI PERINGKAT MBSA - TEMPAT KE-2 PROJEK INOVASI IPIS



3.3 KONVENSyen KUMPULAN INOVATIF DAN KREATIF (KIK) PIALA DATUK BANDAR KALI KEDUA TAHUN 2013



4.0 RUMUSAN

Secara keseluruhannya, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT) telah mengurus dan melaksanakan projek pembangunan ICT yang telah dirancang sepanjang tahun 2013. Atas sokongan, komitmen dan kesediaan perubahan oleh pihak pengurusan dan warga kerja, peningkatan penyampaian pekhidmatan dan pembudayaan ICT berjaya dilaksanakan bagi mencapai visi dan misi MBSA.



MBSA menyediakan tambahan kawasan hijau eksklusif untuk orang awam bersantai bersama keluarga dan beriadah berhampiran Dataran Kemerdekaan Shah Alam.



Jabatan Korporat

50



Jabatan Kejuruteraan

59



Jabatan Undang-Undang

61

JABATAN KORPORAT

Suatu ketika dahulu, kepentingan Bahagian korporat dan peranan komunikasi korporat dalam sesebuah organisasi hanya terasa kepada syarikat-syarikat yang bukan kerajaan atau syarikat yang mencari keuntungan. Manakala, organisasi-organisasi Kerajaan melihat komunikasi korporat bukanlah satu keperluan kepada mereka. Ini kerana fungsi organisasi Kerajaan hanyalah bagi menyediakan perkhidmatan, bukannya mendapatkan keuntungan. Pemikiran tradisi berpendapat, semua orang telah sedia tahu tentang organisasi berkenaan.

Peranan dan fungsi Jabatan Korporat seringkali melibatkan semua lapisan stakeholder. Ini kerana kita membina landasan perhubungan antara organisasi atau syarikat dengan orang awam. Landasan perhubungan ini dilaksanakan melalui pelbagai kaedah seperti perhubungan awam dan pengiklanan atau usaha-usaha promosi, yang melibatkan perkara-perkara seperti newsletter, video kempen korporat, mengurus media ketika berhadapan dengan krisis, merancang program khas dan membina hubungan yang baik dengan stakeholders dan warga Shah Alam.

Fungsi Jabatan ini juga termasuk mengendalikan perhubungan awam dan media; memberi maklumat dan pertanyaan awam; pembangunan program belia dan sukan; penganjuran program kesenian dan pelancongan aerta program kemasyarakatan; menerbitkan bahan rasmi Majlis dan menjadi Urusetia kepada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP) Shah Alam.

LAPORAN AKTIVITI

BAHAGIAN PERHUBUNGAN AWAM

1.0 PROGRAM-PROGRAM UTAMA

- 1.1 Acara-acara rasmi anjuran Majlis dan kerjasama bersama Kerajaan Negeri/Jabatan/Agensi/Persekutuan.

Penganjuran beberapa acara rasmi Majlis sama ada dengan kerjasama Kerajaan Negeri/Jabatan/Agensi Negeri berjalan dengan baik dan lancar.

[Pencapaian = 136 kali]

- 1.2 Penyediaan ucapan-ucapan untuk acara-acara rasmi Majlis mahupun program yang melibatkan Jabatan/Agensi/Persekutuan.

Semua ucapan rasmi dapat disediakan dalam masa yang ditetapkan, berkualiti dan mempunyai isi-isi yang bernas dan mantap.

[Pencapaian = 68 kali]

- 1.3 Menjawab dan memberi maklumbalas terhadap isu-isu yang berbangkit di media massa.

Menjawab isu dan aduan berkaitan MBSA kepada media massa yang disiarkan dalam keratan akhbar.

[Pencapaian = 207 kali]

- 1.4 Program Sosial bersama pihak media.

- Lawatan Mesra Bersama Media Massa & Perlawanan Bola Sepak Persahabatan Soccer Kid MBSA ke Negeri Kelantan - 9-11 Mac 2013.
- Majlis Hi-Tea bersama Media & Anak Yatim – 18 Julai 2013.

[Pencapaian = 1 kali]

- 1.5 Penggunaan iklan atau mesej yang berinformatif dan memberi impak positif kepada masyarakat.

Terdapat 12 unit billboard di bawah pemantauan Jabatan Korporat, MBSA. Berikut adalah visual/kempen yang dipaparkan pada billboard bagi tahun 2013 :-

- Terima Kasih kerana Menjelaskan Cukai Taksiran
- Bayaran Cukai Taksiran Secara Online
- Kempen “go green” melalui pelaksanaan Program Zon Bersih
- Visual sempena Ulang Tahun Keputeraan DYMM Sultan Selangor

[Pencapaian = 12 kali]

- 1.6 Penyediaan cenderamata/ momento bermotifkan Shah Alam.

- Set tupperware
- Set pen dan name card holder

[Pencapaian = 2 kali]

- 1.7 Mempromosikan organisasi dan perkhidmatan MBSA

Penambahan program Majlis dan permintaan daripada agensi-agensi luar untuk turut serta bagi membuka booth dan pameran.

[Pencapaian = 15 kali]

- 1.8 Galeri MBSA

- Penambahan visual pada setiap sudut tiang di dalam kawasan galeri.
- Penambahan panel-panel pameran untuk pameran indoor & outdoor.
- Pencarian bahan-bahan arkib dan koleksi gambar lama akan diteruskan dari masa ke semasa.

[Pencapaian = 1 kali]

- 1.9 Penerimaan pelawat dalam dan luar negara

Mengurus dan menyelaras permohonan pelawat dalam dan luar negara. Memastikan para pelawat menerima layanan yang baik dan mesra serta dapat memberikan fakta yang tepat berkenaan MBSA.

- Luar negara : 6
- Dalam negeri : 35

[Pencapaian = 41 kali]

- 1.10 Kempen

- Kebersihan
- Pendidikan
- Alam Sekitar
- Gejala Sosial

[Pencapaian = 4 kali]

- 1.11 Program Corporate Sosial Responsibility (CSR).

- Bas komuniti oleh PROLINTAS
- Van Komuniti oleh Rotary Club
- Laman Seni Shah Alam oleh Bank Mualamat Berhad
- Tong Kitar Semula oleh Worldwide Holdings Berhad

[Pencapaian = 4 kali]

- 1.12 Penerbitan

- Penerbitan Buku Sumber dan Aktiviti untuk Kanak-kanak, **Adam And Mr. Tee** The Tree Siri ke Lima (V) = 1 kali
- Penerbitan Buletin
 - Shah Alam “Bersih-Indah-Hijau” = 3 isu
 - Zon Bersih MBSA 2013 = 5 kali
- Shah Alam “Photo Book” = 1 kali
- Menerbitkan video korporat MBSA = 1 kali

1.13 Kerjasama Antarabangsa

Menjalinkan kerjasama bersama Bandar Raya Hanam, Korea Selatan dalam sektor :-

- Ekonomi
- Sosial
- Kebudayaan
- Pembangunan teknologi maklumat dan komunikasi Pendidikan

BAHAGIAN PEMBANGUNAN MASYARAKAT

2.0 PROGRAM-PROGRAM UTAMA

2.1 Komuniti / Mesra Rakyat

A. Gaya Hidup Sihat

Mengeratkan hubungan silaturrahim dan perpaduan kaum disamping menjadikan warga Shah Alam cergas dan sihat.

- Senamrobik :
 - Laman Budaya
 - Seksyen 27

[Pencapaian = 84 kali]

B. Pengiktirafan Kepada Komuniti

Program Zon Bersih pada tahun ini diadakan di Seksyen 2,3, 4 dan 5, Shah Alam.

Pelbagai program kemasyarakatan telah dilaksanakan kepada penduduk di kawasan tersebut.

- Taklimat Zon Bersih Mini (3 Julai 2013)
- Penjurian Mini Zee Bee (5,6,26 dan 27 Okt,2 Nov 2013)
- Majlis Penganugerahan Zon Bersih Mini (MiniZeeBee) Antara MPP Shah Alam 2013 (5 Dis 2013)
- Bengkel Zon Bersih (22 Mei 2013)
- Program Gotong Royong (9 Jun 2013)
- Majlis Pelancaran Hari Zon Bersih Bulan Julai 2013 (7 Julai 2013)
- Hari Zon Bersih Bulan September (8 September 2013)
- Hari Zon Bersih Bulan November (10 November 2013)
- Pengauditan Zon Bersih (5 Disember 2013)

[Pencapaian = 9 kali]

C. Masyarakat Prihatin

- Program Sumbangan Sempena Bulan Ramadhan Kepada Kakitangan MBSA. (19 Julai 2013)
- Program Penyerahan Topi Keledar Percuma Sempena Kempen Selamat Balik Kampung. (2 Ogos 2013)
- Program Sumbangan Baju Raya Kepada Rumah Amal Al-Firdaus Bukit Subang,Rumah Anak Yatim Barakah Seksyen 24 dan MPP.

[Pencapaian = 9 kali]

2.2 Program Kesihatan

- Pemeriksaan Kesihatan dan Kempen Kesedaran Penjagaan Kesihatan (8 september 2013)
- Posting Population Health dengan kerjasama Fakulti Perubatan UiTM pada : -
 - 30 Mac 2013
 - 27 Julai 2013
 - 1 September 2013
 - 28 September 2013
 - 3 November 2013

[Pencapaian = 2 kali]

2.3 Program Keprihatinan Orang Kelainan Upaya (Oku) & Warga Emas

A. Permohonan Pelekat kenderaan OKU

Menerima permohonan daripada golongan OKU yang memerlukan pelekat kereta bagi memudahkan mereka meletak kereta diruang yang

Jan – 13 permohonan
 Feb – 10 permohonan
 Mac – 6 permohonan
 Apr – 10 permohonan
 Mei – 9 permohonan
 Jun – 9 permohonan
 Julai – 12 permohonan
 Ogos – 5 permohonan
 Sept – 7 permohonan
 Okt – 7 permohonan
 Nov – 5 permohonan
 Dis – 2 permohonan

B. Penyediaan Kenderaan OKU

Menerima permohonan serta penggunaan Kenderaan Komuniti bagi golongan Warga Emas serta OKU

Jan 6 permohonan
 Feb 5 permohonan
 Mac 5 permohonan
 April 4 permohonan
 Mei 4 permohonan
 Jun 3 permohonan
 Julai 3 permohonan
 Ogos 5 permohonan
 September 2 permohonan
 Oktober 1 permohonan

[Pencapaian = 41 kali]

2.4 Kemiskinan Bandar

Menyelaras program bantuan kepada mangsa-mangsa bencana serta Rumah Kebajikan dan Perlindungan (Program ini diadakan bersama warga Shah Alam yang kurang berkemampuan sempena sambutan bulan Ramadhan Al-Mubarak).

[Pencapaian = 1 kali]

2.5 Majlis Perwakilan Penduduk

Pengurusan Peruntukan serta Perbelanjaan MPP

Gotong Royong : 71 program
 Sumbangan : 97 program
 Bengkel : 119 program
 Ceramah/Forum : 93 program
 Sukaneka : 88 program
 Perayaan : 107 program
 Dialog : 42 program
 Minizeebee : 57 program
 Lain-lain : 65 program
739 program

2.6 Unit Perpustakaan

- Program Kraf Kreatif Sempena Cuti Sekolah (26 2013)
- Program Kanak-Kanak dan 27 Mac dan Pertandingan Mewarna Sempena Hari Zon Bersih (9 Jun 2013, 7 Julai 2013,8 September 2013 &10 November 2013)

JABATAN KORPORAT

- Pertandingan Mewarna dan Melukis Sempena Telematch MPP/PeBT 2013 (22 Dis 2013 & 10 November 2013)
- Pertandingan Mewarna dan Melukis Sempena Telematch MPP/PeBT 2013 (22 Dis 2013)

[Pencapaian = 4 kali]

2.7 Masyarakat Berilmu:-

Kuliah Maghrib di Kediaman Rasmi Datuk bandar pada:-

- 21 Feb 2013
- 28 Mac 2013
- 25 April 2013
- 16 Mei 2013
- 25 Sept 2013
- 24 Okt 2013
- 21 Nov 2013
- 19 Dis 2013

[Pencapaian = 8 kali]

BAHAGIAN KEBUDAYAAN, KESENIAN & PELANCONGAN

3.0 PROGRAM-PROGRAM UTAMA

3.1 Projek yang dirancang

- a. Kumpulan Kesenian Majlis Bandaraya Shah Alam (KEMSA (Kumpulan koir)
 - Perhimpunan Bulanan Bersama Datuk Bandar
 - Perhimpunan Bulanan Jabatan-Jabatan Kerajaan Negeri Selangor
 - Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang (APC)
- b. Program Pusat Seni Setempat Laman Budaya Shah Alam
 - Pencarian Bakat Shah Alam
 - MBSA Showcase
 - Sekolahku Berbakat
 - Shah Alam Drum Circle
 - Pro
 - gram-program penghayatan sastera dan budaya
 - Persembahan Kebudayaan Tradisional dan Kontemporari
 - Program Jawatankuasa Tetap Kebudayaan

[Pencapaian = 30 kali]

3.2 Program tambahan

- Inspirasi Seni
- Persembahan di program Kempen 60+ Earth Hour 2013
- Pertandingan Bercerita Sirah-sirah Rasul Edisi Ke-5 Piala Datuk Bandar MBSA 2013
- Persembahan di Konvensyen Kumpulan Kreatif dan Kreatif (KIK)
- Persembahan di Majlis Hi-Tea Sukanun
- Malam Puisi Riong – Shah Alam, Selangor
- Persembahan di Majlis Minum Petang Datuk Bandar Bersama Pengurus-Pengurus Bank Cawangan Shah Alam
- Persembahan di Hari Kualiti
- Zon Bersih & perasmian Trek Basikal Shah Alam
- Jamuan Hari Raya MBSA
- Sambutan Hari Merdeka 2013
- Estari 2013

- Persembahan di Program Hari Bertemu Pelanggan Bersepadu (HBPB) Peringkat Pentadbiran Kerajaan Negeri Selangor dan Kaunter Aduan Bergerak Bersepadu Bersama Biro Pengaduan Awam (BPA)
- Persembahan di Majlis Penutup Kempen Kitar Semula Kali Ke-6 Peringkat Sekolah Tahun 2013
- Pertandingan Instrumentalis – "Sound of Rhythm"
- Jamuan Tengahari Sempena Lawatan Delegasi Bandar Hanam Ke Shah Alam
- Karnival Komuniti Telematch Antara MPP Zon/PeBT 2013

3.3 Program Pelancongan

1. Program Jawatankuasa Tetap Pelancongan
 - i) Bengkel Retreat Stanco Pelancongan, 26-29 Mac 2013, Tempat : Hotel Hydro Penang, Pulau Pinang = 1 kali
 - ii) Bon Odori, 6 Julai 2013, Tempat : Kompleks Sukan Panasonic, Seksyen 21 = 1 kali
 - iii) Majlis Apresiasi Pelancongan Selangor, 15 November 2013, Tempat : Hotel Grand Dorsett, Subang Jaya = 1 kali
2. Pemeriksaan Premis Penginapan Pelancongan , pada:-
 - 20 Mac 2013
 - 21 Mac 2013
 - 11 April 2013
 - 17 April 2013
 - 23 Mei 2013
 Tempat : Delta Inn, Seksyen 3
 Hotel Holiday Inn Glenmarie Shah Alam
 Hotel Alami, Seksyen 13
 The Club, Saujana Resort Kuala Lumpur
 Hotel UiTM Shah Alam
 Hotel Roof Garden, Bukit Jelutong
 1st Inn Holidays
 Intekma Resort & Convention Centre

[Pencapaian = 8 kali]

3. Seminar Selangor Matta Islamic Travel Fair (MATTA), 25 – 28 April 2013, Tempat : SACC Convection Center
 [Pencapaian = 8 kali]
4. Gubahan lagu – Zon Bersih. Dilancarkan pada 6 Julai 2013 sempena program Zon Bersih.
5. Kembara Kraf Selangor, 2 – 4 September 2013
 Tempat : Sekitar Selangor
6. Program Bersama Tourism Selangor Sdn Bhd (TSSB):-
 - i) TS Day Out – Skytrex, 23 Februari 2013, Tempat : Taman Botani Negara Shah Alam
 - ii) Karnival Wisata International Tourism Fair 2013, Indonesia & Selangor Meets Surabaya, 23 - 30 Oktober 2013, Tempat : Surabaya & Jakarta, Indonesia
 - iii) Lawatan Produk Baru Pelancongan, 25 April 2013, Tempat : Setia Alam Convention Centre & Denai Alam Recreation Club
 - iv) Lawatan "Produk Update" di produk pelancongan Majlis Bandaraya Shah Alam, 19 Oktober 2013, Tempat : Bukit Ramli & Midlands Convention Centre

BAHAGIAN BELIA DAN SUKAN

4.0 PROGRAM BELIA & SUKAN

4.1 Kejohanan

- a. Kejohanan Lumba Basikal & Kriterion Shah Alam
16 Februari 2013
Lokasi Kayuhan : Kriterion Shah Alam / Persiaran Taman Tasik Shah Alam.
Sasaran Penyertaan : Terbuka
Jumlah Penyertaan : 800 org
Kategori :
- Basikal Bukit (On Road)
 - Basikal lumba
 - Basikal BMX
 - Kanak-kanak bawah 5 tahun

2012	2013
1 kali	1 kali

- b. Kejohanan Futsal Piala Datuk Bandar Shah Alam
Tarikh : 11 – 12 Mei 2013 (Sabtu – Ahad)
Masa : 8.30 pagi – 6.00 ptg
Tempat : Frenzy Sport Arena, Sek. 16
Jumlah Penyertaan : 88 Pasukan

2012	2013
1 kali	1 kali

- c. Kejohanan Bola Tampar Piala Datuk Bandar
Tarikh : 25 – 27 Jan. 2013 (Jumaat – Ahad)
Masa : 8.30 pagi – 10.00 malam
Tempat : Dewan MBSA Sek. 19 & Sek. 4
Jumlah Penyertaan : 45 Pasukan
Kategori : i. Lelaki Terbuka (Piala Datuk Bandar)
ii. Volleython

2012	2013
1 kali	1 kali

- d. Kayuhan Belia Ehsan Selangor (BES)

17 Februari 2013

Kayuhan Belia Ehsan Selangor (BES) adalah acara kayuhan anjuran MBSA bersama Majlis Sukan Negeri Selangor (Bhgn. Pembangunan Belia). Ianya adalah aktiviti yang dirancang oleh MSN Selangor untuk setiap PBT di negeri Selangor. Peruntukan perbelanjaan bagi menayakan aktiviti ini telah disediakan oleh MSN Selangor.

2012	2013
1 kali	1 kali

- e. Le Tour De Langkawi

25 Februari 2013

Majlis Bandaraya Shah Alam telah dilantik sebagai jawatankuasa logistik dan persiapan dan dibantu oleh Proton dan pihak LTDL. Walubagaimanapun segala persiapan telah dibuat secara menyeluruh oleh pihak Proton dan LTDL. Majlis hanya membantu dari segi promosi serta penggantungan banner di lokasi-lokasi terpilih. Laluan yang telah digunakan adalah dari Proton Shah Alam (Hicom) – Persiaran Perindustrian – Persiaran Stadium – Lebuhraya Guthrie – U10 –Puncak Alam.

2012	2013
1 kali	1 kali

- f. Kejohanan Badminton Piala Foo Kok Keong 2013.

24 – 26 Mei 2013

Jabatan Korporat MBSA akan bekerjasama dengan Kelab Shah Alam, Selangor untuk menganjurkan Pertandingan Badminton Piala Foo Kok Keong 2013. Pertandingan ini telah dijalankan secara berpasukan.

Maklumat kejohanan

- NamaKejohanan: Kej. Badminton Piala Foo Kok Keong 2013.
- PerlaksanaanKejohanan
- Tarikh : 24 – 26 Mei 2013
- Tempoh Perlaksanaan: 3 hari
- Sasaran Penyertaan: 8 pasukan
- Tempat : KSAS Badminton Hall

Tugas/ Tanggungjawab MBSA :

Majlis Bandaraya Shah Alam telah diberi tanggungjawab untuk menyediakan perkara-perkara berikut :

- Penyediaan keperluan logistik
- Menguruskan bahagian protokol
- Jemputan VIP
- Jemputan Media
- Kebenaran penggantungan banner dan bunting

2012	2013
1 kali	1 kali

- g. Sukan Badan Berkanun (SUKANUN), UNIMAP

23 Jun - 2 Julai 2013

Maklumat Acara:

Nama Kejohanan : Sukan Badan Berkanun, UNiMAP,Perlis

Anjuran : UNiMAP, Perlis

Tarikh : 23 Jun hingga 2 Julai 2013

Keputusan :

- Bola Sepak – Suku Akhir
- Futsal (L) – Suku Akhir
- Futsal (W) – Gangsa
- Sepak Takraw – Pusingan Ke-2
- Tenpin Boling – 2 Gangsa
- Dart – Gangsa
- Bola Tampar – Pusingan Ke-2
- Tarik Tali – Gangsa

2012	2013
1 kali	1 kali

- h. Kejohanan Sukan Malaysia (SUKMA) Kuala Lumpur, 2013

28 Jun - 7 Julai 2013

- Statistik Kes Demam Denggi
 - Bilangan kes demam denggi (DD) dan demam denggi berdarah (DDB) yang dilaporkan serta disahkan positif:

Kes Dilapor			Kes Disahkan (Serologi Positif)		
DD	DDB	Jumlah	DD	DDB	Jumlah
2732	43	2775	721	13	734

- Graf tren kes demam denggi

Tren Kes Demam Denggi Di Kawasan MBSA Dari Tahun 2009 Hingga 2013



- Aktiviti – aktiviti kawalan demam denggi yang telah dijalankan sepanjang tahun 2013:

Perkara	Kumulatif
Bil. premis diperiksa	93152
Bil. premis positif pembiakan Aedes	868
Bil. premis disembur	1597407
Bil. rumah dibunuh abate	42763
Bil. kompaun dikeluarkan	838

2.3.2 Program Kawalan Haiwan Kacauganggu

- Penerimaan Aduan Haiwan Kacauganggu

Kategori Haiwan	Jumlah Aduan Sepanjang 2013
Anjing liar	988
Anjing peliharaan	240
Haiwan liar	115
Haiwan peliharaan	32
Ayam peliharaan	33
Lebah/ tebuan	124
Jumlah	1532

- Bilangan aduan kacauganggu haiwan yang diterima mengikut pecahan bulan:

Jenis Haiwan	Apr											
	Jan	Feb	Mac	Apr	Mac	Jun	Jul	Ogo	Sep	Okt	Nov	Dis
Anjing liar	134	126	108	78	49	89	73	39	67	55	93	77
Anjing peliharaan	30	15	25	27	20	30	16	14	17	13	12	21
Haiwan liar	9	15	13	7	8	9	7	7	8	9	11	12
Haiwan peliharaan	3	2	3	4	1	1	3	2	3	2	6	2
Ayam peliharaan	2	2	2	3	2	5	2	2	5	3	1	4
Sarang Lebah/ tebuan	11	13	13	12	8	10	7	9	12	12	9	8

- Statistik Penangkapan Haiwan Kacauganggu

Operasi	Bilangan Tangkapan
Penangkapan anjing liar oleh pasukan penangkapan Jabatan Perkhidmatan Bandar	827
Penangkapan anjing liar oleh kontraktor lantikan Majlis	511
Penangkapan kucing liar	408
Pemusnahan sarang lebah / tebuan	101

- Aktiviti Penguatkuasaan Pemeliharaan Haiwan

Penguatkuasaan Pelesenan Anjing Peliharaan		Penguatkuasaan Pemeliharaan Haiwan	
Pengeluaran Notis Amaran	Pengeluaran Kompaun	Pengeluaran Notis Amaran	Pengeluaran Kompaun
185	55	37	13

2.3.3 Program Pengurusan Tanah Perkuburan Seksyen 21

- Bilangan Pengkebumian Jenazah di Tanah Perkuburan Islam

Bulan	Dewasa	KANAK-KANAK (<12TAHUN)
JANUARI	26	6
FEBRUARI	23	3
MAC	34	4
APRIL	29	6
MEI	32	6
JUN	29	6
JULAI	37	2
OGOS	23	7

Bulan	Dewasa	KANAK-KANAK (<12TAHUN)
SEPTEMBER	22	5
OKTOBER	26	5
NOVEMBER	29	3
DISEMBER	35	3
JUMLAH	345	56

- Bilangan Pengkebumian Jenazah Di Tanah Perkuburan Hindu

Bulan	Dewasa	KANAK-KANAK (<12TAHUN)
JANUARI	0	0
FEBRUARI	0	0
MAC	4	0
APRIL	3	0
MEI	1	0
JUN	1	0
JULAI	1	0
OGOS	2	0
SEPTEMBER	1	0
OKTOBER	3	0
NOVEMBER	1	2
DISEMBER	4	0
JUMLAH	21	2

- Bilangan Pengkebumian Jenazah Di Tanah Perkuburan Kristian

Bulan	Dewasa	KANAK-KANAK (<12TAHUN)
JANUARI	2	0
FEBRUARI	1	0
MAC	3	0
APRIL	2	0
MEI	3	0
JUN	1	0
JULAI	2	0
OGOS	2	1
SEPTEMBER	2	0
OKTOBER	3	1
NOVEMBER	1	0
DISEMBER	0	0
JUMLAH	22	2


2.4 BAHAGIAN KESIHATAN AWAM

2.4.1 Aktiviti Pemantauan Kebersihan Dan Permohonan Lesen

Sepanjang tahun 2013 Bahagian Kesihatan Awam telah menjalankan sebanyak 4595 pemeriksaan yang terdiri daripada pemeriksaan premis makanan, pemeriksaan permohonan lesen, rampasan makanan, siasatan aduan, pemeriksaan tadika dan lain-lain bagi tujuan pemantauan kebersihan dan permohonan lesen.

JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR


Di bawah merupakan graf yang menunjukkan jumlah pemeriksaan yang dijalankan sepanjang tahun 2013 mengikut jenis premis dan pemeriksaan:-



2.4.2 Aktiviti Pemeriksaan Lesen

Daripada 3270 permohonan lesen yang diterima, Bahagian Kesihatan Awam telah berjaya memeriksa permohonan-permohonan yang terdiri daripada lesen industri, perniagaan, premis makanan, taska/tadika dan lesen anjing.


Graf menunjukkan bilangan pemeriksaan permohonan lesen mengikut aktiviti pelesenan:




2.4.3 Aktiviti Penggerdan Premis Makanan

Aktiviti pengredan premis makanan yang dijalankan sepanjang tahun 2013 telah hanya berjaya mengred sebanyak 1288 buah premis dimana sebanyak 16% telah mendapat gred A, 73% mendapat gred B, 8% telah mendapat gred C dan 3% premis makanan dikenakan tindakan penutupan.

Graf menunjukkan jumlah premis makanan yang diperiksa mengikut gred




Carta Pai menunjukkan jumlah premis makanan yang diperiksa mengikut gred



2.4.4 Aktiviti Penguatkuasaan Undang-Undang

Bagi memastikan tahap kebersihan premis-premis makanan di Shah Alam berada di tahap yang memuaskan, sebanyak 75 operasi bersepadu dan 6 aktiviti rampasan makanan telah dijalankan bersama jabatan-jabatan dalaman dan agensi luaran. Hasil daripada aktiviti tersebut sebanyak 181 kompaun dan 84 notis amaran telah dikeluarkan serta 23 premis diarahkan tutup.

Graf menunjukkan bilangan tindakan undang-undang yang diambil mengikut jenis:



2.5 BAHAGIAN KAWALAN ALAM SEKITAR

2.5.1 program pemeriksaan kilang/iks, bengkel, stesen minyak dan kolam renang

Jumlah keseluruhan pemeriksaan yang telah dijalankan sepanjang tahun 2013 adalah sebanyak **309 pemeriksaan**. Berikut adalah data pemeriksaan yang dijalankan sepanjang tahun 2013.

Pemeriksaan	Tahun 2012 Jumlah
Kilang/IKS	86
Bengkel	131
Stesen minyak	83
Kolam renang	9
Jumlah	309

Notis	Kompaun
100	22



2.5.2 Program Pemantauan Pencemaran Alam Sekitar

Berikut pula adalah jumlah aduan yang diterima oleh Bahagian Kawalan Alam Sekitar bagi tahun 2013 mengikut kategori:

Jenis Pencemaran	Tahun 2013
Pembakaran Terbuka	50
Bunyi	65
Bau	64
Sisa Bahan Kimia	4
Pencemaran Efluen	0
Kacauganggu Awam	203
Sampah Haram	15
Jumlah	401




2.5.3 Program Kitar Semula

Majlis Bandaraya Shah Alam telah mewujudkan 6 Pusat Kitar Semula di sekitar kawasan Bandaraya Shah Alam. Berikut adalah data kutipan bahan kitar semula bagi tahun 2013

Bulan	2013
Januari	32,485
Februari	26,181
Mac	29,693
April	30,593
Mei	39,458
Jun	44,338
Julai	44,751
Ogos	30,587
September	39,479
Oktober	24,317
November	26,866
Disember	25,981
JUMLAH	394,728

Graf Kutipan Bahan Kitar Semula Tahun 2013



2.5.4 Program Kitar Semula Peringkat Sekolah & Bangunan Wisma MBSA Tahun 2013

Majlis Bandaraya Shah Alam telah menganjurkan program kitar semula peringkat sekolah selama 7 tahun berturut-turut. Program ini telah diperluaskan ke peringkat Bangunan Wisma MBSA.



Program Kitar Semula Peringkat Sekolah & Bangunan Wisma MBSA Tahun 2013

2.5.5 Program Kitar Semula Minyak Masak Terpakai

Pada tahun 2013, Majlis Bandaraya Shah Alam telah dipilih oleh pihak Kementerian Tenaga, Teknologi Hijau dan Air Malaysia (KeTTHA) untuk menjalankan Program Rintis-Kitar Semula Minyak Masak dikawasan pentadbiran MBSA, Majlis Pelancaran Kempen Kitar Semula Minyak Masak Terpakai kepada Biodiesel telah diadakan pada 03 Disember 2013. Disamping itu juga, Majlis telah menganjurkan Seminar Pengurusan Minyak Masak Terpakai yang melibatkan hampir 300 orang awam yang terdiri daripada Majlis Perwakilan Penduduk (MPP), peniaga restoran, gerai dan kantin sekolah serta wakil-wakil dari Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Selangor.



Ucapan perasmian oleh Datuk Bandar Shah Alam

Peserta seminar yang hadir



3.0 PENCAPAIAN

3.1 PROGRAM KAWALAN DEMAM DENGGI

i. Kempen 'Jom Musnah Denggi'

Kempen Jom Musnah Denggi telah diadakan di sekolah – sekolah pada bulan Januari hingga November 2013. Kempen ini bertujuan untuk memberikan pendidikan kesihatan dan pendedahan kepada pelajar sekolah khususnya tentang penyakit demam denggi. Ceramah berkaitan penyakit demam denggi, edaran risalah, sesi kuiz dan pameran telah diberikan dalam kempen ini. Aktiviti ini telah diadakan di 6 buah sekolah iaitu di SMK

JABATAN PERKHIDMATAN BANDAR

Seksyen , SRA Seksyen 3, SRK Raja Muda Seksyen 4, SRK Seksyen 9, SRK Hicom Seksyen 27 dan SRK Subang Perdana Seksyen U3.

ii. Program Gempur Aedes

Program Gempur Aedes telah pun dijalankan di terutamanya di kawasan wabak. Program ini bertujuan memberi kesedaran kepada penduduk tentang penyakit demam denggi dan cara-cara pencegahannya. Ceramah dan pameran turut diberikan kepada penduduk. Gotong – royong juga turut diadakan. Program ini telah dilaksanakan di Taman Tasik Seksyen 7, Flat PKNS Seksyen 16, Teres Seksyen 20, Flat PPRT Hicom Seksyen 26, Kg Melayu Subang Tambahan Seksyen U6.

iii. Aktiviti Gotong – Royong Menangani Wabak Demam Denggi

Aktiviti gotong-royong menangani wabak demam denggi telah pun dijalankan dengan anjuran MPP Zon dan Jawatankuasa Penduduk di 118 buah lokaliti terutamanya di lokaliti berwabak.

3.2 PROGRAM KAWALAN HAIWAN KACAUGANGGU

Pihak Jabatan Kementerian Kesejahteraan, Perumahan dan Kerajaan Tempatan telah memutuskan untuk mengadakan satu program gotong-royong perdana kempen kawalan tikus secara besar-besaran peringkat kebangsaan dan di kesemua PBT seluruh Malaysia dimana ia akan dilakukan secara serentak. Bagi melaksanakan program tersebut, satu majlis pelancaran program peringkat kebangsaan telah diadakan di Pekan Pasar Menggatal Kota Kinabalu Sabah, manakala pada masa yang sama Majlis Bandaraya Shah Alam telah dipilih oleh pihak Setiausaha Kerajaan Selangor (SUK) sebagai tuan rumah bagi majlis pelancaran di peringkat negeri di mana pelancaran tersebut telah diadakan pada 24 Ogos 2013 bertempat di Laman Budaya Taman Tasik Shah Alam dan dirasmikan oleh YAB Menteri Besar Selangor Tan Sri Abdul Khalid Ibrahim. Seramai 400 orang telah menghadiri majlis ini di mana antara aktiviti yang dijalankan adalah aktiviti gotong-royong dan pameran kesihatan. Dianggarkan sejumlah 150 ekor tikus telah berjaya ditangkap atau dibunuh pada hari pelancaran. Secara amnya program Gotong-Royong Perdana Kempen Kawalan Tikus ini telah berjaya dilaksanakan bagi memberi kesedaran kepada masyarakat tentang kaedah kawalan tikus di kawasan masing-masing. Aktiviti kawalan tikus ini akan dipergiatkan lagi di sekitar kawasan pentadbiran Majlis bagi membendung masalah penyebaran penyakit bawaan tikus.

4.0 RUMUSAN

4.1 PROGRAM KAWALAN DEMAM DENGGI

Kes demam denggi yang dilaporkan pada tahun 2013 iaitu 2775 kes meningkat berbanding tahun 2012 (1111 kes). Kes demam denggi yang masih tinggi ini adalah berikutan daripada beberapa faktor penyumbang seperti berikut :

- i. Sikap penduduk yang kurang prihatin tentang aspek-aspek kebersihan terutamanya tempat-tempat berpotensi pembiakan Aedes di dalam dan di luar rumah.
- ii. Reka bentuk bangunan yang menyumbang kepada pembiakan Aedes seperti pembinaan kolah mandi di dalam rumah, balkoni dan tangki simpanan air individu yang mana aktiviti pencegahan dan kawalan tidak dapat dijalankan.
- iii. Aktiviti pencegahan dan kawalan sukar dijalankan sepenuhnya disebabkan oleh bilangan kakitangan yang terhad berbanding dengan jumlah kes yang diterima tinggi pada setiap hari.

iv. Kurang kerjasama daripada penduduk semasa aktiviti kawalan (semburan fogging dan pemeriksaan pembiakan aedes) dijalankan di premis mereka menyebabkan aktiviti yang dijalankan kurang berkesan.

v. Kelewatan pihak hospital atau klinik melaporkan kes demam denggi ke Pejabat Kesihatan Daerah berhampiran menyebabkan aktiviti kawalan demam denggi lewat dijalankan seterusnya menyumbang kepada kejadian wabak demam denggi tidak terkawal.

4.2 PROGRAM KAWALAN HAIWAN KACAUGANGGU

Secara keseluruhannya, pencapaian prestasi bagi tahun 2013 tidak memberikan suatu refleksi yang mengagumkan sekiranya dilihat dari sudut penerimaan aduan awam. Peningkatan penerimaan aduan anjing terbiar atau berkeliaran adalah sesuatu yang di luar jangkaan, manakala pengurusan aduan berkaitannya pula adalah di luar jangkaan kapasiti kemampuan Jabatan Perkhidmatan Bandar secara logistik. Walau bagaimanapun, sekiranya dipandang dari sudut pencapaian prestasi bagi kerja-kerja penangkapan anjing terbiar yang dijalankan oleh jabatan, catatan rekod sebenarnya telah melebihi sasaran yang ditetapkan. Kepincangan pada pencapaian kerja kontraktor penangkapan anjing hanyalah disebabkan ketiadaan pengisian pada tawaran kerja tender berkaitan selama beberapa bulan, yang mana sekiranya situasi tersebut diterbalikkan, ia seharusnya akan banyak membantu dalam menurunkan bilangan aduan yang diterima bagi tahun 2013.

Terdapat beberapa kriteria petunjuk prestasi kerja yang didapati perlu diberikan perhatian yang serius dan menerima pembaikan segera dalam memastikan pencapaian prestasi kerja yang jauh lebih baik bagi tahun 2014;

- i) Jumlah penerimaan aduan awam berkaitan anjing berkeliaran - adalah didapati peningkatan bilangan aduan ini perlu ditangani dengan cara pelaksanaan operasi kawalan yang lebih intensif iaitu pertambahan pada bilangan aktiviti operasi.
- ii) Jumlah pengeluaran kompaun bagi aduan anjing peliharaan - terdapat keperluan untuk meningkatkan jumlah pengeluaran kompaun sebagai suatu pendekatan secara tidak langsung dalam menangani isu aduan anjing peliharaan dan menurunkan bilangan penerimaan aduan.
- iii) Jumlah penerimaan aduan awam berkaitan haiwan berkeliaran - suatu pendekatan kawalan yang lebih intensif perlu dilaksanakan ke atas aduan terutamanya berkaitan kucing berkeliaran yang didapati meningkat, melalui pertambahan pada bilangan operasi yang dijalankan.

Secara rumusnya, dengan memahami faktor-faktor yang menyumbang kepada kegagalan pencapaian prestasi kawalan haiwan bagi beberapa kriteria tertentu, adalah diharapkan akan menjadi kunci kepada suatu tindakan pembaikpulihan prestasi oleh pihak unit pada tahun 2014. Ia juga diharapkan dapat membantu menjamin pencapaian prestasi Unit Aduan dan Haiwan Kacauganggu yang lebih dinamik pada tahun 2014.

Selain itu, pengekal ke atas prestasi kerja yang dipamerkan oleh pihak Pekerja Rendah Awam harus diberikan perhatian dan dijadikan keutamaan, sebagai laluan kepada pencapaian sasaran kerja yang lebih cemerlang di tahun 2014. Kesungguhan dan usaha yang dipamerkan mereka dalam memenuhi sasaran kerja 2013 yang lalu harus diberikan kredit.

JABATAN PERANCANGAN

1.0 PROFIL

1.1 PENGENALAN

Jabatan Perancangan ditubuhkan pada November 1980. Jabatan Perancangan adalah jabatan yang paling awal dibentuk kerana jabatan ini bertanggungjawab sepenuhnya terhadap perancangan pembangunan sesebuah kawasan. Ini adalah sejajar dengan status Shah Alam sebagai sebuah Bandaraya Terancang.

1980	:	KAKITANGAN DILANTIK (PENOLONG PEGAWAI PERANCANG)
1984	:	PERTAMBAHAN SEORANG KAKITANGAN (PEGAWAI PERANCANG BANDAR)
1988	:	KAKITANGAN BERTAMBAH MENJADI 5 ORANG (1 PENOLONG PEGAWAI PERANCANGAN DAN 2 JURUTEKNIK)
1988	:	PERTAMBAHAN KEPADA 24 ORANG KAKITANGAN
1999	:	PERTAMBAHAN KEPADA 55 ORANG
2005	:	PERTAMBAHAN KEPADA 57 ORANG
2007	:	PERTAMBAHAN KEPADA 69 ORANG
KINI	:	68 ORANG

1.2 VISI

Bersama-sama Harmoni, Ceria, Dan Bestari Ke Arah Cemerlang, Gemilang Membentuk Persekitaran Lestari.

1.3 MISI

Merealisasikan Perkhidmatan Yang Efisien Dan Kualiti

1.4 SLOGAN

"Efisien Dan Berkualiti"

1.5 OBJEKTIF JABATAN

- Membentuk strategi perancangan dan pembangunan.
- Menyediakan rancangan pembangunan yang merangkumi rancangan struktur, rancangan tempatan dan pelan-pelan bangunan.
- Merancang, menyusun dan mengawal pembangunan tanah dan bangunan.
- Mengkaji, merancang dan menyelaraskan pelaksanaan projek-projek khas majlis.
- Membuat penyelidikan mengenai perancangan dan pembangunan Bandar.
- Memantau, melaksana dan mempromosi agenda 21 tempatan (LA21) Shah Alam.
- Memastikan pelaksanaan program Bandar selamat di Shah Alam.
- Menyelaras, melaksana, memajukan, membangunkan dan memastikan kejayaan pelaksanaan projek sistem maklumat geografi (GIS).


1.6 FUNGSI JABATAN

- Memproses permohonan kebenaran merancang pelan susunatur/ pendirian bangunan dan tukar guna bangunan.
- Penyelarasan penamaan kawasan, jalan dan bangunan.
- Menyelaras setinggan/ gerai tanpa kebenaran dan kilang tanpa kebenaran.
- Menyelaras pembangunan mampan Shah Alam.
- Menyelaras pengangkutan awam.
- Penyediaan rancangan pemajuan.
 - Rancangan Struktur Negeri Selangor.
 - Rancangan Tempatan Daerah Petaling dan Sebahagian Daerah Klang.
 - Rancangan Kawasan Khas.
 - Tanah Rezab Melayu.
 - Kg.Tradisional


- Penguatkuasaan perancangan (salahguna tanah/ salahguna bangunan)
- Menyokong permohonan lesen, pelan bangunan, sijil layak menduduki bangunan (CF), lesen kenderaan perdagangan.
- Memantau pembangunan rumah kos rendah.
- Memberi ulasan penswastaan (tanah & bangunan).
- Menyediakan 'Geography Information System' (GIS).
- Menyelaras garis panduan piawaian perancangan.

1.7 ORGANISASI JABATAN

Kakitangan Jabatan Perancangan terdiri seramai 64 orang termasuk pengarah iaitu Pn.Aniza Binti Osman. Ia terbahagi kepada 7 bahagian utama dalam jabatan :



1.8 PELAN PEMBANGUNAN KAWASAN/ TUGAS



2.0 AKTIVITI DAN PENCAPAIAN JABATAN

2.1 PEYEDIAAN DRAF RANCANGAN TEMPATAN (PENGUBAHAN 2)



2.2 KAJIAN PEMBANGUNAN PUSAT BANDAR SHAH ALAM, SEKSYEN 14

- Bengkel Pembangunan Pusat Bandar telah diadakan pada 23 Oktober 2013.



JABATAN PERANCANGAN

2.3 PENGUATKUASAAN PERANCANGAN

- i. Taklimat Pemutihan Premis Tadika/ Taska/ Pusat Jagaan:
 - Premis di Seksyen 7 (Februari 2013)
 - Premis di Seksyen U13, Setia Alam (Februari 2013)
 - Premis di Seksyen U5 (April 2013)
 - Premis di Seksyen 31 (April 2013)
- ii. Pengeluaran Notis Di Bawah Akta 172:

Perkara	Kuantiti
Notis Di Bawah Seksyen 27	323
Notis Di Bawah Seksyen 28	84
Jumlah	407

- iii. Penyediaan Garis Panduan Permohonan Skim Komuniti Berpengawal

2.4 MEMPROSES PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PELAN SUSUNATUR



Kebenaran Merancang	Kuantiti
Baru	60
Pindaan	50
Lanjut Tempoh	9
Jumlah	119

2.5 MEMPROSES PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PENDIRIAN BANGUNAN

Kebenaran Merancang	Kuantiti
Baru	135
Pindaan	5063
Lanjut Tempoh	917
Billboard	10
Telco	43
Jumlah	268

2.6 MEMPROSES PERMOHONAN KEBENARAN MERANCANG PERUBAHAN MATERIAL PENGGUNAAN BANGUNAN

Permohonan KM Tukar guna Bangunan	Kuantiti
Kedai Pejabat Kepada Asrama	0
Kediaman Kepada Perniagaan (Tadika & Taska)	37
- Baru	59
- Pembaharuan KM	67
Kilang/ Gudang Kepada Perniagaan	2
Kedai Pejabat Kepada Hotel	26
Kedai Pejabat Kepada Institusi (sekolah/ tadika/ taska/ pusat jagaan)	9
Jumlah	200

2.7 PENYELARASAN BILLBOARD DI KAWASAN SHAH ALAM

Perkara	Kuantiti
Lulus TOL	99
Dalam proses (TOL)	65
Rezab Persekutuan	104
Tanah Persendirian	11
Parapet	14
Papantanda Jalan	20
Jumlah	313

Sewa Tapak : RM 1,069,700.00

Lesen Iklan : RM694,935.00

Bayaran Tol : RM716,070.00

Permit Sementara : RM180,330.00

Jumlah Keseluruhan = RM2,661,035.00

2.8 PELAKSANAAN PROGRAM LA21 SHAH ALAM MENGIKUT PROGRAM :

- i. Program Sosial
 - Sebanyak 9 pameran telah diadakan sepanjang tahun 2013, antaranya Pameran Inovasi Selangor, Program Zon Bersih, Lawatan YB Su Teng Chang Kim, Hari Bertemu Pelanggan Kerajaan Negeri dan Karnival Komuniti Telematch antara MPP Zon Shah Alam.
 - Bengkel Inisiatif Pemutihan Kawasan Blackspot yang diadakan pada 9 Januari 2013 lalu bagi memperincikan tindakan pelaksanaan tersebut.
 - Lawatan bagi meninjau aktiviti dan program yang dilaksanakan persatuan penduduk di Putrajaya telah dijalankan pada 6 Februari 2013 lalu.



- ii. Program Alam Sekitar
 - Program Baja Kompos : Sisa Bahan Buangan Isi Rumah kepada 40 buah terlibat di Shah Alam bermula 14 April 2013.




- Bagi memantapkan proses pembelajaran baja kompos tersebut, Majlis telah menghantar 6 orang pegawai yang khusus untuk mempelajari pembuatan EM & Bokashi di Dewan Bandaraya Kuching Utara (DBKU).



- Program Perasmian Pusat Kitar Semula oleh Persatuan Penduduk di Bukit Jelutong (BJRA) pada 23 Februari 2013 juga turut Majlis hargai.



- Program Earth Hour 2013 diadakan 23 Februari 2013 lalu bagi tujuan mendidik masyarakat mengenai kepanasan global.



ii. Program Ekonomi

- Program Penyerahan Beg Kitar Semula sempena Hari Tanpa Beg Plastik kepada penduduk sekitar Shah Alam dalam menggalakkan pengurangan penggunaan beg plastic yang berbahaya kepada alam selain menambah ekonomi setempat.

2.9 PETUNJUK BANDAR MAMPAN (MURNINET)

Bersempena Sambutan Hari Perancangan Bandar Sedunia (2013) yang bertemakan ke Arah Bandar Sejahtera Masa Depan, MBSA telah dianugerahkan Sijil Penghargaan Anugerah Mampan 2012. Penilaian tahap kemampunan tersebut dibuat berdasarkan pemarkahan di dalam program MURNInets. Dengan memperoleh keputusan 97%, Shah Alam telah mencapai tahap kemampunan tertinggi 151 Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh Negara.



2.10 PELAKSANAAN NKRA MENGURANGKAN JENAYAH : PROGRAM BANDAR SELAMAT SHAH ALAM

i. Pemasangan 50 Buah CCTV Di Bawah Peruntukkan Kerajaan Negeri Selangor

Berdasarkan status pemasangan 50 buah CCTV yang sepatutnya siap Julai 2013 lalu telah dilanjutkan ke bulan Disember 2013. Kini ia menjadikan MBSA menerima sebanyak 74 buah CCTV di kawasan Shah Alam melalui peruntukkan oleh Persekutuan dan Negeri.



ii. Pelaksanaan Program Pemutihan Kawasan Blackspot Pekan Subang, Shah Alam Berdasar

Kerajaan Persekutuan melalui Kementerian Dalam Negeri (KDN) telah memperkenalkan Program Pemutihan Kawasan Blackspot di kawasan PBT terpilih seluruh Negara. MBSA antara PBT yang terpilih melaksanakan program tersebut bernilai RM2.3 Juta, pemilihan kawasan berdasarkan kawasan yang takut didatangi orang awam disebabkan pendatang asing dan jenayah gangster.



iii. Pelaksanaan 5 Langkah Segera dalam Projek Majlis

Bermula tahun 2010 sehingga 2012, MBSA telah menerima sebahagian besar peruntukan bagi projek menaiktaraf 5 Langkah Segera daripada persekutuan. Sehubungan itu, MBSA mengambil inisiatif untuk melaksanakan projek menggunakan peruntukkan sendiri sebanyak RM1.7 Juta sebagai permulaan dalam meneruskan pelaksanaan tersebut.



iv. Majlis Minum Petang Datuk Bandar Bersama Pengurus-Pengurus Bank

Bagi menggalakkan perkongsian maklumat jenayah bersama pihak PDRM, Majlis telah mengambil inisiatif mengadakan pertemuan bersama pengurus-pengurus bank di Shah Alam pada 4 Jun 2013 lalu. Di majlis tersebut, MBSA telah menyuarakan pendapat mengenai pemasangan CCTV di premis masing-masing bagi mencegah berlakunya jenayah.



v. Taklimat Audit Keselamatan Tempat Letak Kereta (TLK)

Pada 29 Julai 2013 lalu, Majlis telah mengadakan taklimat berhubung Audit Keselamatan TLK kepada 35 premis di seluruh Shah Alam oleh Kerajaan Tempatan. Taklimat tersebut diadakan bagi memberi gambaran semasa keadaan TLK sedia ada dan baru yang perlu diaudit bagi tujuan keselamatan pengguna TLK.

vi. Sesi Latihan Audit Keselamatan Tempat Letak Kereta (TLK)

Bermula bulan Ogos hingga Oktober 2013, beberapa sesi Latihan Audit Keselamatan TLK di Shah Alam diadakan bersama pihak KPKT sebagai juruaudit dalam mengemaskini garis panduan Keselamatan TLK.



JABATAN PERANCANGAN

vii. Lawatan Delegasi Bank Dunia ke Pekan Subang

Bagi memastikan ekonomi Negara seiring dengan pembangunan yang dilaksanakan di seluruh Negara berjalan sepertimana yang dirancang. Wakil pihak Bank Dunia telah membuat kunjungan ke Pekan Subang, Seksyen U6 bagi melihat sendiri keberkesanan projek yang dijalankan dan impaknya kepada masyarakat secara am.



vii. Program NKRA : Pengangkutan Awam Bandar

Dalam memastikan keperluan pengangkutan awam Bandar ditambahbaik melalui Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA). MBSA antara PBT yang terpilih bagi menaiktaraf pelaksanaan projek seperti berikut ;

- Penyelarasan Sistem Kod dan Inventori Perhentian Bas
- Menaiktaraf perhentian bas sedia ada bagi kemudahan OKU menggunakan baki peruntukan perhentian bas baru 2012.
- Menaiktaraf TLK di Stesen Komuter Seksyen 19, Shah Alam sebanyak RM3 Juta melalui peruntukan daripada Kementerian Pengangkutan Awam (MOT) yang dijangka siap 31 Mac 2014 akan datang.
- Projek Pembangunan Hentian Akhir Bandar (HAB) di hentian bas Skeysn 17, Shah Alam melalui peruntukan oleh MOT sebanyak RM3.7 Juta.

2.11 PENYEDIAAN MAKLUMAT AM

Dalam memastikan pembangunan di Shah Alam seiring maju dengan Bandar-bandar lain di Malaysia, Majlis telah merangka penyediaan maklumat am berhubung perancangan di Shah Alam melalui;

- i. Percetakan Buku dan Peta Panduan Jalan
- ii. Dasar-dasar berkaitan Hal Tanah
- iii. Dasar-dasar Pembangunan Shah Alam & Selangor
- iv. Inventori TLK Shah Alam bagi 54 Pengusaha Premis
- v. Inventori Kebuk Sampah

2.12 PENYEDIAAN MAKLUMAT AM

- i. Bengkel Kajian Pembangunan Semula Pusat Bandar - 23 Oktober 2013
- ii. Taklimat Pembangunan Semula Stadium Shah Alam - 23 Februari 2013
- iii. Sesi Teach-In Penyelarasan Pelan & Permohonan OSC - 28 Februari 2013
- iv. Bengkel Gated & Guarded Kepada Pengusaha – 11 April 2013



- v. Taklimat kepada Pengusaha Taska/Tadika – Februari hingga April 2013

- vi. Bengkel LA21 – 6 Februari 2013



vii. Program Motivasi Jabatan

Program yang melibatkan semua kakitangan Jabatan pada 26-27 Oktober 2013 lalu telah diadakan di Lembah Pangsun, Hulu Langat Selangor bertujuan mewujudkan semangat berpasukan dan membina jati diri serta kakitangan berintegriti.

viii. Ceramah Agama & Tahlil Jabatan

Selain memastikan kakitangan Jabatan melaksanakan tugas dalam pekerjaan seharian, Jabatan juga tidak ketinggalan dalam aktiviti kerohanian. Program ini telah diadakan 2 bulan sekali pada setiap tahun.

2.13 PENYERTAAN DI KONVENSyen KUMPULAN INOVATIF KREATIF (KIK)

Jabatan telah menyertai konvesyen KIK yang telah diadakan pada 29&30 Mei 2013. Nama kumpulan jabatan ialah kumpulan 'Khalif' dan tajuk projek ialah Kewujudan Tadika/ Taska/ Pusat Jagaan Tanpa Kelulusan.



JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

1.0 PROFIL

Jabatan Khidmat Pengurusan merupakan jabatan yang menguruskan hal ehwal pentadbiran Majlis, menguruskan perolehan dan bekalan Majlis, menguruskan hal ehwal perjawatan, perkhidmatan, tata tertib dan kebajikan kakitangan serta menguruskan program-program latihan dan kualiti Majlis. Seramai 65 orang pegawai dan kakitangan yang menjadi tunjang kepada jabatan ini dan terdiri daripada dua (2) bahagian iaitu:

- Bahagian Pentadbiran & Perolehan
 - Bahagian Sumber Manusia & Latihan Dan Kualiti
- Fungsi Jabatan Khidmat Pengurusan ialah :
- Menguruskan Pentadbiran Jabatan - Jabatan MBSA
 - Mengendalikan Pengurusan Tenaga Manusia
 - Meningkatkan Pengurusan Kualiti Dan Produktiviti MBSA
 - Urusan Pembangunan Organisasi Dan Penyelidikan
 - Menguruskan Perolehan, Bekalan Dan Stok

1.1 VISI DAN MISI ORGANISASI

MBSA telah melaksanakan program Penjenamaan Semula. Yang Berbahagia Datuk Bandar telah menggerakkan proses penjenamaan semula MBSA dengan memberi tanggungjawab kepada Timbalan Datuk Bandar untuk membentuk Pasukan Petugas yang diselaraskan oleh Jabatan Khidmat Pengurusan. Bengkel Penjenamaan Semula Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) telah dilaksanakan dengan tujuan untuk memperkasa Tadbir Urus Baik yang profesional dengan matlamat meningkatkan kualiti hidup pihak-pihak yang berkepentingan atau 'stakeholders' disamping mengambil kira kepentingan generasi akan datang. Penjenamaan semula ini juga bertujuan memberi panduan kepada kakitangan mengenai tuju arah dan strategi pihak pengurusan bagi memastikan pelaksanaan sistem penyampaian perkhidmatan selaras dengan kepentingan Kerajaan Negeri, Persekutuan & Pelanggan.



Program penjenamaan semula ini telah dilaksanakan melalui beberapa sesi bengkel serta percambahan fikiran. Terdapat 4 peringkat aktiviti penjenamaan semula ini:

- Pengurusan (Dasar; Visi; Misi dan Objektif);
- Piagam Pelanggan (Dasar Q, Etika MBSA, Dasar Sistem Amalan 5S);
- Sistem Operasi Kerja (SOP);
- Penjenamaan Fizikal

Proses penjenamaan semula MBSA telah bermula pada 5 April 2011 dan telah dilancarkan secara rasmi pada 12 Oktober 2011 oleh YB. Dato' Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor.

Dokumen penting seperti Manual Kualiti, Manual Prosedur Kerja (MPK), Laporan Prestasi Kewangan, Laporan Pencapaian Prestasi Jabatan & Bahagian dan Maklumbalas Pelanggan digunakan sebagai input dalam meningkatkan kefahaman dan pelaksanaan visi & misi.

2.1.1 Visi Organisasi

VISI
Menjadikan Shah Alam bandaraya yang berkualiti, sejahtera, kondusif dan terunggul

Visi secara berterusan disampaikan kepada seluruh organisasi melalui pelbagai mekanisma seperti dalam laporan tahunan MBSA, mesyuarat jabatan, buku diari tahunan, pelan strategik, dan notis yang dipaparkan di lokasi yang strategik dalam organisasi seperti di kaunter-kaunter Jabatan, sudut-sudut 5S dan di Kaunter Utama MBSA di aras G, Wisma MBSA. Selain itu, visi juga disebarkan melalui laman sesawang MBSA dan dikomunikasikan bersama warga kerja MBSA semasa perhimpunan bulanan bersama Datuk Bandar.

2.1.2 Misi Organisasi

MISI
Meningkatkan tadbir urus MBSA sebagai organisasi yang efisien, efektif, kompeten, dinamis dan terus cemerlang

Seperti visi, misi juga disampaikan secara berterusan kepada seluruh organisasi melalui pelbagai mekanisma seperti dalam laporan tahunan MBSA, mesyuarat jabatan, buku diari tahunan, pelan strategik, dan notis yang dipaparkan di lokasi yang strategik dalam organisasi seperti di kaunter-kaunter Jabatan, sudut-sudut 5S dan di Kaunter Utama MBSA di aras G, Wisma MBSA. Selain itu, misi juga disebarkan melalui laman sesawang MBSA dan dikomunikasikan bersama warga kerja MBSA semasa perhimpunan bulanan bersama Datuk Bandar.

1.2 DASAR ORGANISASI TERMASUK DASAR KUALITI

DASAR MBSA
Khidmat Terbaik

DASAR KUALITI MBSA
Komitmen kami adalah memastikan perkhidmatan memenuhi kepuasan pelanggan dan pihak berkepentingan menerusi kecemerlangan organisasi yang berterusan

Dasar MBSA dan Dasar Kualiti MBSA disampaikan secara berterusan kepada seluruh organisasi melalui pernyataan di dalam Manual Kualiti dan Manual Proses Kerja (MPK). Selain itu, ia juga disebarkan melalui laman sesawang MBSA dan dikomunikasikan bersama warga kerja MBSA semasa perhimpunan bulanan bersama Datuk Bandar.

Objektif MBSA adalah seperti berikut:

- Perkhidmatan perbandaran yang efisien;
- Mewujudkan Shah Alam sebagai sebuah bandaraya yang bersih, indah, ceria dan selamat
- Memastikan perancangan dan pembangunan yang teratur dan terkawal selaras dengan pembangunan mampan bagi melonjakkan pertumbuhan ekonomi jangka panjang pelabur/ peniaga dalam dan luar negeri;
- Memastikan budaya penyelenggaraan yang efektif dan konsisten;
- Mewujudkan bandar raya sejahtera;
- Meningkatkan pembangunan kemasyarakatan seimbang dengan pembangunan fizikal;

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

7. Memelihara dan memulihara alam sekitar untuk kesejahteraan dan kesejahteraan warga Shah Alam dan generasi masa hadapan;
8. Mewujudkan persekitaran yang kondusif untuk pertumbuhan industri, perdagangan dan pelancongan;
9. Menjadikan Shah Alam pusat pembangunan dan kecemerlangan ilmu pendidikan;
10. Mewujudkan persekitaran yang kondusif dan selesa bagi OKU dan warga emas;
11. Tadbir urus yang cekap, berintegriti & berhemah;
12. Memastikan warga kerja yang kompeten, komited dan berintegriti.
13. Mengutamakan pelanggan dalam memberi perkhidmatan yang cekap, tepat, telus dan berkesan secara berterusan.
14. Membudayakan penggunaan teknologi maklumat dalam semua urusan perkhidmatan.

1.3 NILAI TERAS

Nilai-nilai Teras MBSA telah diwujudkan sejajar dengan program penjenamaan semula. Nilai-nilai teras ini adalah sebahagian dari Kod Etika MBSA dan diwujudkan sebagai satu daya usaha pengurusan untuk memantapkan keutuhan pengurusan penjawat-penjawat awam dalam pentadbiran MBSA. Nilai – nilai teras adalah himpunan nilai-nilai universal yang baik dan terpuji yang perlu dihayati dan diamalkan oleh semua warga MBSA.



Kod Etika Penjawat Awam ini telah diedarkan kepada semua warga kerja MBSA. Setiap warga kerja dikehendaki untuk membaca dan memahami isi kandung Kod Etika Penjawat Awam dan seterusnya mengisi Surat Pengakuan Mematuhi Akuan Kod Etika Kerja Majlis Bandaraya Shah Alam dan mengembalikannya kepada Y. Bhg. Datuk Bandar.

Nilai – Nilai Murni – Nilai Teras

1. **AMANAHAH**
Memelihara dan melaksanakan tugas serta tanggungjawab mengikut agama, undang-undang dan peraturan-peraturan tanpa mengambil kesempatan untuk faedah atau kepentingan diri.
2. **BIJAKSANA**
Bertindak dengan penuh hemah dan rasional dengan menggunakan segala sumber yang ada ke arah pencapaian matlamat dan hasil yang berkualiti
3. **BENAR**
Membuat pernyataan samada secara lisan atau penulisan berdasarkan apa yang didengar atau dilihat tanpa sebarang pengurangan atau penambahan fakta.
4. **TELUS**
Penyampaian yang jelas dan terbuka tanpa berselindung melalui perbuatan (termasuk penulisan dan percakapan) kepada yang sepatutnya (hak)
5. **ADIL**
Membuat sesuatu keputusan serta melaksanakan tindakan mengikut kehendak undang-undang dan peraturan yang ditetapkan dengan berani tanpa pilih kasih dan tanpa dipengaruhi oleh mana-mana pihak.
6. **BERSYUKUR**
Sentiasa bersifat berterima kasih atas setiap nikmat dan pemberian yang diterima dengan menzahirkan melalui tindakan melaksanakan tugas dengan penuh keazaman dan mencapai matlamat tanpa mengira masa, tempat & keadaan.

1.4 FUNGSI JABATAN/BAHAGIAN DAN PEJABAT CAWANGAN DI MBSA

Bagi mencapai Visi, Misi dan Objektif tersebut, Bahagian Latihan dan Kualiti, Khidmat Pengurusan telah memastikan fungsi-fungsi jabatan sentiasa dilaksanakan seperti butiran berikut :-

Kewangan

1. Menyediakan dan mengawal Belanjawan Tahunan MBSA;
2. Melaksanakan arahan-arahan daripada Kerajaan Negeri dan Pusat berkaitan aspek-aspek kewangan;
3. Menguruskan pembelian harta modal dan pelaburan wang Majlis;
4. Memastikan pendapatan melalui kutipan letak kereta mencapai sasaran kerja yang ditetapkan;
5. Merancang dan menguruskan aliran wang tunai Majlis

Penilaian dan Pengurusan Harta

1. Membuat penilaian ke atas semua harta di dalam kawasan Majlis;
2. Mengeluarkan notis-notis yang berkaitan Cukai Taksiran;
3. Menyimpan semua rekod yang berkaitan dengan penilaian dan cukai;
4. Membuat penilaian insuran ke atas bangunan-bangunan MBSA

Perancangan

1. Merancang pembangunan dalam kawasan MBSA;
2. Menyediakan dan memantau Rancangan Struktur dan Rancangan Tempatan;
3. Menyemak dasar-dasar yang sedia ada untuk diperbaiki dan dikemaskini dari masa ke semasa;
4. Bertanggungjawab terhadap pelaksanaan program dan aktiviti pembangunan lestari (LA21) Bandaraya Shah Alam dijalankan mengikut wawasan yang ditetapkan.

Taman & Rekreasi

1. Perancangan dan pengurusan projek landskap;
2. Memproses pelan landskap;
3. Penyelenggaraan taman rekreasi dan Taman Tasik Shah Alam;
4. Pengurusan rekabentuk Tapak Semaian dan Taman Anggerik.

Bangunan

1. Memproses kelulusan pelan bangunan;
2. Melaksanakan tugas-tugas penguatkuasaan terhadap pelaksanaan projek-projek pembangunan;
3. Memeriksa bangunan bagi tujuan pengeluaran CF;
4. Menyediakan rekabentuk projek pelan bangunan dan menguruskan projek bangunan Majlis.

Teknologi Maklumat dan Komunikasi

1. Merancang pembangunan dan melaksanakan penggunaan ICT merangkumi semua bidang kerja MBSA;
2. Menyediakan kemudahan ICT terkini kepada warga kerja MBSA;
3. Memberikan pendedahan dan membayangkan ICT kepada warga Shah Alam.

Perkhidmatan Bandar

1. Kawalan perkhidmatan perbandaran;
2. Penyelenggara-an/ kebersihan alam sekitar
3. Perancangan dan pembangunan perkhidmatan perbandaran ke tahap pencapaian yang tinggi
4. Khidmat Pengurusan
5. Menguruskan pentadbiran Jabatan-Jabatan MBSA;
6. Melaksana-kan tugas-tugas pentadbiran am;
7. Mengendali-kan pengurusan tenaga manusia;
8. Meningkatkan pengurusan kualiti dan produktiviti;
9. Menyelaras Mesyuarat di peringkat MBSA;
10. Urusan pembangunan organisasi dan penyelidikan;
11. Mengurus perolehan bekalan dan stok.

Pelesenan dan Penguatkuasaan

1. Mengurus dan mengeluarkan semua jenis lesen;
2. Pemantauan pengurusan penaja di kawasan Majlis.

Penguatkuasaan

1. Mengatur dan melaksana tindakan penguatkuasaan undang-undang dan peraturan Majlis;
2. Menjaga keselamatan harta Majlis.

Kejuruteraan

- i) Menguruskan projek-projek Majlis, Kerajaan Negeri dan Kerajaan Persekutuan;
- ii) Mengenalpasti projek-projek pembangunan;
- iii) Menerima dan memproses bagi kelulusan Pelan Infrastruktur;
- iv) Menyelenggara semua harta Majlis;
- v) Merancang dan menyelenggara kenderaan-kenderaan Majlis.

Undang-Undang

1. Memberi khidmat nasihat perundangan dan menjalankan pendakwaan di Mahkamah;
2. Menyedia dan menyemak surat perjanjian;
3. Menggubal dan meminda Undang-Undang Kecil, peraturan, perintah dan kaedah;
4. Mengadakan pendidikan perundangan kepada pegawai-pegawai Majlis.

Korporat

1. Urusan perhubungan awam, mengeluarkan kenyataan akhbar, penyediaan ucapan majlis kerajaan, mengurus majlis kerajaan dan mengurus bahan-bahan penerbitan;
2. Memperkenal dan memasarkan aktiviti-aktiviti Majlis sebagai sebuah institusi yang lebih dikenali, difahami dan dihormati oleh masyarakat setempat;
3. Menyelaras dan menganjurkan aktiviti-aktiviti keagamaan, sukan, rekreasi, kebudayaan, kesenian dan pelancongan untuk kemudahan kakitangan dan orang ramai;

4. Memperkenalkan aktiviti-aktiviti kemasyarakatan sukan, rekreasi, kebudayaan kepada penduduk Shah Alam dan pelancong luar;
5. Mengurus Perpustakaan;
6. Menyelaras persatuan penduduk.

Pengurusan Hasil dan Pelaburan

1. Menyelaras segala hal pentadbiran Bahagian Pengurusan Hasil;
2. Mengenalpasti dan merancang program-program peningkatan hasil Majlis;
3. Merancang sumber-sumber baru peningkatan hasil;
4. Merangka polisi-polisi baru ke arah peningkatan hasil;
5. Mengakaji kemudahan teknologi maklumat yang terbaru untuk diperkenalkan dalam usaha meningkatkan kecekapan sistem pengurusan hasil;
6. Mengkaji perkembangan ekonomi untuk dijadikan panduan ke arah menyusun perancangan baru bagi mendapatkan peluang-peluang sumber-sumber hasil baru bagi meningkatkan pendapatan hasil Majlis;
7. Memantau dan melaporkan Penyata Kutipan/ Tunggakan setiap jabatan;
8. Menyediakan Penyata Tunggakan hasil pada setiap suku tahun dan menyediakan maklum-balas kepada teguran audit yang berkaitan dari masa ke semasa;
9. Melaksanakan arahan-arahan yang dikeluarkan oleh pihak atasan dari masa ke semasa;
10. Mempromosikan Majlis sebagai destinasi pelaburan mengikut kekuatan sumber ekonomi daya kawasan Majlis;
11. Membantu menangani masalah yang dihadapi oleh pelabur untuk mendapatkan tapak, kelulusan pelan bangunan dan lain-lain;
12. Menjadi One Stop Centre (OSC) di Majlis yang diantara tugasnya membuat keputusan terhadap cadangan pelaburan di Majlis dan lain-lain.

Bahagian Audit Dalam

1. Memeriksa menganalisa dan melapor kemajuan prestasi Jabatan/ Unit berasaskan kepada ;
2. Pengurusan Sumber Manusia
3. Pengurusan Sumber Kewangan
4. Pengurusan Sumber Material dan Peralatan sokongan
5. Pentadbiran Am dan Merealisasikan Peraturan dan Undang-Undang Dasar dan keputusan Produk jabatan/unit
6. Pemeriksaan kawalan hasil dan penjagaan wang awam;
7. Pemeriksaan kawalan dan pembayaran dan penggunaan wang awam;
8. Pemeriksaan sistem pengurusan stok;
9. Pemeriksaan pengendalian sistem perakaunan;
10. Pengurusan pengendalian vot-vot;
11. Mengujikaji dan pemeriksaan mengejut;
12. Pengendalian aduan awam.

Bahagian Tender dan Kontrak

1. Menguruskan proses pengeluaran tender dan sebutharga;
2. Menguruskan pembayaran semua kerja-kerja tender dan sebutharga;
3. Menguruskan pemberian kerja-kerja inden secara undi;
4. Urusetia Jawatankuasa Pelupusan harta;
5. Menyelaras projek-projek pembangunan Majlis.

Bahagian Pengurusan Stadium

1. Pengurusan Kompleks Stadium Shah Alam terdiri dari Stadium Utama, Stadium Melawati, Stadium Mini dan pengurusan tapai-tapai sekitar Kompleks Stadium;
2. Perancangan Program untuk membangun dan mempromosi penggunaan Kompleks Stadium Shah Alam;
3. Menyelaras Kerja-kerja penyelenggaraan bangunan kawasan Kompleks Stadium Shah Alam.

JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

Pejabat Cawangan Sungai Buloh

1. Menyelaras dan merancang program-program Majlis mengikut fungsi setiap Jabatan di MBSA yang ditempatkan di Pejabat Cawangan untuk kawasan Sg Buloh;
2. Bertanggungjawab meningkatkan kecekapan sistem pengurusan serta memantau dan melaporkan perkembangan pengurusan dan pentadbiran di kawasan Sg Buloh;
3. Mengambil tindakan maklumbalas daripada teguran dan aduan kawasan Sg. Buloh semasa ke semasa.

Pejabat Cawangan Kota Kemuning

1. Menyelaras dan merancang program-program Majlis mengikut fungsi setiap Jabatan di MBSA yang ditempatkan untuk kawasan Kota Kemuning;
2. Bertanggungjawab meningkatkan kecekapan sistem pengurusan serta memantau dan melaporkan perkembangan pengurusan dan perntabdiran di kawasan Kota Kemuning;
3. Mengambil tindakan meklumbalas daripada teguran dan aduan kawasan Kota Kemuning semasa ke semasa.

Urusetia Mesyuarat

1. Menyelaras urusan Mesyuarat Penuh Majlis dan Mesyuarat Jawatankuasa;
2. Menyelaras maklumbalas soalan-soalan mesyuarat dari pihak SUK;
3. Urusetia Mesyuarat Pengurusan dan Urusetia Mesyuarat keutuhan Pengurusan.

2.0 LAPORAN AKTIVITI JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN

2.1 BAHAGIAN PENTADBIRAN AM

Program / Aktiviti	Jumlah
Menguruskan surat-surat Majlis	
i) Surat Masuk	138,708 pucuk
ii) Surat keluar	86,500 pucuk
Perhimpunan kakitangan bersama Datuk Bandar	6 kali
Pengurusan dan pengendalian telefon pejabat:	
i) Panggilan masuk	94,546 panggilan
ii) Panggilan keluar	56,789 panggilan
Menguruskan bayaran minyak 'Smartpay' untuk kenderaan Majlis	396 bil penyata
Menguruskan data penggunaan Touch N Go	70 kali tambah nilai
Menguruskan insuran-insuran Majlis:	
i) Insuran Harta Benda (1hb Jan 2013 – 31 Dis 2013)	RM418,031.54
ii) Insuran Kenderaan (1hb Jan 2013 – 31 Dis 2013)	RM127,365.32
iii) Cukai jalan	175 buah
Menguruskan permohonan kenderaan rasmi Majlis.	
i) Dalam Selangor	93
ii) Luar Selangor	62
i) Menguruskan bil-bil telefon & multimedia Majlis ii) Menyelaraskan elau telefon bimbit kakitangan	1,008 bil penyata
Menurunkan Sistem Fail Dan Rekod Majlis	
i) Registri ii) Klasifikasi iii) Pelupusan	Sebanyak 99 fail telah dilupuskan daripada semua Jabatan di Jabatan Arkib Negara.

2.2 BAHAGIAN PEROLEHAN DAN BEKALAN

Program / Aktiviti	Jumlah
Perancangan pembelian alat keperluan Majlis	
i) - Pesanan Tempatan (LO) - Inden - Arahan Pembayaran (AP)	1,984
ii) Mesyuarat Jawatankuasa Pembelian	5 kali

Program / Aktiviti	Jumlah
Pengurusan Stor Pejabat Sistem Stok Inventori (SSI) Permohonan melalui SSI :	
i) Pengeluaran Baucer Penerimaan SSI	1300
ii) Proses Permohonan Pembelian SSI	
iii) Permohonan Pengeluaran stok kepada Jabatan-Jabatan melalui SSI	
Pendaftaran Aset dan Inventori	
i) Rekod Daftar Harta Modal (KEW.PA-2)	
ii) Rekod Daftar Inventori (KEW.PA-3)	
iii) Pembelian dalam kerja-kerja Tender/Sebutharga	1,596
iv) Verifikasi Stok	
v) Hapuskira	
Pemeriksaan ke atas harta dan inventori	1 kali
Pelupusan Aset Majlis:	
i) Perkakasan	
ii) Perabut	183
iii) Kelengkapan pejabat	
iv) Harta Modal	
Sistem Pendaftaran Pembekal/Pemborong Berpusat	
i) Pendaftaran Pembekal	700
ii) Penilaian Prestasi Pembekal	1 kali
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Aset Kerajaan (JKPAK)	
i) Laporan Kew. PA 1 hingga Kew. PA 32	
ii) Laporan Peruntukan dan Baki Peruntukan Aset	
iii) Laporan Kes Kehilangan Aset	
iv) Laporan Pengurusan Stor	
v) Laporan Pelupusan Aset	4 kali
Mesyuarat Jawatankuasa Pengurusan Kewangan dan Akaun (JKPA)	
Pembentangan Laporan Pengurusan Stor dan Aset	4 kali
Mesyuarat Jawatankuasa Penyiasat	
i) Laporan Awal Kehilangan KEW.PA-28	
ii) Surat Perlantikan KEW.PA-29	
iii) Laporan Akhir Kehilangan KEW.PA-30	4 kali
iv) Laporan Tindakan Tatatertib / Surcaj Kew.PA 32	
Penambahbaikan Sistem Rekod dan Penyimpanan Stok :	
i) Mengira baki stok secara manual	6 kali
ii) Penggunaan slip transaksi penerimaan & pengeluaran	521

2.3 BAHAGIAN SUMBER MANUSIA

Aktiviti	Pencapaian								
Pengambilan Kakitangan (iklan/temuduga & pelantikan)	- Bagi tahun 2013 iklan secara luar/dalam telah dikeluarkan sebanyak 6 kali. Iklan melibatkan 82 jawatan dan bilangan kekosongan untuk diisi 284 kekosongan . - Temuduga telah dijalankan sebanyak 22 kali bermula bulan Mei 2013 hingga 30 Disember 2013. 11 kakitangan telah diuruskan pelantikan ke jawatan tetap da 94 jawatan kontrak sepanjang bulan Januari 2013 hingga Disember 2013.								
Urusan Kenaikan Pangkat/ Pemangkuan	Sepanjang tahun 2013 seramai 13 orang kakitangan telah diuruskan kenaikan pangkat. <table border="1"> <thead> <tr> <th>Jenis kenaikan pangkat</th> <th>Bilangan calon terlibat</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>Kenaikan Pangkat</td> <td>4</td> </tr> <tr> <td>Pemangkuan</td> <td>3</td> </tr> <tr> <td>Kenaikan Pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP)</td> <td>6</td> </tr> </tbody> </table>	Jenis kenaikan pangkat	Bilangan calon terlibat	Kenaikan Pangkat	4	Pemangkuan	3	Kenaikan Pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP)	6
Jenis kenaikan pangkat	Bilangan calon terlibat								
Kenaikan Pangkat	4								
Pemangkuan	3								
Kenaikan Pangkat secara Khas Untuk Penyandang (KUP)	6								
Pelantikan semula kakitangan kontrak dan Pembayaran Ganjaran	Seramai 247 orang kakitangan telah diuruskan pelantikan semula ke jawatan kontrak yang telah berakhir tahun 2013 dan diuruskan bayaran ganjaran bagi tempoh kontrak yang terlibat.								

Aktiviti	Pencapaian										
Pengesahan dalam Jawatan	68 orang kakitangan telah disahkan dalam jawatan sepanjang 2013.										
Menjadi urusetia Mesyuarat Penyelaras Tempat Letak Kereta bersama Syarikat Suasa Efektif (M) Sdn Bhd.
Meningkatkan Kutipan Sewaan Petak Khas Bagi 18 Kategori Perniagaan Yang Dibenarkan.
Meningkatkan Kutipan Kompaun Tempat Letak Kereta Dengan Mengadakan Kempen Pengurangan Kompaun.
Kerjasama Dengan Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ) Iaitu Menyekat Pembaharuan Cukai Jalan Kenderaan Dan Pembaharuan Lesen Memandu.
Menyelenggara Tempat Letak Kereta Berkonsep "Tempat Letak Kereta Kemas Dan Indah".
Mengadakan Pemeriksaan Berkala Tempat Letak Kereta
Menguruskan kutipan Caruman Membantu Kadar (CMK) dari 6 agensi kerajaan
Membina Hubungan Positif Dengan Para Pelabur Sediada

Berikut merupakan program-program utamadiantara 10 program yang dilaksanakan sepanjang tahun 2013 untuk Bahagian Hasil Bukan Cukai dan Pelaburan.

Program : Penambahan 10,000 tempat letak kereta baru

Pencapaian : 105% (10,537 petak)

1 Julai 2013 :

5,514 petak tambahan telah disewakan kepada Syarikat Konsesi

1 Disember 2013 :

5,023 petak tambahan telah disewakan kepada Syarikat Konsesi

Program : Meningkatkan kutipan sewaan Petak Khas bagi 18 kategori perniagaan yang dibenarkan.

- Membuat operasi / operasi bersepadu bersama jabatan teknikal.
Pencapaian : 47.9% (23 operasi)
- Mengeluarkan kompaun/ notis
Pencapaian : 85% (1,275 keping)



Program : Meningkatkan kutipan kompaun tempat letak kereta dengan mengadakan kempen pengurangan kompaun.

Pencapaian : 100% (2 siri kempen)

Kempen Siri 1/2013 pada 10 Februari hingga 31 Mac 2013 dengan pengurangan sebanyak 70%.

Kempen Siri 2/2013 pada 10 Julai hingga 6 September 2013 dengan pengurangan sebanyak 80%.



Program : Membina Hubungan Positif Dengan Para Pelabur Sediada

- Menjadi urusetia bagi Mesyuarat Jawatankuasa Pelaburan Perdagangan MBSA (IPMC)
Pencapaian : 100% (4 kali mesyuarat)
- Membuat lawatan ke kilang-kilang di bawah pentadbiran Majlis untuk membina hubungan positif.
Pencapaian : 33% (2 lawatan)



4.0 PENCAPAIAN TAHUN 2013

Sepanjang tahun 2013, Jabatan Pengurusan Hasil dan Pelaburan telah menemai dua kejayaan seperti yang berikut;

1. Johan (X-Park) – Peringkat Negeri
Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Kali ke-26 Peringkat Negeri Selangor
2. Johan (Shah Alam Industrial Directory)
Majlis Kualiti/Inovasi MBSA 2013
3. Persembahan Terbaik (X-Park) – Peringkat Kebangsaan
Konvensyen Kumpulan Inovatif dan Kreatif Perkhidmatan Awam Peringkat Kebangsaan Ke-30 yang diadakan di Borneo Convention Centre Kuching, Kuching, Sarawak.



5.0 RUMUSAN

Pencapaian tahun 2013 telah masih lagi belum mencapai sasaran yang ditetapkan oleh Pengurusan Tertinggi terutamanya dari segi kutipan Cukai Taksiran Semasa dan juga tunggakan. Walaubagaimanapun, usaha-usaha yang dijalankan telah membuahkan hasil yang melebihi sasaran yang ditetapkan oleh Kerajaan Negeri iaitu kutipan Cukai Semasa 90% dan Tunggakan Cukai Taksiran 70%. Disamping itu, pengurusan Tempat Letak Kereta pula dilihat semakin bertambah baik dari segi pengurusan sewaan dengan syarikat konsesi, tempat-tempat letak kereta yang diwartakan dan juga penyelenggaraan di lapangan. Dengan kekuatan tenaga kerja yang berpengalaman Jabatan ini akan terus melaksanakan tanggungjawab yang diberikan dan beriltizam untuk mencapai kutipan hasil yang lebih baik pada tahun-tahun akan datang.

BAHAGIAN AUDIT DALAM DAN PENGADUAN AWAM

1.0 PENGENALAN

Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam diketuai oleh Ketua Bahagian iaitu Juruaudit W48. Bahagian ini mempunyai tiga unit iaitu Unit Audit Dalam, Unit Aduan dan Unit Pentadbiran. Bahagian ini mempunyai 14 orang kakitangan terdiri dari seorang Juruaudit (W44) mengetuai Unit Audit Dalam dan seorang Pegawai Tadbir (N41) mengetuai Unit Aduan. Unit Audit Dalam dibantu oleh seorang Penolong Juruaudit Kanan (W32), dan 2 orang Penolong Juruaudit (W27) dan 2 orang Pembantu Tadbir Kewangan (W17). Manakala Unit Aduan dibantu oleh seorang Penolong Pegawai Tadbir (N27) dengan dibantu oleh 3 orang Pembantu Tadbir (N17). Seorang Pembantu Tadbir (N17) dan Pembantu Am Pejabat (N1) ditugaskan di Unit Pentadbiran.

1.1 UNIT AUDIT DALAM

Unit Audit Dalam telah menjalankan auditan di beberapa jabatan dan bahagian mengikut perancangan kerja 2013 iaitu

- Menjalankan Auditan Pematuhan iaitu menjalankan Auditan Pengurusan Kewangan di Jabatan Korporat dan Jabatan Khidmat Pengurusan. Objektif pengauditan adalah untuk membuat rumusan mengenai tahap pengurusan kewangan sesebuah jabatan dengan menentukan samada :-
 - Wujudnya struktur dan sistem pengurusan kewangan yang teratur
 - Wujudnya sistem kawalan dalaman yang berkesan terhadap pungutan hasil, perbelanjaan, amanah, kontrak, aset serta inventori.
 - Wujudnya sistem kerja yang sistematik bagi memastikan fungsi dan objektif jabatan tercapai.
 - Rekod-rekod berkaitan diselenggarakan dengan lengkap dan kemaskini.
- Menjalankan Auditan Prestasi Kontraktor di Jabatan Kejuruteraan, Jabatan Perkhidmatan Bandar dan Jabatan Taman dan Rekreasi. Walau bagaimanapun, hanya satu auditan berjaya dilaksanakan berikutan pihak Bahagian terpaksa menjalankan auditan khas yang perlu disegerakan atas arahan pihak atasan seperti berikut :-
 - Auditan Pengurusan Projek Penswastan Menaiktaraf, Mengurus dan Mengendali 'Boat House' serta Membangunkan Pusat Rehat dan Rekreasi Taman Tasik Barat Seksyen 14, Shah Alam oleh Tetuan Sri Antan Sdn Bhd
 - Auditan Pengurusan Penyewaan Restoran Taman Tasik Kedai Kopi 1
 - Kajian Khas Penyelenggaraan Parit Erong, Jabatan Kejuruteraan
 - Kajian Pengurusan Penswastan Gelanggang Futsal Seksyen 13
 - Laporan Auditan Pengurusan Penyewaan Restoran Tasik Timur (Kedai Kopi 2) oleh Hud's Enterprise
 - Semakan Laporan Hasil Bahagian Pengurusan Stadium sehingga 30 September 2013
- Pemeriksaan mengejut juga dibuat dengan membuat pemeriksaan di kaunter pembayaran Majlis iaitu Kaunter Utama Tingkat G, Kaunter OSC, Kaunter Jabatan Pelesenan, Kaunter Pandu Masuk, Kaunter Pejabat Cawangan Kota Kemuning, Sg Buloh dan Setia Alam. Di samping itu juga, pemeriksaan ke atas 'franking machine' dan wang panjar juga telah diadakan.



- Unit Audit juga bertanggungjawab menyelaras juruaudit-juruaudit ISO terdiri dari kakitangan MBSA yang dipilih daripada pelbagai jabatan untuk membantu Unit Audit Dalam menjalankan auditan ISO. Auditan ISO telah dijalankan pada tarikh 19 dan 20 Februari 2013 bagi skop aktiviti Fasa 3 yang telah dibangunkan dan 26 Ogos hingga 10 September 2013 bagi skop aktiviti Fasa 1.

- Unit Audit juga adalah urusetia dalam Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat sebagaimana yang ditetapkan di dalam Pekeliling PBT:SPBT Bil.5/2010. Mesyuarat perlu diadakan sekurang-kurangnya 3 kali setahun. Walau bagaimanapun, pada tahun 2013, Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat telah diadakan sebanyak 5 kali seperti berikut :-

Tarikh mesyuarat
29/1/2013
21/8/2013
10/10/2013
21/11/2013
5/12/13

- Sub-komiti Audit 5S juga menjadi sebahagian tugas Unit Audit Dalam. Ketua Bahagian Audit Dalam sebagai pengerusi, bertanggungjawab merangka dan menyelaras semua aktiviti yang berkaitan dengan 5S termasuk membuat penilaian Anugerah Pentadbiran dan Persekitaran Pejabat Cemerlang di MBSA. Audit 5S bagi kategori ruang pejabat telah dijalankan pada 21 Oktober 2013.
- Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam juga menjadi penyelaras Pemantauan Pembersihan kepada 27 pasukan audit yang terdiri daripada pegawai kumpulan A dan B. Pasukan audit ini menyemak tuntutan daripada 163 kontraktor sebelum dihantar ke UPEN SUK untuk bayaran.



2.0 PENCAPAIAN

- Pada tahun 2013, Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam telah memenangi tempat kedua dalam Konvensyen KIK (Kumpulan Inovatif dan Kreatif) Piala Datuk Bandar Kali Kedua anjuran MBSA sendiri.
- Di samping itu juga, Bahagian telah menjadi juara Kategori B bagi Anugerah Pentadbiran dan Persekitaran Berkualiti Peringkat MBSA.

2.1 UNIT PENGADUAN AWAM

Selain menjalankan auditan di jabatan dan bahagian di dalam MBSA, Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam juga bertanggungjawab sebagai penyelaras Aduan Awam. Unit ini menerima aduan untuk disalurkan ke jabatan-jabatan yang berkaitan agar tindakan dapat dilaksanakan dan aduan dapat diselesaikan. Unit Aduan Bahagian Audit Dalam dan Pengaduan Awam bertanggungjawab bagi aktiviti di bawah :-

Jumlah Penerimaan Aduan Mengikut Kategori Untuk Tahun 2013

Tarikh mesyuarat	Jumlah	
Selesai	19,801	88 %
Dalam Tindakan	2,701	12 %
Jumlah Aduan Diterima 2013	22,502	100 %

* Data diambil kira sehingga 15 Januari 2014.


Jumlah Penerimaan Aduan Mengikut Saluran Penerimaan Untuk Tahun 2013

Kategori Aduan	Jumlah
Aduan Jabatan	14
Area Officer	3
Bilik Gerakan	837
E-Mail	869
Faks	29
H.Bertemu Pelanggan	76
Hotline	1
Internet	8206
Kaunter	1629
Suk	380
Surat	183
Talian Biasa	10274
Televisyen	1
Jumlah	22,502

Jumlah Penerimaan Aduan Mengikut Kategori Untuk Tahun 2013

Kategori Aduan	Jumlah
ANJING	1603
CUKAI PINTU	60
DISIPLIN	250
HAIWAN	363
HAKISAN TANAH	130
HALANGAN AWAM	1122
HARTA MAJLIS	902
IKLAN	106
JALAN	1710
KAWALAN MUTU MAKANAN	7
KEBERSIHAN PREMIS MAKANAN	91
KEJIRANAN	398
KELEWATAN TINDAKAN PROSEDUR ISO	3
KUCING	221
LAIN-LAIN	1069
LAMAN WEB	3
LAMPU	4340
LONGKANG - KHIDMAT BANDAR	803
LONGKANG - SELENGGARAAN	506
MESIN TIKET LETAK KERETA	64
PASAR/GERAL/TANDAS	91
PENCEMARAN BUNYI/ALAM	547
PENGANGKUTAN AWAM	6
PENGURUSAN STADIUM	32
PERBUATAN KURANG SOPAN	6
PERNIAGAAN TANPA LESEN	650
PERUMAHAN APARTMENT	117
POKOK	2678
PONDOK BAS	12
PROJEK TERBENGKALAI	31
RUMAH/LOT KOSONG	299
RUMPUT	506
SALAHGUNA BANGUNAN	199
SALAHGUNA TANAH	190
SAMPAH - KHIDMAT BANDAR	2273
SAMPAH - SELENGGARAAN	347
STRUKTUR HARAM	157
TAMBAHAN PINDAAN	404
VANDALISME	4
VEKTOR	175
VIDEO GAMES/KUDA	27
Jumlah	22,502


Jumlah Penerimaan Aduan Untuk 3 Tahun Terkini



* Data diambil kira sehingga 15 Januari 2014.

Penerimaan aduan pada tahun 2013 berjumlah 22,502 peningkatan sebanyak 1,622 aduan berbanding tahun 2012. Ini berdasarkan beberapa inisiatif MBSA kepada masyarakat Shah Alam dalam memudahkan mereka menyalurkan aduan.


Status Penerimaan Aduan 2013



* Data diambil kira sehingga 15 Januari 2014.

Sebanyak 22,502 aduan diterima pada tahun 2013. Didapati sebanyak 2,698 aduan yang masih dalam tindakan. Ini melibatkan aduan yang perlu diselesaikan dalam jangka masa panjang.

5 Kategori Aduan Tertinggi 2013




* Data diambil kira sehingga 15 Januari 2014.

Aduan Lampu mencatatkan jumlah penerimaan aduan tertinggi. Sebanyak 4,340 aduan diterima sepanjang tahun 2013.

BAHAGIAN AUDIT DALAM DAN PENGADUAN AWAM


5 Saluran Penerimaan Aduan Tertinggi 2013



* Data diambil kira sebingga 15 Januari 2014.

Talian Am mencatatkan penerimaan aduan tertinggi sebanyak 10,274 di tahun 2013. Talian Aduan Bebas Tol 1 800 88 4477 menjadi saluran utama untuk warga Shah Alam menyalurkan aduan.

5 PENERIMAAN ADUAN TERTINGGI MENGIKUT JABATAN



* Data diambil kira sebingga 15 Januari 2014.

Pada tahun 2013, Jabatan Kejuruteraan adalah jabatan yang paling banyak menerima aduan. Sebanyak 6,982 aduan diterima yang melibatkan aduan lampu dan jalan.

2.2 PENAMBAHBAIKAN PENGURUSAN ADUAN MBSA 2013

MBSA telah mewujudkan Pusat Aduan MBSA yang pada awalnya memulakan operasi sebagai Bilik Operasi Sampah pada bulan November 2011, yang mana pada masa itu berlaku krisis sampah dan bilik operasi ini diwujudkan bagi menguruskan aduan berkaitan sampah domestik.

Mulai 3 Mei 2012, Bilik Operasi Sampah ini secara rasminya dikenali sebagai Pusat Aduan MBSA (MBSA Call Centre) yang mana pusat panggilan ini menerima semua jenis aduan daripada warga Shah Alam, tidak mengkhusus kepada aduan sampah domestik sahaja.

Mulai November 2012, Talian Bebas Tol telah diperkenalkan oleh MBSA melalui nombor telefon 1-800-88-4477 bagi memudahkan warga Shah Alam untuk membuat aduan. Talian telefon ini beroperasi 24 jam. Setiap aduan yang diterima akan disalurkan terus kepada jabatan/bahagian yang berkenaan untuk diambil tindakan.

Pada Disember 2012, maklumbalas jawapan aduan diberi kepada pengadu melalui Sistem Pesanan Ringkas (SMS). Sistem ini diguna pakai sepenuhnya bermula Januari 2013.

2.3 GAMBAR AKTIVITI UNIT ADUAN

Pemantauan Aduan.





Melalui Program Zon Bersih MBSA, salah satu inisiatif dalam memelihara kehijauan alam sekitar dijayakan dengan mewujudkan kebun komuniti di dalam kawasan sekolah.



Bahagian Pengurusan Stadium

102



Bahagian Tender Dan Kontrak

104



Bahagian Urusetia Mesyuarat

107



Bahagian Pesuruhjaya Bangunan (COB)

112

BAHAGIAN PENGURUSAN STADIUM

1.0 PENGENALAN/LATARBELAKANG

- Kompleks Sukan Shah Alam terletak di kawasan pembangunan yang pesat di Seksyen 13 Bandaraya Shah Alam.
- Mempunyai keluasan 189.60 ekar, Stadium Shah Alam mempunyai rekabentuk unik dan dilengkapi prasarana sukan bertaraf antarabangsa.
- Untuk meningkatkan keupayaan pengurusan Kompleks Sukan Shah Alam, pihak Majlis telah menubuhkan sebuah Bahagian yang diketuai oleh Pengurus Stadium pada 15 Januari 2005.

1.1 OBJEKTIF

Menguruskan fasiliti-fasiliti di Kompleks Sukan Stadium Shah Alam sebagai Pusat Fasiliti Utama Serantau dalam menyediakan kepelbagaian kegunaan Kompleks Sukan Stadium Shah Alam dan Penyelenggaraan Infrastruktur bertaraf dunia untuk menjana hasil Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA).

1.2 FUNGSI

- Mengurus dan menyelenggara Kompleks Sukan Shah Alam.
- Mengurus penyewaan bagi acara-acara seperti aktiviti sukan, sosial dan konsert di Stadium.
- Menyedia program perancangan dan pembangunan Kompleks Sukan Shah Alam.
- Memberi maklumbalas terhadap tempahan fasiliti Kompleks Sukan Shah Alam dalam tempoh lima (5) hari bekerja.
- Memberi maklumbalas masalah mengenai Kompleks Sukan Shah Alam dalam tempoh tiga (3) hari bekerja.

1.3 VISI

Menyediakan fasiliti kompleks sukan Shah Alam bertaraf dunia.

1.4 MISI

Sentiasa menyediakan perkhidmatan berkualiti bagi memenuhi keperluan pelanggan.

1.5 DASAR Q

Komitmen kami ialah memastikan setiap perkhidmatan dan fasiliti memenuhi kepuasan pelanggan menerusi perkhidmatan berkualiti berteraskan kecemerlangan organisasi.

1.6 KAKITANGAN

Bahagian Pengurusan Stadium yang diketuai oleh Pengurus Stadium pada masa ini mempunyai seramai 20 orang kakitangan yang diletakkan di bawah 3 unit yang terdiri daripada:

- Unit Pentadbiran dan Pembangunan
- Unit Landskap dan Padang
- Unit Penyelenggaraan

2.0 LAPORAN AKTIVITI

Pelbagai aktiviti dan acara telah berlangsung di Kompleks Sukan Shah Alam yang melibatkan penggunaan Stadium Malawati, Stadium Utama, Pusat Akuatik Darul Ehsan dan Tapak Letak Kereta, Seksyen 13 Shah Alam. Antara acara yang dijalankan di Stadium Malawati sepanjang tempoh tersebut termasuklah jualan gudang, konsert, pameran serta program ceramah dan sambutan yang melibatkan Kerajaan Negeri.

Banyak acara bolasepak telah berlangsung di Stadium Utama, antaranya Liga Super, AFC dan Piala Malaysia. Semasa perlawanan-perlawanan ini berlangsung, pihak BPS telah menyediakan kios-kiosk untuk perniagaan makanan, minuman dan pakaian sebagai tambahan hasil Majlis. Stadium Utama juga sering menjadi lokasi penggambaran iklan dan drama juga sukan sekolah.

Pusat Akuatik Darul Ehsan merupakan sebuah kawasan yang boleh dijadikan tempat tarikan pelancongan berikutan penggunaan yang tinggi pada setiap hari. Berikutan perkara tersebut, Pusat Akuatik merupakan lokasi yang sesuai untuk dijadikan pusat komersil untuk menjana pendapatan tambahan kepada Majlis.

Tapak Letak Kereta Kompleks Sukan Shah Alam juga menjadi lokasi untuk menjalankan aktiviti latihan pemanduan, pameran kereta dan karnival.


STADIUM UTAMA



Chelsea FC Asia Tour 2013



The Sultan Of Selangor's Cup 2013



Watsons Piala Malaysia 2013


MALAWATI




Anuar Zain - Three Decades of Music Love and Passion



Sambutan Hari Tadika Selangor 2013



Sambutan Hari Tadika Selangor 2013



Pameran Jualan - Home Deco Expo 2013

PUSAT AKUATIK



TEMPAT LETAK KERETA




2.1.1 HASIL DAN PENDAPATAN BPS TAHUN 2013

Lokasi	Bil. Acara	Jumlah Hasil
Stadium Utama	72	1,367,837.70
Stadium Malawati	30	1,241,414.30
Pusat Akuatik Darul Ehsan	31	585,365.00
Tapak Letak Kereta	127	227,545.00
Taman Sukan Lasak	2	3,999.50
Jumlah	262	3,426,161.50


2.1.2 SEWAAN TETAP

Lokasi	Bil. Penyewa	Jumlah Hasil
Stadium Utama	30	264,045.00
Stadium Malawati	1	46,200.00
Pusat Akuatik Darul Ehsan	18	188,899.33
Tapak Letak Kereta	2	555,371.64
Taman Sukan Lasak	1	55,000.00
JUMLAH	52	1,109,515.97

Perbandingan acara yang berlangsung tahun 2012 dan 2013



Perbandingan hasil pendapatan BPS tahun 2012 dan 2013



2.2 LAWATAN AGENSI LUAR

Tarikh	Agensi/Jabatan
18.01.13	Jabatan Penyelenggaraan Bangunan dan Elektrikal, Majlis Bandaraya Kuala Terengganu.
20.02.13	Institut Pendidikan Guru, Kampus Tengku Ampuan Afzan, Kuala Lipis, Pahang
02.09.13	Kolej Komuniti Selayang
14.09.13	Sekolah Kebangsaan Meru
23.10.13	Sekolah Kebangsaan Seri Medan, Batu Pahat, Johor
23.10.13	Majlis Perbandaran Ampang Jaya

3.0 TAWARAN TENDER DAN SEBUTHARGA

Majlis melalui Bahagian Pengurusan Stadium juga telah mengemukakan kertas cadangan untuk memohon peruntukan daripada Kerajaan Negeri Selangor bagi tujuan pembiayaan kerja-kerja baikpulih dan menaiktaraf Stadium Utama Shah Alam di Seksyen 13, Shah Alam.

Sebanyak RM 2,328,300.00 telahpun diluluskan oleh Perbendaharaan Negeri Selangor dan tender / sebutbarga telahpun ditawarkan bagi kerja-kerja berikut:

- Kerja-kerja menaiktaraf sistem siaraya;- RM 434,000
- Kerja-kerja menaiktaraf bilik persalinan dan tandas-tandas utama (VIP);- RM 692,000
- Kerja-kerja membaikpulih bumbung;- RM 656,000
- Kerja-kerja membaikpulih dua (2) unit genset;- RM 546,300

Kerja-kerja tersebut telah bermula pada bulan November 2013 dan dijangka siap pada bulan Mac 2014.

4.0 RUMUSAN

Secara keseluruhannya pencapaian Bahagian Pengurusan Stadium bagi tahun 2013 adalah sangat baik dengan jumlah hasil yang diperolehi pada tahun 2013 adalah sebanyak RM 4.53 juta berbanding RM 3.53 juta pada tahun 2012. Ini menunjukkan peningkatan/ penambahan hasil bagi tahun 2013 adalah sebanyak RM 1 juta.

Bagi memastikan kemudahan Kompleks Sukan Shah Alam sentiasa berada ditahap yang terbaik, Majlis telah mengemukakan permohonan peruntukan untuk kerja-kerja membaikpulih Stadium Malawati dan ianya telah dipersetujui dalam Mesyuarat Majlis Kerajaan Negeri Ke 13/2013 pada 3 April 2013 berjumlah RM3,532,280.00. Kerja-kerja yang dicadangkan untuk dilaksanakan adalah seperti berikut;

- Kerja-kerja membaikpulih laluan masuk VVIP, lantai dan ruang pemanas badan;- RM 316,200
- Kerja-kerja mengecat;- RM 419,000
- Kerja-kerja membaikpulih salur air bumbung, tangki air dan kumbahan tandas/bilik persalinan;- RM 660,250
- Kerja-kerja membaikpulih sistem hawa dingin;- RM 588,750
- Kerja-kerja membaikpulih bleachers/ bangku boleh lipat dan benteng penahan banjir- RM 386,300
- Kerja-kerja membaharumuka jalan di tempat letak kereta E1 & E2- RM 1,161,780

Pihak Bahagian Pengurusan Stadium akan cuba mempertingkatkan pencapaian di masa akan datang dalam mengurus dan menyelenggara Kompleks Sukan Shah Alam bagi memastikan fungsi dan peranan kemudahan di Stadium Utama, Stadium Malawati dan Pusat Akuatik Darul Ehsan akan terus relevan dan memanfaatkan kepada orang awam.

BAHAGIAN TENDER & KONTRAK

1.0 PROFIL

a. Pengenalan

Bahagian Tender dan Kontrak (BTK) ditubuhkan sebagai satu bahagian untuk menyelaras dan menguruskan pentadbiran kontrak Majlis Bandaraya Shah Alam selaras dengan kehendak-kehendak Arahan Perbendaharaan dan ISO 9002.

Mempunyai seramai 18 kakitangan yang berkhidmat di bahagian ini. Ianya terdiri daripada 1 orang Ketua Bahagian, 2 orang Juruukur Bahan, 6 orang Penolong Juruukur Bahan, 5 orang Juruteknik, 3 orang Pembantu Tadbir dan seorang Pembantu Am Rendah.

b. Piagam Pelanggan

Piagam Pelanggan Bahagian Tender Dan Kontrak adalah seperti berikut :

- i. Mengiklankan tawaran tender dalam tempoh enam (6) minggu dari tarikh penerimaan permohonan jabatan
- ii. Mengiklankan tawaran sebutbarga dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh penerimaan permohonan jabatan
- iii. Mengemukakan dokumen tender & sebutbarga kepada jabatan dalam tempoh 7 hari bekerja dari tarikh tutup iklan tawaran
- iv. Menyediakan surat tawaran tender & sebutbarga dalam tempoh 14 hari dari tarikh mesyuarat
- v. Melengkapkan dokumen perjanjian lengkap dalam tempoh 3 bulan dari tarikh surat tawaran
- vi. Menyediakan sijil bayaran dalam tempoh 14 hari dari tarikh lawatan tapak
- vii. Menguruskan peralantikan perunding dalam tempoh empat (4) minggu dari tarikh penerimaan permohonan jabatan
- viii. Mengatur undian kerja inden dalam tempoh empat (14) hari dari tarikh penerimaan jabatan d. Fungsi

BTK adalah berfungsi menguruskan perolehan Majlis secara kerja-kerja undi, tawaran sebutbarga atau tawaran tender mengikut had nilai yang ditetapkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Ianya juga bertanggungjawab menyemak kerja-kerja inden atau Pesanan Tempatan atas arahan Datuk Bandar.

BTK juga menyediakan Kursus berkaitan dengan Tender & Kontrak kepada Kontraktor dan Jabatan berkaitan.

Had nilai perolehan yang digunakan oleh Majlis Bandaraya Shah Alam adalah berdasarkan kepada Arahan Perbendaharaan Bil.5 Tahun 2009 adalah seperti dibawah.

Kaedah Tawaran	Jenis Perolehan	Had Limit Kewangan
Tender	Perolehan secara tender yang bernilai RM 500,001.00 ke atas.	
Sebutbarga	a. Perkhidmatan	RM50,000.00 (min) RM500,000.00 (max)
	b. Bekalan	RM50,000.00 (min) RM500,000.00 (max)
	c. Kerja	RM20,000.00 (min) RM500,000.00 (max)
Undi	Perolehan secara undi yang bernilai RM 5,000.00 hingga RM 20,000.00	

Pemborong yang berminat untuk menyertai tawaran tender @ sebutbarga dengan MBSA diwajibkan berdaftar di laman web <http://tender.selangor.gov.my> dengan bayaran pendaftaran sejumlah RM100.00 untuk tempoh setahun secara online dan syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:-

i. Tender

Tawaran Kerja	Jenis Pehan	Jenis Pehan	Jenis Pehan	Jenis Pehan
Tender	a. Perkhidmatan	Kementerian Kewangan Malaysia	Bidang berkenaan (dinyatakan dalam iklan)	Seluruh Malaysia
	b. Bekalan	Kementerian Kewangan Malaysia	Bidang berkenaan (dinyatakan dalam iklan)	Seluruh Malaysia

Tawaran Kerja	Jenis Pehan	Jenis Pehan	Jenis Pehan	Jenis Pehan
Tender	c. Kerja	Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK) & Lembaga Industri Binaan Malaysia (CIDB)	Gred 'G3' ke atas	Seluruh Malaysia
	d. Elektrik	Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK) & Lembaga Industri Binaan Malaysia (CIDB))& Suruhanjaya Tenaga	Gred 'G3' ke atas	Seluruh Malaysia

ii. Sebutbarga

Tawaran Kerja	Jenis Pehan	Jenis Pehan	Jenis Pehan	Jenis Pehan
Sebutbarga	a. Perkhidmatan	Kementerian Kewangan Malaysia	Bidang berkenaan (dinyatakan dalam iklan)	Negeri Selangor/ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya
	b. Bekalan	Kementerian Kewangan Malaysia	Bidang berkenaan (dinyatakan dalam iklan)	Negeri Selangor/ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya
	c. Kerja	Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK) & Lembaga Industri Binaan Malaysia (CIDB)	Gred 'G1' & G2	Daerah Petaling @ daerah yang dicadangkan tawaran kerja
	d. Elektrik	Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK) & Lembaga Industri Binaan Malaysia (CIDB) & Suruhanjaya Tenaga	Gred 'G1', G2 & G3	Negeri Selangor sahaja

- iii. Pemborong yang berminat untuk menyertai kerja-kerja undi perlu hadir ke tempat dan waktu yang telah diiklankan di di laman web <http://www.mbsa.gov.my> dan syarat-syarat penyertaan adalah seperti berikut:-

Undi

Tawaran Kerja	Jenis Pehan	Jenis Pehan	Jenis Pehan	Jenis Pehan
Sebutbarga	a. Perkhidmatan	Kementerian Kewangan Malaysia	Bidang berkenaan (dinyatakan dalam iklan)	Negeri Selangor/ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya
	b. Bekalan	Kementerian Kewangan Malaysia	Bidang berkenaan (dinyatakan dalam iklan)	Negeri Selangor/ Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur/ Putrajaya

Tawaran Kerja	Jenis Pehan	Jenis Pehan	Jenis Pehan	Jenis Pehan
Sebutharga	c. Kerja	Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK) & Lembaga Industri Binaan Malaysia (CIDB)	Gred 'G1'	Daerah Petaling @ daerah yang dicadangkan tawaran kerja
	d. Elektrik	Sijil Perolehan Kerja Kerajaan (SPKK), Sijil Perakuan Pendaftaran Kontraktor (SPPK) & Lembaga Industri Binaan Malaysia (CIDB) & Suruhanjaya Tenaga	Gred 'G1' @ G2	Negeri Selangor sahaja

2.0 LAPORAN AKTIVITI :

Memproses permohonan/cadangan daripada Jabatan mengikut nilai perolehan iaitu secara undi, tawaran tender dan sebutharga sehinggalah kepada perantaraan pemborong. Bahagian Tender & Kontrak juga memberi kursus kepada kontraktor dan kepada Jabatan berkaitan. Selain itu Bahagian Tender & Kontrak membuat majlis penyerahan surat tawaran kepada kontraktor:-


2.1 TENDER & SEBUTHARGA

a. Laporan Proses Tawaran Tender & Sebutharga


Aktiviti	Tindakan	Beban Tugas
Penyediaan Bill Of Quantity (BQ) dan melengkapkan dokumen tawaran. a. Tender = 183 tawaran b. Sebutharga = 472 tawaran 183 + 472 = 655 dokumen 655 = 327.5 dokumen 2 655 = 97 dokumen 6	2 orang Juruukur Bahan 6 orang Penolong Juruukur Bahan	Seorang Juruukur Bahan memantau 327.5 dokumen Seorang Penolong Juruukur Bahan menyediakan 109 naskhah dokumen
Membuat salinan dokumen tawaran a. Tender 183 x 30 salinan = 5490 bil b. Sebutharga 472 x 50 salinan = 23,600 bil	3 orang Juruukur Bahan	655 = 218 dokumen 3 Seorang Juruukur Bahan menyemak 218 dokumen tawaran
Tender = 183 tawaran b. Sebutharga =	Pihak luar 5 Orang Juruteknik 3 Orang Pembantu Tadbir	29,090 = 3636 dokumen 8
Membuka dokumen tawaran selepas tarikh tutup iklan a. Tender = 5490 bil b. Sebutharga = 23,600 bil	15 orang kakitangan	5490 + 23,600 15 orang = 1936.33 dokumen
Membuat laporan penilaian untuk mesyuarat Jawatankuasa a. Laporan penilaian tender sebanyak 28 bil b. Laporan penilaian sebutharga sebanyak 174 bil	2 Orang Juruukur Bahan 6 Orang Penolong Juruukur Bahan	28 + 174 = 202 bil 22 = 25 bil 8
Menyemak laporan penilaian daripada Jabatan a. Tender 183 - 28 = 155 b. Sebutharga 472 - 174 = 298	3 orang Juruukur Bahan	155 + 298 = 453 3 151 laporan seorang
Penyediaan minit mesyuarat a. Mesyuarat penilaian Tender = 11 kali Sebutharga = 11 kali b. Mesyuarat Lembaga tender = 11 kali Jawatankuasa sebutharga = 11 c. Minit mesyuarat Majlis Penuh Tender = 11 kali Sebutharga = 11 kali d. Semakan minit Mesyuarat Penilaian, Jawatankuasa/ Lembaga dan Majlis Penuh a=22, b=22, c=22 22+22+22=66	6 Orang Penolong Juruukur Bahan 6 Orang Penolong Juruukur Bahan 6 Orang Penolong Juruukur Bahan 3 Orang Juruukur Bahan	11+11=22(a) 22 = 4 6 11+11=22(b) 22 = 4 6 11+11=22(c) 22 = 4 6 66 = 22 3 22 minit mesyuarat

Aktiviti	Tindakan	Beban Tugas
Penyediaan dan Penyerahan Surat tawaran a. Tender = 183 b. Sebutharga = 472 Jumlah = 655	5 Orang Juruteknik	655 5 = 131 Surat Tawaran
Penyediaan Dokumen Perjanjian 655 Dokumen Perjanjian	5 Orang Juruteknik	655 5 = 131 Dokumen perjanjian
Laporan pemantauan projek 242 kali	2 orang Juruukur Bahan 6 orang Penolong Juruukur Bahan 5 orang Juruteknik	242 13 = 18 kali lawatan tapak
Penyediaan Dokumen Bayaran 655 dokumen	2 Juruukur Bahan 6 Penolong Juruukur Bahan	655 8 = 82 dokumen bayaran


b. Graf Jumlah Permohonan Tender Permohonan Tawaran Tender



c. Graf Jumlah Permohonan Sebutharga Permohonan Tawaran Sebutharga




d. Carta Pai Hasil Penjualan Dokumen Tender & Sebutharga Hasil Penjualan Dokumen Tender & Sebutharga



BAHAGIAN TENDER & KONTRAK

- e. Carta Pai Hasil Kutipan Yuran Memproses Dokumen Perjanjian
Hasil Kutipan Yuran Memproses Dokumen Perjanjian



BTK juga menguruselia peruntukan Projek Pembangunan Majlis, peruntukan dari pihak Kerajaan Persekutuan/Negeri.

Aktiviti	Bil. Projek	Jumlah Peruntukan (RM)
Peruntukan Pembangunan Majlis	200	RM 53,766,941.57
Peruntukan MARRIS	65	RM 21,428,370.00
Peruntukan MIDA	-	-
Jumlah Keseluruhan	265	RM 75,195,311.57

2.2 KERJA UNDI

a. Laporan Kerja Undi 2013

Sehingga ke tarikh ini MBSA telah mengadakan 4 kali cabutan kerja undi yang mana adalah seperti berikut :-

Cabutan	Tarikh Cabutan	Bilangan Kerja	Jumlah (RM)	Pendaftaran Kontraktor
Pertama Bil 1/2013	16 Mei 2013	40 Kerja	491,155.70	126 Kontraktor
Kedua Bil 2/2013	18 Julai 2013	31 Kerja	298,369.50	61 Kontraktor
Ketiga Bil 3/2013	24 Oktober 2013	16 Kerja	236,793.50	109 Kontraktor
Keempat Bil 4/2013	12 Disember 2013	17 Kerja	205,060.80	84 Kontraktor
Jumlah		104 Kerja	1,231,379.50	347 Kontraktor

Berdasarkan jadual diatas, di dapati jumlah keseluruhan kerja undi yang telah dijalankan setakat ini adalah sebanyak **104 kerja** yang mana melibatkan nilai keseluruhan **RM 1,231,379.50**.

Walaupun bagaimanapun, syarikat yang telah mendapat kerja undi hanya akan dibenarkan hadir selepas 2 bulan dari tempoh siap kerja yang ditawarkan serta semua kontraktor yang telah berjaya mendapat tender atau sebutharga untuk Tahun 2013 tidak dibenarkan hadir dan menyertai cabutan undi yang diadakan seterusnya.

b. Gambar Kerja Undi



2.3 KURSUS KEPADA KONTRAKTOR & JABATAN BERKAITAN

Kursus yang diadakan adalah berkenaan tatacara bayaran untuk kerja kerja perkhidmatan.

Kursus ini memberi penjelasan tentang :-

- Dokumen-dokumen penting yang perlu dikemukakan oleh pihak pemborong sebelum tuntutan bayaran diproses.
- Gambaran yang jelas kepada pihak kontraktor bagaimana tuntutan bayaran ini diproses daripada penerimaan tuntutan oleh pihak Jabatan sehingga tuntutan diproses oleh Jabatan Kewangan bagi penyediaan cek.
- Masalah-masalah yang sering berlaku di mana menyebabkan tuntutan lambat diproses.
- Kesan sekiranya pihak kontraktor tidak mengemukakan tuntutan/melewat-lewatkan tuntutan kepada pihak Majlis.

Sebanyak 4 kursus telah dilaksanakan sepanjang tahun 2013 iaitu:-

- 28hb Mac 2013 (Kursus Tatacara Bayaran untuk Kontraktor Pembersihan Awam)
- 23hb Mei 2013 (Kursus Tatacara Bayaran untuk Kontraktor Penyelenggaraan Taman & Penyelenggaraan Dewan)
- 30hb Oktober 2013 (Penyerahan Surat Tawaran & Taklimat kepada Kontraktor Penyelenggaraan Taman –Sebutharga)
- 24hb Disember 2013 (Penyerahan Surat Tawaran & Taklimat kepada Kontraktor Penyelenggaraan Longkang –Sebutharga & Kontraktor Pembersihan Awam-Tender)



3.0 PENCAPAIAN

a. MS ISO 9002:2000

BTK telah dianugerahkan persijilan MS ISO 9002 : 1994 bagi aktiviti Pengurusan Tender Dan Kontrak pada 21 September 1999 oleh pihak SIRIM QAS dan dinaiktaraf kepada MS ISO 9001 : 2000 pada 20 September 2003.

b. Sistem Amalan 5S

Sistem Amalan 5S telah berjaya dilaksanakan dan banyak membawa perubahan terhadap sistem dan persekitaran di tempat kerja. Bagi menjayakan pelaksanaan sistem ini program gotong royong bulanan diwajibkan pada semua kakitangan.

BTK telah mendapat tempat ke-3 dalam pertandingan 5S Antara Jabatan.

c. Kumpulan Inovatif & Kreatif (KIK)

KIK merupakan kumpulan yang dilantik untuk menghalusi cadangan dan idea luaran atau dalaman dan seterusnya menggerakkan pelaksanaan inovasi. KIK boleh memperoleh idea dan cadangan dengan menanda aras amalan terbaik agensi dalam atau luar Negara BTK telah mendapat saguhati dalam pertandingan KIK peringkat Jabatan.

d. Kumpulan Inovasi

Inovasi adalah cetus idea-idea kreatif yang dapat meningkatkan kualiti dan produktiviti penyampaian perkhidmatan. Idea-idea tersebut boleh diperoleh dari dalam dan luar atau melalui proses penyelidikan dan pembangunan (R&D) sebagai idea baru atau diadaptasi untuk digunapakai mengikut keperluan jabatan /agensi. Inovasi yang dihasilkan hendaklah berupaya menambah nilai output semasa serta membawa transformasi dan perubahan kepada amalan sediaada. Inovasi boleh berbentuk produk, perkhidmatan, proses atau teknologi.

BTK telah mendapat saguhati untuk pertandingan inovasi peringkat jabatan.

Ketua Bahagian Tender & Kontrak (Puan Norani Binti Amat) telah dipilih sebagai penceramah di Morib, Selangor dalam pengkhusuan 'Kaedah Perolehan & Pelaksanaannya'

4.0 HALATUJU

Bahagian Tender & Kontrak akan memastikan setiap permohonan tawaran tender & sebutharga dari Jabatan akan diuruselia dengan cekap, tepat, telus dan bertanggungjawab. Dengan penambahan kakitangan objektif di atas dapat dicapai dengan jayanya kerana Bahagian Tender & Kontrak mempunyai beban kerja yang lebih banyak pada masa akan datang.

BAHAGIAN URUSETIA MESYUARAT

1.0 PROFIL

1.1 Bahagian Urusetia Mesyuarat bertindak sebagai urusetia yang menyelaraskan Mesyuarat Majlis, Mesyuarat Khas Majlis, Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Pengurusan dan mesyuarat-mesyuarat lain yang diarahkan oleh pihak pengurusan dari semasa ke semasa.i.

1.2 Fungsi Bahagian Urusetia Mesyuarat adalah seperti berikut:

1.2.1 Urusetia Mesyuarat Majlis:

- i. Menguruskan Pra Mesyuarat Majlis (Pengarah).
- ii. Menguruskan Pra Mesyuarat Majlis (Ahli Majlis).
- iii. Menguruskan Mesyuarat Majlis pada setiap bulan.
- iv. Menyediakan minit Mesyuarat Majlis, menyelaraskan laporan / cadangan Jawatankuasa, Perkara Berbangkit, Ulasan Ahli Majlis, Ucapan Penangguhan dan Soalan Bertulis untuk Mesyuarat Majlis.
- v. Menyediakan tempat mesyuarat dan persiapan yang berkaitan sebelum mesyuarat.
- vi. Merekodkan kehadiran Ahli Majlis, Pengarah Jabatan / Ketua Bahagian / Pengurus Cawangan dan jemputan yang terlibat.
- vii. Menguruskan tuntutan elaun kehadiran mesyuarat Ahli Majlis.
- viii. Menyediakan laporan kehadiran mesyuarat Ahli Majlis kepada pihak Setiausaha Kerajaan Negeri.

1.2.2 Urusetia Mesyuarat Jawatankuasa:

- i. Menyediakan tarikh Mesyuarat Jawatankuasa mengikut kesesuaian jadual Y.Bhg. Datuk Bandar.
- ii. Mengumpulkan minit Mesyuarat Jawatankuasa untuk diedarkan kepada Ahli Majlis, Pengarah, Jabatan / Bahagian / Pejabat Cawangan dan Agensi Luar yang terlibat.
- iii. Menyediakan notis panggil mesyuarat Jawatankuasa untuk ditandatangani oleh Timbalan Datuk Bandar.
- iv. Mengedarkan notis dan minit Mesyuarat Jawatankuasa kepada Ahli Majlis, Pengarah Jabatan / Ketua Bahagian / Pengurus Cawangan dan Agensi Luar yang terlibat.
- v. Menyediakan tempat mesyuarat dan persiapan yang berkaitan sebelum mesyuarat, Pengarah Jabatan / Ketua Bahagian / Pengurus Cawangan dan Agensi Luar yang terlibat.
- vi. Merekodkan kehadiran Ahli Majlis.

1.2.3 Urusetia Mesyuarat Pengurusan:

- i. Menguruskan mesyuarat sekurang-kurangnya 2 atau 3 kali sebulan.
- ii. Menyediakan minit Mesyuarat Pengurusan.
- iii. Menyelaraskan kertas cadangan / laporan daripada Jabatan / Bahagian / Pejabat Cawangan untuk dibentangkan dalam Mesyuarat Pengurusan.
- iv. Menyediakan tempat mesyuarat dan persiapan yang berkaitan sebelum mesyuarat.
- v. Merekodkan kehadiran Pengarah Jabatan / Ketua Bahagian / Pengurus Cawangan dan Timbalan Pengarah Jabatan yang hadir.

1.2.4 Menguruskan mesyuarat-mesyuarat lain yang diarahkan oleh Y.Bhg. Datuk Bandar / Timbalan Datuk Bandar dari semasa ke semasa.

2.0 LAPORAN AKTIVITI

2.1 Sehingga tarikh 1 Januari 2013, bilangan Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Shah Alam bagi Sesi 2012/2013 adalah seramai 25 orang termasuk Y.Bhg. Datuk Bandar seperti berikut:

Bulan	Organisasi	Tarikh Lantikan
Y.BHG DATO' HJ MOHD JAAFAR BIN HJ MOHD ATAN	MBSA	7.3.2012
YDH DATO' HJ EMRAN BIN HJ KADIR	OBD	7.3.2012
ENCIK KAMARUDZAMAN BIN SANUSI	PKR	7.3.2012
YM TENGKU AHMAD BIN TENGKU KASIM	PKR	7.3.2012
PUAN DR DAROYAH BINTI ALWI	PKR	7.3.2012
ENCIK ABD MANAFF BIN HJ YUSOFF	PKR	7.3.2012
PUAN SARIMAH BINTI LISUT	PKR	7.3.2012
ENCIK TAN AH KOW @ TAN SIEW WAI	PKR	7.3.2012
ENCIK HISHAM BIN SHARIMAN	PKR	7.3.2012
ENCIK SABASTINE RAO A/L PRAGASAM	PKR	7.3.2012
ENCIK ABDUL RAZAK BIN IDRIS	PKR	7.3.2012
TUAN IR IZHAM BIN HASHIM	PAS	7.3.2012
ENCIK NORHALIM BIN SIROME	PAS	7.3.2012
PUAN MARIAM BINTI ABDUL RASHID	PAS	7.3.2012
ENCIK FAKHRUL AZMAN BIN KHALIDIN	PAS	7.3.2012
ENCIK ZAINAL BIN SAID	PAS	7.3.2012
ENCIK ANG LENG KIAT	DAP	7.3.2012
ENCIK JAMES NG BOON TECK	DAP	7.3.2012
ENCIK GANABATIRAU A/L VERAMAN	DAP	7.3.2012
PUAN NORAINI BINTI HUSSIN	NGO	7.3.2012
ENCIK HALIM BIN MOHAMED REDZUAN	NGO	7.3.2012
PUAN RUTHIRA A/P SURASAN	NGO	7.3.2012
ENCIK PRAKASH RAO A/L APPLASAMY	NGO	7.3.2012
ENCIK SIVARAJAN A/L ARUMUGAM	PSM	7.3.2012
TUAN HJ. MOHD HARRIS BIN ABU BAKAR	PKR	6.6.2012

Perincian organisasi yang dianggotai oleh Ahli Majlis bagi Sesi 2012/2013 sehingga 1 Januari 2013 adalah seperti berikut:

Organisasi	Jumlah
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)	1
ORANG BESAR DAERAH PETALING (OBD)	1
PARTI PAKATAN RAKYAT (PKR)	10
PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)	5
PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK (DAP)	3
NGO	4
PARTI SOSIALIS MALAYSIA (PSM)	1
JUMLAH	25

Pada bulan April dan Mei 2013, pihak Majlis telah menerima surat peletakan jawatan daripada 3 orang Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Shah Alam dengan perincian seperti berikut:

Ahli Majlis	Alasan	Tarikh Peletakan Jawatan
YB. PUAN DR. DAROYAH BINTI ALWI	MENJADI ADUN SEMENTA N43	5 MEI 2013
YB. GANABATIRAU A/L VERAMAN	MENJADI ADUN KOTA ALAM SHAH N48	19 APRIL 2013
ENCIK SIVARAJAN A/L ARUMUGAM	RELA HATI	7 MEI 2013

Lanjutan daripada peletakan jawatan sebagai Ahli Majlis daripada YB. Puan Dr. Daroyah Binti Alwi, YB. Ganabatirau a/l Veraman dan Encik Sivarajan a/l Arumugam, pihak Majlis telah menghantar surat pemakluman peletakan jawatan tersebut ke Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) melalui rujukan surat MBSA/UMM/100-12/1/2 yang bertarikh 20 Mei 2013.

Susulan daripada itu, pihak Majlis telah menerima surat maklumbalas berkaitan pengesahan penamatan jawatan bagi ketiga-tiga orang Ahli Majlis tersebut sebagai Ahli Majlis, Majlis Bandaraya Shah Alam Sesi 2012/2013 dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan,

BAHAGIAN URUSETIA MESYUARAT

Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) melalui rujukan surat (39) dlm.IPK.Sel (5) 2106 Jld.32 yang bertarikh 12 Julai 2013.

Manakala arahan pelantikan Ahli Majlis baru selanjutnya telah diterima oleh pihak Majlis dari Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor, Seksyen Pihak Berkuasa Tempatan, Unit Perancangan Ekonomi Negeri (UPEN) melalui rujukan surat (27) dlm.IPK.Sel (5) 2106 Jld.33 yang bertarikh 16 Ogos 2013. Arahan pelantikan tersebut adalah daripada Y.A.B Dato' Menteri Besar Selangor yang telah diluluskan di dalam Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri Selangor (MMKN) ke 22/2013 yang bermesyuarat pada 31 Julai 2013.

Surat tersebut memaklumkan berkaitan Pelantikan Ahli Majlis Pihak Berkuasa Tempatan Negeri Selangor Bagi Tempoh 1 Ogos sehingga 31 Disember 2013 untuk menggantikan 3 kekosongan Ahli Majlis MBSA seperti yang diperuntukkan di bawah Seksyen 10 (1) Akta Kerajaan Tempatan 1976.

Oleh yang demikian, pihak Majlis telah mengadakan Majlis Angkat Sumpah untuk mengisi 3 kekosongan Ahli Majlis MBSA tersebut pada 28 Ogos 2013. Perincian Ahli Majlis yang telah dilantik adalah seperti berikut:

Ahli Majlis	Tarikh Lantikan	Organisasi
ENCIK PAPPARAI DU A/L VERAMAN	28 OGOS 2013	DAP
ENCIK FARIZ BIN ABDULLAH	28 OGOS 2013	NGO
PUAN ANIZAN BINTI OTHMAN	28 OGOS 2013	PKR

Maka bermula 28 Ogos 2013 sehingga 31 Disember 2013, senarai Ahli Majlis Majlis Bandaraya Shah Alam bagi Sesi 2012/2013 adalah seperti berikut:

Bulan	Organisasi	Tarikh Lantikan
Y.BHG DATO' HJ MOHD JAAFAR BIN HJ MOHD ATAN DATUK BANDAR SHAH ALAM	MBSA	7.3.2012
YDH DATO' HJ EMRAN BIN HJ KADIR	OBD	7.3.2012
ENCIK KAMARUDZAMAN BIN SANUSI	PKR	7.3.2012
YM TENGKU AHMAD BIN TENGKU KASIM	PKR	7.3.2012
ENCIK ABD MANAFF BIN HJ YUSOFF	PKR	7.3.2012
PUAN SARIMAH BINTI LISUT	PKR	7.3.2012
ENCIK TAN AH KOW @ TAN SIEW WAI	PKR	7.3.2012
ENCIK HISHAM BIN SHARIMAN	PKR	7.3.2012
ENCIK SABASTINE RAO A/L PRAGASAM	PKR	7.3.2012
ENCIK ABDUL RAZAK BIN IDRIS	PKR	7.3.2012
TUAN IR IZHAM BIN HASHIM	PAS	7.3.2012
ENCIK NORHALIM BIN SIROME	PAS	7.3.2012
PUAN MARIAM BINTI ABDUL RASHID	PAS	7.3.2012
ENCIK FAKHRUL AZMAN BIN KHALIDIN	PAS	7.3.2012
ENCIK ZAINAL BIN SAID	PAS	7.3.2012
ENCIK ANG LENG KIAT	DAP	7.3.2012
ENCIK JAMES NG BOON TECK	DAP	7.3.2012
PUAN NORAINI BINTI HUSSIN	NGO	7.3.2012
ENCIK HALIM BIN MOHAMED REDZUAN	NGO	7.3.2012
PUAN RUTHIRA A/P SURASAN	NGO	7.3.2012
ENCIK PRAKASH RAO A/L APPLASAMY	NGO	7.3.2012
TUAN HJ. MOHD HARRIS BIN ABU BAKAR	PKR	6.6.2012
ENCIK PAPPARAI DU A/L VERAMAN	DAP	28.8.2013
ENCIK FARIZ BIN ABDULLAH	NGO	28.8.2013
PUAN ANIZAN BINTI OTHMAN	PKR	28.8.2013

Perincian organisasi yang dianggotai oleh Ahli Majlis bagi Sesi 2012/2013 sehingga 31 Disember 2013 adalah seperti berikut:

Organisasi	Jumlah
MAJLIS BANDARAYA SHAH ALAM (MBSA)	1
ORANG BESAR DAERAH PETALING (OBD)	1
PARTI PAKATAN RAKYAT (PKR)	10
PARTI ISLAM SEMALAYSIA (PAS)	5
PARTI TINDAKAN DEMOKRATIK (DAP)	3
NGO	5
PARTI SOSIALIS MALAYSIA (PSM)	-
Jumlah	25


- 2.2 Bahagian Urusetia Mesyuarat telah menguruskan sebanyak 311 mesyuarat yang melibatkan Mesyuarat Majlis, Mesyuarat Khas Majlis, Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Pengurusan dan mesyuarat-mesyuarat lain sepanjang tahun 2013 mengikut bilangan seperti berikut:

Bulan	Mesyuarat Majlis	Mesyuarat Khas Bajet	Mesyuarat Jawatankuasa	Mesyuarat Pengerusi	*Mesyuarat Lain	Jumlah
Jan	1	-	22	2	7	32
Feb	1	-	18	2	5	26
Mac	1	-	20	3	6	30
Apr	1	-	10	2	6	19
Mei	1	-	15	3	7	26
Jun	1	-	15	1	5	22
Jul	1	-	22	2	5	30
Ogo	1	-	17	-	5	23
sep	1	-	17	1	6	25
Okt	1	1	17	1	5	25
Nov	1	-	17	-	5	23
Dis	1	-	21	2	6	30
Jumlah	12	1	211	20	68	311

*Mesyuarat-mesyuarat lain yang diselenggarakan oleh Bahagian Urusetia Mesyuarat adalah seperti berikut:

Mesyuarat
JK Kerja Pengindahan Bandar
Pra Jawatankuasa Audit & Pengurusan Korporat
Pra Jawatankuasa Pusat Setempat
Pra Mesyuarat Majlis (Pengarrah)
Pra Mesyuarat Majlis (Ahli Majlis)
JK Teknikal Anti Pemerdagangan Manusia

Gambarajah di bawah adalah carta pai yang menunjukkan perincian statistik peratusan mesyuarat yang telah diadakan pada tahun 2013.



Sebahagian besar daripada mesyuarat-mesyuarat yang diuruskan oleh Bahagian Urusetia Mesyuarat adalah dipengerusikan oleh Y. Bhg. Datuk Bandar. Hanya apabila ketiadaan Y. Bhg. Datuk Bandar sahaja mesyuarat akan dipengerusikan oleh Tuan Timbalan Datuk Bandar. Manakala, Mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Korporat dan Jawatankuasa Teknikal Anti Pemerdagangan Manusia akan dipengerusikan oleh Ahli Majlis MBSA yang dilantik.

Bahagian Urusetia Mesyuarat juga menguruskan beberapa perkara berikut bagi setiap mesyuarat yang diselenggarakan iaitu:

- i. Membuat perancangan jadual Mesyuarat Majlis, Mesyuarat Khas Majlis, Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Pengurusan dan Mesyuarat-mesyuarat lain.
 - ii. Penyediaan tempat mesyuarat.
 - iii. Penyediaan notis, minit mesyuarat dan kertas laporan / cadangan.
 - iv. Penyediaan minit Mesyuarat Majlis dan Mesyuarat Pengurusan.
 - v. Tempahan jamuan makanan dan minuman.
 - vi. Mengambil / mencatatkan kehadiran Ahli Mesyuarat Jawatankuasa, Mesyuarat Majlis dan Mesyuarat Khas Majlis.
 - vii. Mendapatkan maklumbalas keputusan Perkara Berbangkit, Ulasan, Ucapan Penangguhan Mesyuarat Majlis daripada Jabatan / Bahagian / Pejabat Cawangan.
